



فكره بولتين

Buletin Fikrah | Bil. 7 | 2017



UTeM

TERJADINYA

KIAMAT

MENURUT ISLAM

DAJJAL

APAKAH ISRA'IL? | SIAPAKAH AL-MAHDI | YA'JUJ & MA'JUJ, SIAPAKAH MEREKA?

BERHENTI SEMENTARA! SEBELUM PINTU TAUBAT TERTUTUP

MENYEDIAKAN AMAT BANYAK?	SUDAH LENGKAPKAH TANDA-TANDA KIAMAT KECIL?	TANDA KIAMAT: KELUARNYA ASAP (AD DUKHAN)	TIUPAN SANGKAKALA BUKAN SEKADAR PERINGATAN BIASA
-----------------------------	--------------------------------------------------	------------------------------------------------	--------------------------------------------------------

BP
1
.B84
2017
a
no.7

Kandungan



SEKAPUR SIREH Pengarah Pusat Islam	03
TINTA KETUA EDITOR	04
CARTA ORGANISASI Pusat Islam	05
SIDANG REDAKSI Buletin Fikrah 2015	
PERSIAPAN MENGHADAPI KEMATIAN & TANDA-TANDANYA Encik Gafar Othman	06
SUNNAH PENGURUSAN JENAZAH Ustaz Mohammad Ali Janas	09
TERJADINYA KIAMAT MENURUT ISLAM Ustazah Syamilah Mohd Ali	14
MENGAPA NAMA KIAMAT AMAT BANYAK? Muhammad Hakimi Sharipuddin	18
SUDAH LENGKAPKAH TANDA-TANDA KIAMAT KECIL? Ustazah Noor Laila Abdul Latiff	24
DAJJAL Muhammad Saifudin Salihin Mazli	27
APAKAH NABI ISA MASIH HIDUP? Ustaz Mohamad Shazni Khir Bahari	37
BERTAUBATLAH! SEBELUM PINTU TAUBAT TERTUTUP Ustaz Aswanzie Abbyd Zainal Abidin	42
SIAPAKAH AL-MAHDI YANG DITUNGGU? Ustaz Muhammad Asyraf Sulaiman	47
TANDA KIAMAT: KELUARNYA ASAP (AD DUKHAN) Ustaz Mohd Fauzee Mohamed	50
YA'JUJ DAN MA'JUJ, SIAPAKAH MEREKA? Ustaz Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid	54
TIUPAN SANGKAKALA BUKAN SEKADAR PERINGATAN BIASA Ustaz Muhammad Ridhwan Mohd Danian	58

BP1 .B84 2017 no.7



87516486

SEKAPUR SIRIH

PENGARAH PUSAT ISLAM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه أجمعين أما بعد.

Pertamanya, marilah kita merafak kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah dan kurnianya jua maka Buletin Fikrah 2017 berjaya diterbitkan.

Sebagai sebuah pusat berlandaskan agama yang memartabatkan pengurusan Hal Ehwal Islam di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Pusat Islam sentiasa komited dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan, sosial, pendidikan dan kemasyarakatan sebagai usaha untuk meningkatkan lagi syiar dan dakwah Islamiah dalam kalangan staf dan pelajar UTeM serta masyarakat sekitar.

Oleh itu, Buletin Fikrah 2017 menghimpunkan rakaman dan catatan sepanjang tahun program-program yang telah dilaksanakan disamping berkongsi buah fikiran artikel-artikel yang menyentuh tentang Persediaan Menghadapi Kiamat dan tanda-tandanya pada keluaran kali ini.


Sebagai Ketua Pusat Tanggungjawab, tentulah kebajikan staf menjadi keutamaan dalam apa jua keadaan. Oleh yang demikian, Buletin Fikrah 2017 ini diharap dapat berkongsi suka-duka di sebalik perjalanan program sepanjang tahun untuk tatapan bersama.

Akhir kata, semoga penerbitan Buletin Fikrah 2017 ini mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T dan mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Sekian والسلام.

Dr. Muhd Akmal Noor Rajikon

Pengarah Pusat Islam
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



TINTA KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


Alhamdulillah, berkat usaha dan kesungguhan akhirnya Buletin Fikrah 2017 ini dapat diterbitkan untuk edisi yang ke 7 dengan tema '**Persediaan Menghadapi Kiamat dan Tanda-Tandanya**'. Objektif pertama penghasilan Buletin Fikrah ini ialah sebagai medium dakwah untuk mendampingi masyarakat selain memberi maklumat dan pengetahuan kepada warga UTeM khususnya dan masyarakat awam khususnya tentang peri pentingnya peranan ilmu penghayatan agama dalam proses transformasi ilmu dan meningkatkan ketinggian ummah. Selain itu, Buletin Fikrah ini turut mempamerkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Islam sepanjang tahun 2017 sekaligus membuktikan kerjasama warga UTeM dan masyarakat awam dalam memberi komitmen menghadiri majlis ilmu bagi tujuan peningkatan ilmu dan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Selaku ketua editor, saya mengalu-alukan sebarang cadangan dan penambahbaikan untuk menjadikan keluaran yang akan datang mampu menggamit minat sidang pembaca sekalian. Saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengurusan Pusat Islam, Penerbit Universiti, sidang redaksi dan semua yang terlibat dalam memastikan penghasilan Buletin Fikrah ini berjalan lancar. Semoga Allah menganugerahkan kebaikan yang banyak atas usaha kalian, Sekian terima kasih.

Muhammad Asyraf Sulaiman

Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Masjid dan Penerbitan Pusat Islam
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

STAF-STAF PUSAT ISLAM



Sharniza Zainudin
Setiausaha Pejabat



Dr. Muhd Akmal Noor Rajikon
Pengarah

Bahagian Pentadbiran & Kewangan



Gafar Othman
Penolong Pegawai
Tadbir Kanan



Rafedah Sajadi
Pembantu
Tadbir Kanan



Mohd Azrin Ismail
Pembantu
Akauntan



Mohd Rusdi Isohod
Pembantu Operasi

Bahagian Masjid & Penerbitan



Muhammad Asyraf Sulaiman
Pegawai Hal Ehwal Islam



Mohd Fauzee Mohamed
Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam



Noor Laila Abdul Latiff
Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam



Muhammad Ali Janas
Pembantu Hal Ehwal Islam



**Aswanzie Abbyd
Zainal Abidin**
Pembantu Hal Ehwal Islam

Bahagian Dakwah & Helwa



**Muhammad Iskandar Shah
Ab Ahmid**
Pegawai Hal Ehwal Islam



Syamilah Mohd Ali
Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam



**Muhammad Ridhwan
Mohd Danian**
Pembantu Hal Ehwal Islam



Izham Abd Razak
Pembantu Hal Ehwal Islam

SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Penasihat

Dr. Muhd Akmal Noor Rajikon
Pengarah Pusat Islam

Ketua Editor

Ustaz Muhammad Asyraf Sulaiman

Editor

Ustazah Noor Laila Abdul Latiff
Ustaz Aswanzie Abbyd Zainal Abidin

Pengarang

Ustaz Muhammad Asyraf Sulaiman
Ustaz Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid
En Gafar Othman
Ustaz Mohamad Shazni Khir Bahari
Ustaz Mohd Fauzee Mohamed
Ustaz Aswanzie Abbyd Zainal Abidin
Ustaz Muhammad Ridhwan Mohd Danian
Ustaz Muhammad Ali Janas
Ustazah Syamilah Mohd Ali
Ustazah Noor Laila Abdul Latiff

Jurubaca Pruf

Ustazah Noor Laila Abdul Latiff
Ustazah Syamilah Mohd Ali
Pn Sharniza Zainudin

Jurugambar

Ustaz Muhammad Ali Janas
Ihsan daripada Jurufoto Universiti

Pengedaran

En. Mohd Rusdi Isohod
Pn Rafedah Sajadi



BULETIN FIKRAH
BELANGGAN 7/2017

Diterbitkan sekali setahun. Memuatkan rencana, berita, gambar aktiviti serta bahan lain yang berkaitan dengan Pusat Islam. Sebarang pertanyaan & maklumat, sila hubungi:

Pusat Islam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.
Telefon: 06-270 2092 | Fax: 06-270 1042 | E-mel: infopusatislam@utem.edu.my | Facebook: Pusat Islam UTeM



Kematian pasti akan datang menjemput kita pada bila-bila masa sahaja. Tiada siapa tahu bila ajalnya tiba. Semua itu menjadi rahsia Allah S.W.T semata-mata. Kita hendaklah sentiasa beringat tentang itu dan membuat persiapan untuk menghadapinya setiap masa. Setiap manusia pasti melakukan dosa tetapi harapan untuk orang yang berdosa adalah taubat. Ia merupakan langkah terbaik untuk menyucikan diri daripada segala dosa dan maksiat yang dilakukan. Sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa membuka ruang untuk hamba-hamba-NYA bertaubat. Setiap kesalahan pasti diampunkan oleh Allah S.W.T. Selagi seseorang hamba itu bertaubat dengan bersungguh-sungguh dan menepati semua syarat taubat.

Perbanyakkanlah bertaubat kepada Allah S.W.T, wahai saudaraku kaum muslimin dan sentiasa beramal. Minta ampunlah kepada Allah daripada dosa-dosa yang telah lalu dengan bertekad untuk menempuh hidup baru di jalan Allah S.W.T. yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang akan menerima taubat hamba-Nya sebesar apa pun dosanya. Dalam sebuah Hadis Qudsi yang diriwayatkan dari Anas bin Malik dikatakan:

قَالَ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: يَا بَنَ آدَمَ إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي
عَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي. يَا بَنَ آدَمَ لَوْ
بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي عَفَرْتُ لَكَ وَلَا
أُبَالِي. يَا بَنَ آدَمَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا ثُمَّ لَقِيتَنِي
لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا ۖ لَا أَتَيْتَكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً
(. رواه الترمذي وحسنه)

Allah S.W.T. berfirman: "Wahai anak Adam selama engkau masih berdoa kepada-Ku dan berharap kepada-Ku, Aku ampuni engkau apa pun yang datang darimu dan aku tidak peduli. Wahai anak Adam walaupun dosa-dosamu mencapai

batas langit kemudian engkau meminta ampun kepada-Ku, Aku akan ampuni engkau dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, jika engkau mendatangi-Ku dengan sepenuh bumi dosa dan engkau tidak menyekutukan-Ku, maka Aku akan menemuimu dengan sepenuh itu pula ampunan." (H.R Tirmizi).

Amatlah rugi mereka yang tidak sempat bertaubat sebelum kematian. Ini kerana, dia akan berjumpa Allah S.W.T dalam keadaan berdosa dan hina. Sebaliknya, orang yang sempat bertaubat akan menghadap Tuhan dalam keadaan bersih bagaikan kain putih. Oleh itu, berusahalah sentiasa untuk bertaubat kepada Allah S.W.T setiap masa dan melakukan amalan soleh agar kita mati dalam keadaan diampuni Allah S.W.T.

Bertaubatlah! Dan janganlah putus asa daripada rahmat Allah. Rahmat dan ampunan Allah S.W.T. lebih luas daripada dosa-dosamu, Allah senang dengan taubat hamba-Nya dan mengatakan dengan kasih sayang-Nya:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.
(الزمر: 53)

Katakanlah: "Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kalian putus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dia-lah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".
(Az-Zumar: 53)

PERSIAPAN MENGHADAPI KEMATIAN & TANDA-TANDANYA

Oleh: Encik Gafar Othman

Jika telah datang kematian dan kita belum sempat bertaubat, maka jangan kita salahkan sesiapa kecuali diri kita sendiri. Jika Allah S.W.T mengazabnya di alam kubur, maka Allah S.W.T mengazabnya dengan keadilan. Jika Allah S.W.T menghimpitkan bumi ke tubuhnya, sehingga tulang-tulang rusuknya saling bersilangan, maka Allah S.W.T menyiksanya dengan keadilan-Nya. Dan jika mereka merasakan kesengsaraan di padang Mahsyar dan tidak mendapatkan naungan Allah S.W.T pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya maka itu adalah akibat perbuatan mereka sendiri dan ketika mereka diazab di neraka, itu adalah kerana kesalahan mereka sendiri. Allah tetap Maha Adil dan tidak berbuat zalim kepada makhluk-Nya. Allah S.W.T berfirman:

قَالَ لَا تَحْتَصِمُوا لَدَيَّ وَقَدْ قَدَّمْتُ إِلَيْكُمْ بِالْوَعِيدِ
مَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ وَمَا أَنَا بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ

"Janganlah kalian bertengkar di hadapan-Ku, padahal sesungguhnya Aku dulu telah memberikan ancaman kepada kalian. Keputusan di sisi-Ku tidak dapat diubah, dan Aku sama sekali tidak berbuat zalim (menganiaya) terhadap hamba-hamba-Ku." (Surah Qaf: 28-29)

Allah S.W.T telah menurunkan kitab-kitab-Nya dan mengutus para Rasul-Nya. Allah telah memperingatkan manusia dengan kematian, Allah S.W.T telah memperingatkan untuk bertaubat sebelum ajalnya tiba. Dan Allah telah mewasiatkan kepada kita untuk bertaqwa kepada-Nya dan jangan sampai kita mati kecuali dalam keadaan bertaqwa.

TANDA-TANDA KEMATIAN

Adapun tanda-tanda kematian wujud cuma amalan dan ketakwaan kita sahaja yang akan dapat membezakan kepekaan kita kepada tanda-tanda ini. Rasulullah s.a.w diriwayatkan masih mampu memperlihat dan menceritakan kepada keluarga dan sahabat secara langsung akan kesukaran menghadapi sakaratulmaut dari awal hinggalah akhir hayat Baginda.

Adapun riwayat-riwayat ini memperlihatkan kepada kita sesungguhnya Allah S.W.T tidak pernah berlaku zalim kepada hambanya. Tanda-tanda yang diberikan adalah untuk menjadikan kita umat Islam supaya dapat bertaubat dan bersedia dalam perjalanan menghadap Allah S.W.T.

MENGENALI TANDA-TANDA FIZIKAL MENJELANG KEMATIAN

Perlu diingat, perjalanan setiap orang menjelang kematian berbeza-beza. Ada yang prosesnya sangat cepat, ada juga yang memakan waktu cukup lama bergantung pada penyakitnya. Perbezaan usia juga menjadi faktor penentu apakah tanda-tandanya cukup ketara. Misalnya, anak-anak dan remaja cenderung tetap aktif meskipun kedudukan fizikalnya sudah sangat menurun. Namun, secara umum inilah tanda-tanda menjelang kematian pada orang yang menderita penyakit yang boleh membawa maut seperti kanser, AIDS, diabetes, alzheimer, sakit buah pinggang, dan penyakit jantung. Terdapat tanda-tanda yang kita boleh lihat secara klinikal tentang kematian ini berdasarkan pemerhatian pakar perubatan dan lain-lain. Ini hanya melalui pemerhatian yang dilakukan secara kasar terhadap individu, walaubagaimanapun kudrat Allah S.W.T juaah terjadi segala-galanya yang menjadi asas kepada paksi keimanan kita seperti firmanNya :

وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ
أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

"Tiada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok. dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuanNya". (Surah Luqman: 34)

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ

"Tidakkah engkau tahu bahawa Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi, dan semuanya terdapat dalam kitab." (Surah Al-Hajj: 70)

BEBERAPA BULAN MENJELANG KEMATIAN

Ini masanya kita mulai menyedari bahawa ajal seseorang sudah hampir. Maka, perubahan yang paling kelihatan ialah suasana dan perilakunya untuk berlaku ciri-ciri berikut:

1. Menarik diri dari orang-orang terdekat, misalnya tidak mahu dikunjungi semasa sakit di hospital.
2. Lebih kerap berdiam diri (pada keluarga tingkah laku mungkin tambah cerewet).
3. Jarang makan atau minum.
4. Berhenti melakukan hal-hal yang diminati atau hobi.
5. Mudah lelah dan mudah tertidur.
6. Mengeluarkan air kencing pada waktu tidur beberapa minggu menjelang kematian.

Seiring berjalannya masa, tubuh seseorang akan mengalami penurunan fungsi dan hal ini boleh dilihat daripada tanda-tanda berikut:

1. Pola tidur berubah-ubah.
2. Mengeluh atau mendesah karena menahan rasa sakit. Katakan dengan doktor dan pakar perubatan untuk mendapatkan ubat-ubatan penghilang rasa sakit.
3. Mengigau, berhalusinasi, atau mengalami ketidakupayaan ingatan. Contohnya bingung sedang berada di mana, tidak mengenali orang di sekitarnya, melihat cahaya terang, dan mengaku bercakap dengan keluarga atau sahabat yang sudah meninggal.
4. Tidak boleh meninggalkan tempat tidur sama sekali.
5. Tidak boleh makan tanpa bantuan.
6. Makin jarang buang air kecil atau buang air besar.
7. Tekanan darah, degupan jantung, dan nada pernafasan semakin lemah.
8. Suhu tubuh menurun dan meningkat secara tidak menentu.
9. Kulit, bibir, dan kuku jadi lebih pucat atau membiru kerana aliran darah berkurangan.

Beberapa hari atau jam mendekati ajalnya akan menunjukkan ciri-ciri berikut:

1. Tiba-tiba gelisah atau jadi nampak bertenaga. Contohnya dengan bercakap panjang lebar atau meminta bersiar-siar. Namun, gelombang tenaga ini biasanya tidak bertahan lama. Dalam waktu beberapa saat seseorang itu mungkin akan menjadi lemas lagi.
2. Detik jantung sangat lemah, bahkan mungkin tidak berdetik.
3. Suhu tubuh menurun secara drastik.
4. Tidak boleh makan sama sekali.
5. Tidak buang air kecil atau buang air besar sama sekali.
6. Pernafasan jadi sangat lambat.
7. Kelihatan berbintik-bintik ungu kebiruan di sekujur tubuh.

Perkara yang harus dilakukan ketika seseorang menunjukkan tanda-tanda ajal menghampiri sekiranya tanda-tanda di atas dialami oleh orang terdekat, hendaklah tetap tenang ketika berada berhampirannya. Memberi keyakinan kepada pesakit bahawa kita ada disampingnya dan gunakan nada percakapan yang lembut. Doktor mungkin sudah menyarankan bentuk perawatan paliatif bagi orang terdekat kita yang sedang menghadapi kematian. Berbincang dengan doktor cara bagaimana dapat membantu pesakit untuk menjalani proses ini sebaik mungkin. Kita juga mungkin perlu mempertimbangkan bantuan daripada orang alim atau terapi untuk mendampingi pesakit secara emosional.

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ [27] ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً.

"Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Rabb-mu dengan hati yang puas lagi direndhai-Nya" (Surah al-Fajr: 27-28).

PENUTUP

Sesungguhnya marilah kita bertaqwa dan berdoa kepada Allah S.W.T, semoga kita adalah di antara orang-orang yang dipilih oleh Allah S.W.T yang akan diberi kesedaran untuk peka terhadap tanda-tanda mati ini dan semoga kita dapat membuat persiapan terakhir dalam usaha memohon keampunan sama ada dari Allah S.W.T mahupun daripada manusia sendiri dari segala dosa dan urusan hutang piutang kita.

Oleh itu marilah kita bersama-sama berusaha dan berdoa semoga kita diberi hidayah dan petunjuk oleh Allah S.W.T serta kelapangan masa dan kesihatan tubuh badan dan juga fikiran dalam usaha kita untuk mencari keredhaan Allah S.W.T samada di dunia mahupun akhirat. Apa yang baik dan benar itu datangnya dari Allah S.W.T. dan apa yang salah dan silap itu adalah daripada kelemahan manusia itu sendiri.

SUNNAH PENGURUSAN JENAZAH

Oleh: Ustaz Muhammad Ali Janas

Setiap yang hidup bernyawa pasti akan mati dan akan meninggalkan dunia yang fana' ini, maka menguruskan jenazah adalah sebahagian tugas atau fardhu kifayah bagi seorang muslim. Walaupun memang ada imam, bilal atau ustaz yang boleh membantu mengurus jenazah bila terjadi kematian terhadap keluarga kita, namun orang yang paling berhak melakukan pengurusan adalah di kalangan keluarga kita sendiri. Oleh yang demikian kita sebagai muslim, haruslah mengetahui dan mempelajari sunnah-sunnah yang sesuai untuk dilakukan dan yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada kita. Antara sunnah-sunnah dalam pengurusan jenazah bermula sebelum kematian hingga ke selesai dikuburkannya.

SEBELUM KEMATIAN

Kebiasaannya setiap kematian ini selalunya disebabkan oleh kemalangan, sakit dan penyakit. Kita mulakan dengan adab menjenguk orang yang sedang sakit. Kita hendaklah memberi harapan kesembuhan kepada mereka dan mendoakan pesakit agar diberikan kesembuhan oleh Allah S.W.T. Antara doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w kepada kita mendoakan pesakit ialah:

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ

Maksudnya: "Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Pemilik Arsy yang agung, agar Dia menyembuhkanmu"
(H.R At-Tirmidzi, Abu Daud).

SAKARATUL MAUT

Di saat seseorang muslim itu di ambang sakaratul maut iaitu keadaan seseorang dalam kesusahan menjelang kematiannya maka hendaklah didampingi oleh keluarganya untuk menguatkan imannya kerana ketika itu iblis akan mendatangnya, menyesatkan dan menghasut ke dalam hati mereka akan perkara-perkara kemungkaran dan maksiat.

Maka, keluarga yang menziarahi mereka hendaklah mengingatkan bahawa orang yang sakit itu orang muslim dan hanya mengharap doa-doa baik dan ajarkan untuk

berprasangka baik dengan Allah S.W.T. Talkinlah dan ajarkan kalimah tauhid iaitu:

لا إله إلا الله

Maksudnya: "Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah"

من كان آخر كلمه لا إله إلا الله دخل الجنة

Yang bermaksud: "Barangsiapa yang akhir perkataannya adalah 'Laa ilaaha illallaah', dia akan masuk syurga."

(H.R Abu Daud, Al Hakim - Shahih).

SESUDAH BERLAKU KEMATIAN

1. Hendaklah memejamkan mata jenazah. Mata yang terbuka tidaklah menunjukkan keadaan jenazah itu banyak dosa dan lainnya.

Rasulullah s.a.w bersabda ketika memejamkan mata sahabat yang meninggal dunia iaitu Abu Salamah r.a . yang bermaksud: "Sesungguhnya ruh apabila telah dicabut, akan diikuti oleh pandangan mata, maka janganlah kalian berkata kecuali dengan perkataan yang baik, kerana malaikat akan mengaminkan dari apa yang kalian ucapkan." (H.R Muslim)

Ikut juga dagu ke atas kepala dengan tali kain bila mulutnya terbuka.

2. Menutup tubuh jenazah dengan kain. Disunnahkan untuk menutup seluruh tubuhnya setelah melepas pakaiannya. Hal ini supaya tidak terbuka auratnya. Dari Aisyah R.anha berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جِئَ تَوْبِي سَحِيٍّ يُرْوَدُ حَبْرَةَ

"Dahulu ketika Rasulullah meninggal dunia ditutup tubuhnya dengan burdah habirah (pakaian selimut yang bergaris)." (Muttafaqun 'alaih)

Kecuali bagi orang yang mati dalam keadaan ihram, maka tidak ditutup kepala dan wajahnya.

3. Keluarga boleh bersedih dan menangis tetapi tidak boleh berlebihan seperti meraung, meratap, berteriak-teriak atau bersedih terus menerus. Hendaklah dia bersabar dan juga menyabarkan orang lain.
4. Keluarga boleh membuka kain di bahagian muka untuk melihat wajah jenazah dan mahram boleh menciumnya. Dalilnya adalah ketika Rasulullah s.a.w menangis ketika anaknya Ibrahim wafat semasa kecil lagi. Rasulullah s.a.w bersabda: *"Wahai anakku! Aku tidak memiliki hak kuasa apapun yang dapat kuberikan kepadamu di sisi Allah".* Melihat Nabi menangis Abdurrahman bin Auf dan Anas radhiallhuanhulu lalu bertanya: *"Wahai Rasulullah mengapa Anda menangis? Bukankah Anda telah melarang menangis?"* Beliau menjawab: *"Wahai Ibnu Auf, sesungguhnya tangisan itu adalah rahmat, dan barangsiapa tidak memiliki kasih sayang maka ia tidak mendapatkan kasih sayang",* kemudian beliau melanjutkan sabdanya: *"Sesungguhnya mata berlinang, hati juga berduka namun kita hanya mengucapkan yang diredhai Rabb kita. Wahai Ibrahim, sungguh kami sangat bersedih kerana berpisah denganmu."*

(H.R Al-Bukhari dan Muslim)

5. Menunaikan wasiat si mati (yang tidak bersalahan dengan syariat Islam) dan segera membayar hutang-hutang baik kepada manusia dan hutang dengan Allah S.W.T seperti nazar, fidyah dan sebagainya. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: *"Jiwa seseorang terikat dengan hutangnya hingga dilunaskan."*

(H.R At-Tirmizi)

6. Menyegerakan urusan jenazah kecuali apabila jenazah mati mendadak perlu dikaji selidik kematiannya untuk beberapa masa yang lain. Rasulullah s.a.w bersabda:

إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَلَا تَحْسِبُوهُ ، وَأَسْرِعُوا بِهِ إِلَى قَبْرِهِ

"Apabila matinya salah seorang dari kamu maka janganlah kalian mengurungnya (melewatkan penguburnya) dan segerakanlah membawanya ke kuburnya." (HR al-Baihaqi)

MEMANDIKAN JENAZAH

Dilakukan di tempat tertutup dari pandangan orang yang dapat melihat susuk tubuh mayat tersebut, ditutup jenazah dengan kain agar aurat arwah dijaga. Yang paling berhak untuk memandikan jenazah adalah daripada kalangan keluarganya iaitu ibu bapa, anak-anak dan juga suami isteri kepada si mati. Ini bertepatan dengan sunnah Rasulullah s.a.w. Bagaimanapun sekiranya ahli keluarga tidak mampu maka boleh dilakukan oleh masyarakat setempat yang tahu tatacara dan mengetahui sunnah-sunnah bagi menguruskannya.

Bagi yang memandikan jenazah adalah dilarang sama sekali menceritakan keburukan dan aib jenazah kepada umum. Kita hendaklah menceritakan hanya kebaikan si mati.

MENGKAFANKAN JENAZAH

Apabila mengkafankan jenazah adalah dapat menutup seluruh tubuh jenazah dengan kain yang elok iaitu kain yang bersih, tebal dan dapat menutup tubuh jenazah serta kain yang sederhana bukan kain yang mahal. Rasulullah s.a.w bersabda:

إِذَا كَفَّنَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيُحَسِّنْ كَفَنَهُ

"Apabila salah seorang diantara kalian mengafankan saudaranya, maka hendaklah memperelokkan kafannya."

(H.R Muslim)

SOLAT JENAZAH

Selepas selesai segala urusan memandikan dan mengkafankan jenazah, kita akan menyembahyangkan jenazah dan kita dituntut sama-sama memperbanyakkan jemaah yang solat jenazah serta mendoakan kesejahteraan dan keampunan si mati. Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَمُوتُ فَيَقُومُ عَلَيَّ حَتَّى أَزِيحَهُ عَنْ رِجْلِي ،

لَا يُشْرِكُونَ بِاللَّهِ شَيْئًا ، إِلَّا شَفَعُوا فِيهِ

Maksudnya: *"Setiap seorang muslim yang meninggal dunia lalu ada 40 orang menyembahyangkan jenazahnya dan mereka tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun, maka solat yang mereka lakukan akan memberi syafaat kepada si mayat."*

MENGUBURKAN JENAZAH

Rasulullah s.a.w bersabda: *"Barangsiapa yang menyaksikan jenazah hingga disolatkan, maka dia memperoleh satu qirath. Dan barangsiapa yang menyaksikannya hingga dikuburkan, maka dia memperoleh dua qirath,"* kemudian Beliau ditanya: *"Apa yang dimaksud dengan dua qirath?"* Beliau menjawab, *"Seperti dua gunung yang besar."* (H.R Muslim)

Selepas selesai memandikan, menyembahyangkan jenazah, kita akan membawa jenazah tersebut dengan kadar segera ke tanah perkuburan namun dengan berhati-hati tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat. Antara tatacara membawa dan menguburkan jenazah ialah:

1. Tidak disyariatkan semasa mengusung dan mengiringi jenazah untuk membaca Al-Fatihah, surah Yasin, zikir dan sebagainya. Rasulullah s.a.w bersabda: *"Janganlah mengiringkan jenazah dengan suara keras dan api."* (H.R Abu Daud, disahihkan oleh Al Albani)

2. Yang mengiringi jenazah adalah kaum lelaki. Rasulullah s.a.w melarang kaum wanita untuk mengiringi jenazah

وَعَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: نُهِمْنَا عَنْ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ، وَلَمْ يُعْزَمَ عَلَيْنَا

Dari Ummu Athiyah: "Kami dilarang untuk mengiringi jenazah, akan tetapi tidak ditekankan kepada kami." (H.R Al-Bukhari)

3. Untuk proses penguburan jenazah adalah dari lelaki kalangan keluarga atau kerabatnya yang menguruskannya walaupun yang meninggal dunia itu dari jenazah wanita. Jenazah diturunkan ke dalam liang lahad dan diletakkan dalam posisi berbaring di atas lampung kanan dengan wajahnya menghadap ke arah kiblat.
4. Selepas itu, jenazah akan ditutup dengan papan atau sejenisnya dan kemudian ditutup dengan tanah. Disunnahkan bagi yang berada di sekitar kubur untuk turut menabur ke atas kubur tiga genggam tanah dengan kedua tangannya setelah liang lahad ditutup. Hal ini berdasarkan hadis Abu Hurairah r.a, "Bahwasanya Rasulullah s.a.w telah melakukan solat Jenazah, kemudian beliau mendatangi kuburan mayat itu, lalu menaburkan (melemparkan) tiga kali genggam tanah ke bahagian atas kepala mayat." (H.R Ibnu Majah)
5. Selepas selesai proses pengkebumian jenazah, maka tanah kubur tersebut ditinggikan sejengkal dari tanah dan diletakkan batu nisan di bahagian kepala bagi menandakan ini adalah sebuah makam atau kubur seseorang muslim. Tidak disyariatkan juga untuk menyiram kubur dengan dengan air mawar dan menabur bunga di atas pusara.

Akhir kata, bahawa manusia ini adalah sebahagian makhluk yang mulia di sisi Allah S.W.T. Seheinggakan apabila seseorang itu meninggal dunia, dia perlu dihormati dan diuruskan dengan sebaik-baiknya mengikut aturan Allah S.W.T dan sunnah Nabi s.a.w. Hikmah daripada itu mengingatkan dan menyedarkan bahawa setiap manusia di muka bumi ini akan mati dan juga mengingatkan bahawa setiap muslim perlu mempersiapkan diri sendiri akan bekalan untuk kehidupan setelah mati nanti. Wallahu a'lam.





GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

1. MAJLIS PENYERAHAN KIPAS WAKAF / 26 JANUARI 2017



2. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438H ANTARA 2 MUHAMMAD / 22 FEBRUARI 2017



3. DAURAH KEFAHAMAN HADIS PALSU DAN LEMAH / 24 FEBRUARI 2017



4. PROGRAM KESEDARAN BERZAKAT DAN BERWAKAF / 1 MAC 2017



5. PROGRAM WACANA TRANSFORMASI DR DANIAL ZAINAL ABIDIN / 10 MAC 2017



6. SEMINAR KELUARGA SAKINAH / 23 - 24 MAC 2017



TERJADINYA KIAMAT MENURUT ISLAM

Oleh: Ustazah Syamilah Mohd Ali

Nama lain bagi hari kiamat adalah 'yaum al-akhir' iaitu hari akhir bagi dunia dan seisinya. Hari kiamat juga merupakan hari kehancuran untuk dunia dan ketibaannya adalah pasti. Kedatangannya kian hampir dan semakin dekat. Rasulullah s.a.w. telah memaklumkan kepada para sahabat di zaman Baginda lagi bahawa kiamat itu tersangatlah dekat, iaitu seperti dua jari sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadith dari Sahl r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda :

عن سهل قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم بعثت أنا
والساعة هكذا ويشير بإصبعيه فيمد بهما

Maksudnya: "Jarak diutuskan aku dan hari Kiamat seperti dua (jari) ini". Beliau memberikan isyarat dengan kedua jarinya (jari telunjuk dan jari tengah), lalu merenggangkannya".

Apabila berlakunya kiamat, alam ini akan hancur begitu jugalah dengan semua makhluk sebagai penghuninya. Dunia akan lenyap dan tidak ada satu pun yang akan tertinggal.

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ

Maksudnya: "Segala yang ada di bumi itu akan binasa" (Surah ar-Rahman : 26)

Hari kemusnahan ini akan dimulai dengan tiupan sangkakala iaitu oleh malaikat yang telah ditugaskan oleh Allah S.W.T. untuk menjalankannya iaitu Malaikat Israfil, apabila ditiupkan sangkakala yang pertama, maka terkejutlah semua makhluk di langit dan di bumi kecuali mereka yang Allah S.W.T. kehendaki sahaja. Seterusnya, Allah S.W.T. memerintahkan Malaikat Israfil a.s. meniup lagi dengan tiupan yang panjang tanpa henti.

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَبَقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ
إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ۗ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ
يَنْظُرُونَ

Maksudnya: "Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya). Kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)." (Surah Az-Zumar : 68)

PERBEZAAN PENDAPAT JUMLAH TIUPAN SANGKAKALA

Adapun begitu, terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah tiupan sangkakala oleh Malaikat Israfil. Ada yang mengatakan bahawa dua kali tiupan, manakala sebahagian lagi mengatakan ada tiga kali tiupan.

Ibnu Hajar dan Imam Al-Qurthubi berpendapat bahawa tiupan sangkala itu sebanyak dua kali berpandukan ayat al-Quran di dalam surah Az-Zumar secara literal.

يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ . تَتَّبِعَهَا الرَّادِفَةُ . قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ۖ

Maksudnya: "Pada masa berlakunya sangkakala pertama yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah-ranah sekalian makhluk selain daripada yang dikecualikan). Tiupan pertama itu diikuti oleh tiupan kedua, (menyebabkan orang-orang yang mati semuanya hidup semula serta keluar dari kubur masing-masing). Hati (manusia) pada hari itu berdebar-debar takut." (Surah An-Nazi'at : 6-8)

Manakala yang berpendapat bahawa sangkakala sebanyak tiga kali adalah menurut Ibnu Arabi, Ibnu-Taimiyah, dan Ibnu Kathir. Beliau menyatakan bahawa tiupan sangkakala adalah 3 kali iaitu tiupan faza' (tiupan mengejutkan), tiupan kematian dan tiupan kebangkitan. Pandangan ini merujuk kepada ayat Al-Quran yang menyebut tentang tiupan faza' .

وَيَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَفَزِعَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ
إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ۗ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَاخِرِينَ

Maksudnya: "Dan (ingatkanlah) hari ditiup sangkakala, lalu terkejutlah gerun gementar makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Dan kesemuanya akan datang kepadanyaNya dengan keadaan tunduk patuh." (Surah An-Naml : 87)

Ayat di atas menunjukkan sebelum adanya tiupan kematian, Allah S.W.T. memerintahkan Malaikat Israfil meniupkan sangkala dengan tujuan untuk memberi kejutan kepada seluruh manusia. Tiupan ini merupakan yang pertama, manakala tiupan yang kedua adalah untuk kematian dan ketiga untuk kebangkitan.

Tiupan faza' ataupun tiupan yang mengejutkan ini sebenarnya merupakan azab daripada Allah S.W.T. Perkara tersebut ada direkodkan dalam sebuah hadis yang menjelaskan bahawa orang yang mengalami kiamat adalah seburuk-buruk dan sejahat-jahat manusia.

SIAPA YANG DIKECUALIKAN OLEH ALLAH S.W.T KETIKA SANGKAKALA DITIUP

Di dalam Surah An-Naml ayat 87 mengenai tiupan sangkakala yang pertama, bahwa semua manusia terkejut dan gerun gementar apabila mendengarnya. Namun begitu, terdapat penegasan daripada Allah S.W.T dalam ayat tersebut yang mana ada manusia yang dikecualikan oleh Allah S.W.T daripada mengalami suasana yang dahsyat itu.

Manusia yang dikecualikan oleh Allah S.W.T itu merupakan para Syuhada yang mana mereka berada dalam keadaan tenang dan menerima nikmat daripada Allah S.W.T. Kenyataan ini telah disahkan apabila Abu Hurairah r.a., apabila beliau telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Siapakah yang dikecualikan oleh Allah S.W.T dalam ayat ini?" iaitu **Surah An-Naml ayat 87** (seperti yang telah dinyatakan sebelum ini). Maka Rasulullah s.a.w. menjawab, "Mereka adalah para Syuhada. Kengerian dan kebingungan hanya untuk orang-orang hidup. Para Syuhada juga hidup di sisi Allah S.W.T dan mereka diberi rezeki dari sisi Tuhan mereka, sedangkan Allah S.W.T menjaga mereka. Ketakutan itu adalah seksaan Allah S.W.T yang dipermudahkan untuk yang selalu ingkar kepada Allah S.W.T".

TIUPAN SANGKAKALA PERTAMA

Setelah ditiup sangkakala yang pertama, manusia yang dipilih oleh Allah S.W.T akan terkejut dengan bunyi tiupan itu dan terjadilah suasana yang tidak menyenangkan. Disaat manusia masih sibuk dan leka dengan hal-hal dunia, tiba-tiba mereka dikejutkan dengan bunyi tiupan yang mengerikan. Datang di tengah kesibukan urusan dunia.

Fenomena ini ada digambarkan oleh Rasulullah s.a.w., "Dan hari akhirat benar-benar berlaku apabila dua orang lelaki baru sahaja membenteng sehelai kain di antara mereka, dan belum sempat berjual beli ataupun melipat kain itu. Hari Kiamat benar-benar berlaku ketika seseorang baru sahaja pulang dengan susu yang diperah, dan belum sempat merasanya. Hari Kiamat benar-benar berlaku, ketika seseorang baru sahaja melepak kolamnya, dan belum sempat mengisinya dengan air. Hari Kiamat benar-benar berlaku, ketika seseorang baru sahaja mengangkat makanan ke mulutnya, dan belum sempat dia memakannya."

Hadis ini menunjukkan bahawa kiamat itu datang dalam keadaan yang mengejutkan yang mana seseorang itu sedang membentengkan sehelai kain untuk dijual. Tiba-tiba datangnya kiamat, maka dia telah lupa apa yang sedang dilakukan. Ini menunjukkan bahawa kiamat datang ketika mana manusia masih leka dan sibuk dengan urusan masing-masing di dunia.

مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ (49)
فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: "Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan yang dengan secara mengejut akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar (merundingkan urusan dunia masing-masing). Maka dengan itu, mereka tidak berpeluang membuat sebarang pesanan (wasiat atau lainnya), dan (jikalau mereka berada di luar), mereka tidak sempat kembali kepada keluarganya."

(Surah Yasin :49-50)

TIUPAN SANGKAKALA KEDUA

Setelah ditiup sangkakala yang pertama, Malaikat Israfil yang taat kepada Allah SWT meneruskan tugasnya iaitu meniup pula sangkakala yang kedua yang mana ia dikenali sebagai tiupan kematian. Di saat ini manusia kebingungan dan terseksa ditambah lagi berlakunya kemusnahan alam yang sangat mendadak. Di dalam al-Quran jelas menceritakan keadaan langit yang terbelah, gunung-ganang yang berterbangan dan bergerak dengan lajunya seperti awan sedangkan ia adalah paksi yang berdiri teguh kepada bumi. Al-Quran turut menggambarkan keadaan matahari, bulan dan bintang yang berfungsi untuk memberi cahaya kepada dunia, namun pada hari tersebut matahari dan bulan berlanggaran, hancur dan jatuh seterusnya lenyap cahayanya. Manakala langit yang membiru itu tidak lagi indah kerana telah terbelah dan hancur. Gugusan langit luluh bagaikan logam yang luluh dan mencair. Alam ini dipenuhi asap tebal dan awan gelap, kemudian terdapat jeritan kematian.

Pada ketika itu, seluruh manusia dan makhluk sebagai penghuni dunia menghadapi kematian.

Tidak ada yang terlepas dan semuanya musnah dan mati.

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ
كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ ۚ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: "Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain Bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Setiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. BagiNya kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNya kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan)." (Surah al-Qasas:88)

Kemusnahan alam semesta ini telah dijelaskan sendiri oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran dengan jelas sekali. Iaitu bagaimana keadaan bumi, langit, bintang bulan dan matahari serta termasuk jugalah keadaan manusia sendiri. Di sini, penulis kemukakan dalil-dalil Al-Quran tentang keadaan-keadaan tersebut untuk sama-sama kita lebih beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T., antaranya :

KEADAAN BUMI YANG BERGEGAR DAN DIANGKAT

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا (1) وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (2)

Maksudnya: "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya. Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya." (Surah al-Zalzalah : 1-2)

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفْخَةٌ وَاحِدَةٌ (13)

وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَاحِدَةً

Maksudnya: "Maka apabila sangkakala ditiup sekali tiup. Dan diangkatlah bumi dan gunung-gunung, lalu dibenturkan keduanya sekali benturan." (Surah al-Haqqah : 13-14)

KEADAAN IBU MENGANDUNG DAN MENYUSUKAN

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ *
يَوْمَ تَرَوْنها تَدْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ
ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَارَى وَمَا هُمْ بِسُكَارَى
وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ

Maksudnya: "Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhanmu; sungguh, goncangan (hari) kiamat itu adalah suatu (kejadian) yang sangat besar. (Ingatlah) pada hari ketika kamu melihatnya (goncangan itu), semua perempuan yang menyusui anaknya akan lalai terhadap anak yang disusunya, dan setiap perempuan yang hamil akan keguguran kandungannya, dan kamu melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah itu sangat keras." (Surah Al-Hajj : 1 - 2)

KEADAAN GUNUNG-GANANG YANG BERTERBANGAN DAN BERGERAK CEPAT SEPERTI AWAN SERTA HANCUR LULUH

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ الْجِبَالَ وَتَرَى الْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشْرَنَاهُمْ
فَلَمْ نُعَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا

Maksudnya: "Ingatkanlah hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata." (Surah al-Kahfi : 47)

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ ۗ
صُنِعَ اللَّهُ الَّذِي أَنْتُمْ كُلُّ شَيْءٍ ۗ إِنَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya : "Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti Bergeraknya awan. (Demikianlah) perbuatan Allah yang membuat setiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya. Sesungguhnya Dia amat mendalam pengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan." (Surah An-Naml : 88)

وَبُسَّتِ الْجِبَالُ بَسًّا

Maksudnya: "Dan gunung-ganang dihancurluluhkan sehancur-hancurnya." (Surah al-Waqiah:5)

KEADAAN LAUTAN PECAH

Pada hari kehancuran tersebut, alam semesta telah hilang keseimbangannya. Ini termasuklah juga lautan yang mana sekarang ini kita dapat lihat lautan yang mendatar nan indah membolehkan kapal-kapal belayar dengan baik. Namun begitu, pada hari kiamat nanti, lautan akan melimpah disebabkan oleh gegaran yang kuat. Melalui ayat al-Quran dalam, Allah S.W.T menjelaskan keadaan lautan pada masa itu:

وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ

Maksudnya: "Dan apabila lautan pecah bercampur-baur" (Surah al-Infitar : 3)

Menurut Sayyid Tantawi (Imam Besar Masjid al-Azhar serta Sheikh Universiti al-Azhar), gegaran yang kuatlah yang menyebabkan lautan pecah dan melimpah seterusnya menyebabkan airnya mengalir begitu dahsyat ibarat tsunami malah lebih dahsyat lagi.

Fajirat berasal daripada perkataan fajara iaitu menyebabkan ia mengalir, membelah dan meledak. Sistem yang ada akan meluap melampui batas asal dan hancur dengan cepat. Bumi bergegar begitu kuat, batu-batuan terlempar ke dalam lautan dan menjadikan air laut melimpah-limpah.

KEADAAN LANGIT TERBELAH, BERGONCANG, DILENYAPKAN DAN DIGULUNG

وَإِذَا السَّمَاءُ فُرِجَتْ

Maksudnya: "Dan apabila langit terbelah" (Surah Al-Mursalat : 9)

يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءُ مَوْرًا

Maksudnya: "Pada hari itu langit benar-benar bergoncang." (Surah.ath-Thuur: 9)

وَإِذَا السَّمَاءُ كُشِطَتْ

Maksudnya: "Dan apabila langit dilenyapkan." (Surah At-Takwir : 11)

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

وَالسَّمَاوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ ۗ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: "Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya padahal bumi seluruhnya dalam genggaman-Nya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kanan-Nya. Maha Suci Tuhan dan Maha Tinggi Dia dari apa yang mereka persekutukan." (Surah Az-Zumar : 67)

KEADAAN BULAN DAN BINTANG

وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَثَرَتْ

Maksudnya: "Dan apabila bintang-bintang jatuh berselerakan" (Surah Al-Infithar : 2)

KEADAAN MATAHARI YANG DI GULUNG DAN DILENYAPKAN CAHAYANYA

Pada hari kiamat, hal mengerikan selanjutnya adalah digulungnya matahari. Selain itu pada saat kiamat juga bulan akan hilang cahayanya, bintang-bintang juga akan jatuh berserakan, dan hancur semua yang ada di dunia ini, perhatikan firman Allah SAW sebagai berikut :

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ

Maksudnya: "Apabila matahari digulung,"
(Surah At-Takwir : 1)

فَإِذَا بَرِقَ الْبَصَرُ (7) وَخَسَفَ الْقَمَرُ (8) وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ (9)

Maksudnya: "Maka apabila mata terbelalak (ketakutan), dan apabila bulan telah hilang cahayanya. Lalu matahari dan bulan dikumpulkan." (Surah Al-Qiyamah : 7-9)

TIUPAN SANGKAKALA KETIGA

Inilah yang dikatakan sebagai hari kebangkitan atau disebut juga sebagai Yaum al-Ba'ts. Peristiwa ini akan berlaku setelah ditiup sangkakala yang ketiga. Berikut adalah beberapa dalil berkaitan dengan hari kebangkitan yang di sebut di dalam al-Quran.

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ

Maksudnya: "Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala (menghidupkan orang-orang yang sudah mati ; apabila berlaku yang demikian) maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing (bagi) mengadap Tuhannya."

(Surah Yasin : 51)

يَوْمَ يُخْرِجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَانَتْهُمْ إِلَىٰ نُصَبٍ يُوْفُضُونَ

Maksudnya: "Iaitu hari yang mereka segera keluar dari kubur masing-masing menuju (ke padang mahsyar) dengan keadaan seolah-olah mereka berkejaran ke (tempat) berhala-berhala (yang mereka sembah dahulu)."

(Surah al-Ma'arij : 43)

TEMPAT KEBANGKITAN MAKHLUK

Tiada tempat khusus untuk makhluk-makhluk Allah S.W.T ini dibangkitkan daripada kematian. Namun begitu, Allah S.W.T telah memberitahu di dalam al-Quran bahawa, tempat kebangkitan makhluk adalah di tempat mereka dimatikan, iaitu di bumi. Firman Allah SWT ialah:

قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ

Maksudnya: "Allah Mengatakan lagi: "Di bumi itu kamu hidup dan situ juga kamu mati, dan daripadanya pula kau akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat)."

(Surah al-A'raf : 25)

"Dari bumilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi." (Surah Taha : 55)

Demikianlah apa yang terkandung di dalam al-Quran bagaimana pengakhiran semua makhluk Allah S.W.T ini. Sesungguhnya apa yang dijelaskan di dalam al-Quran itu adalah benar dan kita sebagai Muslim yang taat kepada perintah Allah S.W.T adalah wajib untuk mempercayainya. Tambahan pula kepercayaan kepada hari kiamat adalah rukun iman yang kelima.

Melalui dalil-dalil inilah sepatutnya kita akan lebih beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T kerana sesungguhnya kehidupan di dunia ini adalah sementara sahaja dan yang kekalnya adalah negeri akhirat nanti.

MENGAPA NAMA KIAMAT AMAT BANYAK?

Oleh: Muhammad Hakimi Sharipuddin

Dalam bahasa Arab (bagi semua perkara yang dahsyat atau pada sesuatu yang kegunaannya besar), peristiwa atau sesuatu yang besar gunanya itu mempunyai sifat atau nama yang banyak, contohnya pedang, kerana manfaat dan kegunaannya amat besar bagi mereka, maka pedang itu mereka panggil dengan 500 nama. Tentu perkara ini juga berlaku bagi nama lain. Demikian juga halnya dengan hari kiamat, kerana masalahnya amat besar dan peristiwanya amat dahsyat, maka Allah S.W.T menamakannya dalam kitab suci-nya dengan nama yang banyak dan menyifatkannya dengan sifat yang banyak pula.

BEBERAPA NAMA HARI KIAMAT

1. SAAT (AL-SA'AH)

Hari kiamat dinyatakan juga as-sa'ah (saat) firman Allah S.W.T:

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُقْسِمُ الْمُجْرِمُونَ
مَا لَبِثُوا غَيْرَ سَاعَةٍ ۗ كَذَلِكَ كَانُوا يُؤْفَكُونَ

"Dan pada hari (ketika) terjadinya kiamat, orang yang berdosa bersumpah bahawa mereka tinggal (di dalam kubur) hanya sesaat (saja). Begitulah dahulu mereka dipalingkan (dari kebenaran)," (Surah Al-Rum: 55)

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُبْلِسُ الْمُجْرِمُونَ

"Dan pada hari (ketika) terjadi kiamat. Orang-orang

yang berdosa (kaum musyrik) terdiam berputus asa." (Surah Al-Rum: 12)

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُؤْمِنُ بِتَفْرَقُونَ

"Dan pada hari (ketika) terjadi kiamat, pada hari itu manusia berpecah-pecah (dalam kelompok)," (Surah Al-Rum: 14)

Al-sa'ah adalah perkataan yang digunakan oleh orang arab untuk menyatakan masa yang sedikit tanpa batas atau sesaat daripada waktu 24 jam sehari semalaman. Orang arab berkata "lakukan ini sekarang (saat) juga". Anda jawab, "saya sekarang (saat) melakukan ini." Yang anda maksudkan adalah bahawa saat itu anda sedang melakukan satu perkara. Hari kiamat dinyatakan dengan As-sa'ah mungkin kerana masa berlakunya amat dekat sekali atau kerana sebagai peringatan bahawa peristiwa kiamat itu luar biasa dahsyatnya.

Ada juga yang menyatakan bahawa kiamat dinyatakan Al-sa'ah kerana Allah S.W.T memerintahkan langit untuk menurunkan hujan dengan air hujan yang bernama "Air Kehidupan". Air hujan itu menumbuhkan seluruh jasad dari kuburnya di manapun mereka berada. Pada masa itu jasad tadi belum mempunyai roh dan setelah bangkit baru dipanggilkan roh. Roh orang mukmin bersinar bagaikan cahaya sedangkan roh orang kafir gelap seperti malam.

2. HARI KIAMAT ATAU HARI BERDIRI (YAUMUL QIAMAH)

Allah S.W.T berfirman:

لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ

"Aku bersumpah dengan hari kiamat."

(Surah al-Qiamah:1)

Ulama berbeza pendapat mengenai sebab dinamakannya Hari Kiamat dengan yaumul qiyamah, iaitu:

Pertama: kerana pada hari itu seluruh makhluk akan berdiri di padang Mahsyar

Kedua: kerana pada hari itu seluruh makhluk dibangkitkan dari kuburnya, firman Allah S.W.T:

يَوْمَ يُخْرِجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَىٰ نُصُبٍ يُوفِضُونَ

"Iaitu pada hari ketika mereka keluar dari kubur dengan seolah-olah mereka berkejaran pergi ketempat berhala-berhala yang mereka sembah (sewaktu di dunia dahulu)". (Surah Al-Ma'arij:43)

Ketiga: kerana pada hari itu manusia akan berdiri di hadapan Allah S.W.T dengan Rasulullah s.a.w bersabda,

يوم يقوم الناس لرب العلمين

"Pada hari itu manusia berdiri di hadapan Rabb sekalian alam." (HR Muslim)

Keempat: kerana pada hari itu seluruh roh dan malaikat berdiri bersaf-saf di hadapan Allah S.W.T. Allah berfirman:

يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا ۚ

لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا

"Pada hari ketika roh dan para malaikat berdiri bersaf-saf, mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah dan dia hanya mengatakan yang benar."

(Suran an-Naba': 38)

3. HARI PEMBENTANGAN (YAUMUL ARDH)

Allah S.W.T berfirman:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنْكُمْ خَافِيَةٌ

"Pada hari itu kamu dihadapkan (kepada Tuhanmu) tidak ada satupun daripada kamu yang tersembunyi (bagi Allah)." (Surah Al-Haqqah: 18)

Pada hari tersebut semua makhluk dikumpulkan oleh Allah S.W.T di padang mahsyar untuk menunggu keputusan daripada-Nya. Ibnu al-'Arabi berkata: Terdapat beberapa hadis Rasulullah s.a.w yang menerangkan mengenai cara pelaksanaan hari itu, antara lain:

Abu Said Al-Khudri menceritakan: Orang bertanya kepada Rasulullah s.a.w, "Adakah kamu semua tidak dapat melihat matahari dengan jelas pada waktu siang semasa cuaca cerah tidak berawan? Adakah kamu semua tidak dapat melihat bulan dengan jelas pada waktu malam semasa cuaca cerah tidak berawan?" Mereka menjawab, "kami dapat melihatnya, wahai Rasulullah." Rasulullah s.a.w bersabda, "Di akhirat kelak kamu semua juga dapat melihat Allah S.W.T seperti kamu semua melihat matahari dan bulan."

(H.R Abu Daud)

Diriwayatkan daripada Aisyah, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesiapa dihisab pada Hari Kiamat, maka dia akan mendapat azab." Aisyah bertanya, "Bukankah Allah S.W.T telah berfirman:

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا

"Maka dia akan dihisab dengan perhitungan yang mudah," (Surah Al-Insyiqaq:8)

Allah S.W.T berfirman:

وَيَوْمَ يُعْرَضُ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَى النَّارِ أَلْهَيْتُمْ طَيْبَاتِكُمْ فِي حَيَاتِكُمُ الدُّنْيَا وَاسْتَمْتَعْتُمْ بِهَا فَالْيَوْمَ تُجْرَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ فِي الْأَرْضِ

بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا كُنْتُمْ تَفْسُقُونَ

"Dan (ingatlah) hari (ketika) orang-orang kafir dihadapkan ke neraka (kepada mereka dikatakan): "Kamu telah menghabiskan rezekimu yang baik dalam kehidupan duniawimu (saja) dan kamu telah bersenang-senang dengannya; maka pada hari ini kamu dibalasi dengan azab yang menghinakan kerana kamu telah menyombongkan diri di muka bumi tanpa hak dan kerana kamu telah fasik"

(Surah al-Ahqaf : 20)

4. HARI PENGUMPULAN (YAUMUL JAM' I)

Allah S.W.T berfirman:

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّنَائِينِ ۗ وَمَنْ يُؤْمِنِ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا

يَكْفُرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا

أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"(Ingatlah) hari (dimana) Allah mengumpulkan kamu pada hari pengumpulan, itulah hari dinampakkan kesalahan-kesalahan. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan beramal soleh, nescaya Allah akan menutupi kesalahan-kesalahannya dan memasukkannya ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Itulah keberuntungan yang besar."

(Surah At-Taghabun:9)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ ۗ

وَمَنْ أَضَدُّكَ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

"Allah, tidak ada Tuhan selain Dia. Dia pasti akan mengumpulkan kamu padahari kiamat yang kejadian dan kedatangannya tidak diragukan. Siapa yang lebih benar perkataannya dari Allah?" (Surah An-Nisa:87)

5. HARI PERBEZAAN (YAUMUL TAFARRUQ)

Allah berfirman:

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُومِئِدُ يَتَمَرَّقُونَ ﴿١٤﴾ فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ ﴿١٥﴾ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ فَأُولَئِكَ فِي الْعَذَابِ مُخَضَّرُونَ

"Dan pada hari (ketika) terjadi kiamat, pada hari itu manusia berpecah-pecah (dalam kelompok). Adapun orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan, maka mereka di dalam taman (syurga) bergembira. Dan adapun orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat. Kami serta (mendustakan) pertemuan hari akhirat, maka mereka tetap berada tetap berada di dalam azab (neraka)." (Surah al-Rum:14-16)

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ الْجَمْعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ

"Demikianlah Kami wahyukan kepadamu al-Quran dalam bahasa Arab, supaya kamu memberi peringatan kepada ummul Qura (penduduk Mekah) dan penduduk (negeri-negeri) sekelilingnya serta memberi peringatan (pula) tentang hari berkumpul (kiamat) yang tidak ada keraguan padanya. Satu golongan masuk syurga, dan satu golongan masuk Jahannam." (Surah al-Syura:7)

6. HARI PERTANYAAN (YAUMUS-SUAL)

Allah S.W.T berfirman:

سَلِّ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَمَا آتَيْنَاهُمْ مِنْ آيَةٍ بَيِّنَةٍ وَمَنْ يُبَدِّلْ نِعْمَةَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

"Tanyakanlah kepada Bani Israil: "Berapa banyaknya tanda-tanda (kebenaran) yang nyata, yang telah Kami berikan kepada mereka". Dan barangsiapa yang menukar nikmat Allah setelah datang nikmat itu kepadanya, maka sesungguhnya Allah sangat keras seksa-Nya." (Surah al-Baqarah:211)

وَأَسْأَلُهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْبُدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّحًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ يَبْلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ

"Dan tanyakanlah kepada Bani Israil tentang negeri yang terletak di laut ketika mereka melanggar aturan pada hari Sabtu, di waktu datang kepada mereka ikan-ikan (yang berada di sekitar) mereka terapung-apung di permukaan air, dan di hari-hari yang bukan Sabtu, ikan-ikan itu tidak datang kepada mereka. Demikianlah Kami mencuba mereka disebabkan mereka berlaku fasik." (Surah al-A'raf:163)

وَأَسْأَلُ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا أَجَعَلْنَا مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ آلِهَةً يُعْبَدُونَ

"Dan tanyalah (Muhammad) kepada rasul-rasul kami yang telah kami utus sebelum kamu." Apakah kami menentukan Tuhan-Tuhan selain (Allah) Yang Maha Pemurah untuk disembah?" (Surah al-Zukhruf:45)

وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ

"dan apabila bayi-bayi perempuan yang dikubur hidup-hidup ditanya." (Surah al-Takwir:8)

فَوَرَيْكَ لَنْسَأَلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ

"Maka demi Tuhanmu, Kami pasti akan bertanya pada mereka semua" (Surah Al-Hijr:92)

7. HARI KESAKSIAN (YAUMUS SYAHADAH)

Kesaksian di sini mengandungi beberapa makna iaitu :

Pertama: Kesaksian Nabi Muhammad s.a.w berserta umatnya terhadap kebenaran kata-kata para Rasul, bahawa mereka telah menyampaikan dakwah kepada umat mereka.

Kedua: kesaksian bumi, siang dan malam pada semua perbuatan yang dilakukan kepadanya.

Ketiga: kesaksian anggota badan manusia pada semua perbuatan yang dia lakukan.

Allah S.W.T berfirman:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Pada hari (ketika), lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan." (Surah al-Nur:24)

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Dan mereka berkata kepada kulit mereka: "Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami?" Kulit mereka menjawab: "Allah yang menjadikan segala sesuatu pandai berkata telah menjadikan kami pandai (pula) berkata, dan Dialah yang menciptakan kamu pada kali pertama dan hanya kepada-Nya lah kamu dikembalikan" (Surah al-Fussilat:21)

Keempat: Rasulullah s.a.w menyatakan pada hari kiamat lidah manusia bercakap untuk menjadi saksi perbuatannya.

8. HARI PEMBALASAN (YAUMUL JAZA)

Allah S.W.T berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَدُوا الْيَوْمَ ۚ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Hai orang-orang kafir, janganlah kamu mengemukakan alasan pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya diberi balasan menurut apa yang kamu kerjakan."

(Surah al-Tahrim:7)

Allah S.W.T berfirman:

الْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ ۗ لَا ظُلْمَ الْيَوْمَ ۗ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

"Pada hari ini tiap-tiap jiwa diberi balasan dengan apa yang diusahakannya. Tidak ada yang dirugikan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat cepat hisabnya." (Surah al-Ghafir:17)

9. HARI KEMBALI (YAUMUL MASHIR)

Allah S.W.T berfirman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَرْجِي سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلَالِهِ وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَن يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبَ بِالْأَبْصَارِ

"Tidaklah kamu melihat bahawa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan antara (bahagian-bahagian) nya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan (butiran-butiran) dari langit, (iaitu) dari (gumpalan-gumpalan) awan seperti gunung-gunung, maka ditimpakanNya (butiran-butiran) itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan" (Surah an-Nur:43)

Oleh yang demikian, seluruh makhluk kembali kepada Allah S.W.T dan akhirnya tinggal di syurga atau neraka.

Allah S.W.T berfirman:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا لِّيُضِلُّوا عَنْ سَبِيلِهِ ۗ قُلْ تَمَتَّعُوا فَإِن مَّصِيرِكُمْ إِلَى النَّارِ

"Orang-orang kafir itu telah menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah supaya mereka menyesatkan (manusia) dari jalanNya. Katakanlah: "Bersenang-senanglah kamu, kerana sesungguhnya tempat kembalimu ialah neraka" (Surah Ibrahim:30)

10. HARI BERTANGGUNGJAWAB SENDIRI (YAUMUL LA TAMLIKU NAFSUN LI NAFSIN SYAI'AN)

Maksudnya ialah, setiap orang pada hari itu bertanggungjawab pada diri masing-masing dan tidak mempunyai kemampuan sedikit pun untuk membantu orang lain atau mencelakakan orang lain dengan kehendaknya sendiri. Allah S.W.T berfirman:

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ

"Dan jagalah dirimu dari (azab) hari (kiamat, yang pada hari itu) seseorang tidak dapat membela orang lain, walau sedikitpun; dan (begitu pula) tidak diterima syafa'at dan tebusan daripadanya, dan tidaklah mereka akan ditolong," (Surah Al-Baqarah:48)

Oleh yang demikian, setiap orang akan bertanggungjawab akan perbuatannya sendiri ketika didunia. Dia akan bebas daripada yang lain (tidak dapat meminta pertolongan kepadanya) walaupun orang itu saudaranya atau ayahnya.

11. HARI DIPERLIHATKAN KESALAHAN (YAUMUL-TAGHABUN)

Allah S.W.T berfirman:

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّعَابِ ۚ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيَدْخُلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"(Ingatlah) hari (dimana) Allah mengumpulkan kamu pada hari pengumpulan, itulah hari dinampakkan kesalahan-kesalahan. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan beramal soleh, nescaya Allah akan menutupi kesalahan-kesalahannya dan memasukkannya ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Itulah keberuntungan yang besar."

(Surah At-Taghabun:9)

Allah S.W.T berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَّدْحُورًا

"Barangsiapa menghendaki kehidupan sekarang (duniawi), maka Kami segerakan baginya di dunia itu apa yang kami kehendaki bagi orang yang kami kehendaki dan Kami tentukan baginya neraka jahannam; dia akan memasukinya dalam keadaan tercela dan terusir." (Surah Al-Isra:18)

Menurut ulama, ia dinamakan Yaumu al-Taghabun kerana pada hari itu amat kelihatan jelas kedudukan manusia di hadapan Allah S.W.T, ada yang menjadi ahli syurga dan yang menjadi ahli neraka, serta kelihatan keutamaan orang yang banyak beramal untuk hari akhirat. Semua mendapat balasan dari Allah S.W.T.



GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

7. LAWATAN KERJA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KE 6 KE UTEm/ 21 APRIL 2017



8. HARI SUKAN TASKA AWLAD IMTIYAZ / 29 APRIL 2017



9. KARNIVAL KEMUKJIZATAN ALQURAN / 5 - 7 MEI 2017



10. SAMBUTAN HARI LAHIR STAF PUSAT ISLAM BULAN JANUARI - MEI / 25 MEI 2017



11. CERAMAH DIAMBANG RAMADHAN DR NURHADI ZAHALAN / 25 MEI 2017



12. PROGRAM IHYA RAMADHAN / 27 MEI - 24 JUN 2017



SUDAH LENGKAPKAH TANDA-TANDA KIAMAT KECIL?

Oleh: Ustazah Noor Laila Abdul Latiff

Apabila berbicara tentang kiamat, tiada lain yang kita akan fikirkan melainkan kemusnahan dunia yang sangat dahsyat. Pada zaman yang berkembang pesat dan serba teknologi tinggi ini, kita mungkin lupa tentang makin dekatnya hari kiamat itu. Bukanlah masa sekarang untuk kita kagum tentang teknologi yang canggih ini kerana ia akan lenyap dengan sekelip mata sahaja. Tarikh berlakunya hari kiamat itu tiada siapalah yang tahu. Marilah kita berfikir dan bersiapkan diri kita agar kita sentiasa dalam redha dan berada dalam perlindungan Allah selalu. Di dalam Al-Quran yang mulia, Allah S.W.T telah berfirman di dalam surah al-Anbiyaa' ayat 1 :

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ (1)

Maksudnya : "Telah semakin dekat kepada manusia hari menghisab amal mereka, sedang mereka dalam lalai (dengan dunia) lagi berpaling (dari akhirat)."

(Surah Al-Anbiyaa':1)

Kiamat adalah perkara yang amat menakutkan yang akan terjadi. Waktu dan masanya tiada siapa yang dapat mengetahuinya melainkan Allah S.W.T. Di dalam Al-Quran firman Allah di dalam surah Al-Ahzaab ayat 63 :

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا

يُذْرِكُكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا (63)

Maksudnya: "Manusia bertanya kepadamu (Muhammad) tentang hari Kiamat. Katakanlah, "Ilmu tentang hari Kiamat itu hanya di sisi Allah." Dan tahukah engkau (wahai Muhammad), boleh jadi hari Kiamat itu sudah dekat waktunya." (Surah Al-Ahzaab: 63)

Semakin hari kita lalui, maka semakin dekat dunia akan menghadapi kiamat. Tanda-tanda Kiamat merupakan suatu petunjuk atau isyarat yang sudah hampirnya Hari Kiamat. Bermula dengan tanda-tanda kecil dan kemudian disusuli dengan tanda-tanda besar.

اقتربت الساعة وانشق القمر (1)

"Saat (hari Kiamat) semakin dekat, bulan pun terbelah." (Surah Al-Qamar: 1)

ANTARA TANDA-TANDA KIAMAT

1. Diutuskan Nabi Muhammad S.A.W

Dijelaskan dalam hadits dari Sahl r.h., Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: "Jarak diutusnya aku dan hari Kiamat seperti dua (jari) ini." Beliau memberikan isyarat dengan kedua jarinya (jari telunjuk dan jari tengah), lalu merenggangkannya." Dan diriwayatkan dari Qais bin Abi Hazim dari Abu Jubairah secara marfu': "Aku diutus pada awal hembusan angin Kiamat (awal tanda-tanda Kiamat).

Nabi Muhammad diutuskan menjadi Rasulullah adalah merupakan antara tanda-tanda kecil hari kiamat. Nabi Muhammad merupakan nabi penutup antara Nabi-nabi, maka tiada nabi atau rasul selepas baginda. Di dalam surah al-Ahzaab ayat 40, Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud:

"Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapak dari seorang laki-laki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup Nabi-Nabi...."

(Surah Al-Ahzaab:40)

2. Wafatnya Nabi Muhammad S.A.W

Dijelaskan dalam hadits 'Auf bin Malik r.h, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: "Ingatlah (wahai 'Auf) ada enam (tanda) sebelum datangnya hari Kiamat, kematianku...."

Kematian Nabi s.a.w adalah musibah terbesar yang menimpa kaum muslimin. Dunia terasa gelap dalam pandangan para sahabat r.hum ketika baginda s.a.w wafat.

3. Penaklukan Baitulmuqaddis

Dari Auf b. Malik r.a., katanya, Rasulullah s. a. w. telah bersabda: "Aku menghitung enam perkara menjelang hari kiamat." "Baginda menyebutkan salah satu di antaranya, iaitu penaklukan Baitulmuqaddis." (H.R Bukhari)

4. Zina bermaharajalela

"Dan tinggallah manusia-manusia yang buruk, yang seenaknya melakukan persetubuhan seperti himar (keldai). Maka pada zaman mereka inilah kiamat akan datang." (H.R Muslim)

Pada masa ini, kita dengar dan lihat di akhbar-akhbar dan berita-berita, sudah banyak perbuatan zina, sumbang mahram, kes anak luar nikah telah berlaku. Kes-kes ini sudah terbiasa didengari sehinggakan apabila sampai di telinga kita, kita sudah tidak rasa terkejut dengan berita itu. Bahkan ketika kita membaca artikel ini, di luar sana sedang berlaku kes-kes ini. Inilah antara tanda-tanda hari kiamat. Dimanakah kita? Apakah persiapan kita dan keluarga kita dalam menghadapi dunia yang semakin hampir kepada kemusnahan.

5. Bermaharajalela alat muzik

"Pada akhir zaman akan terjadi tanah runtuh, rusuhan dan perubahan muka. Ada yang bertanya kepada Rasulullah; "Wahai Rasulullah bila hal ini terjadi?" Baginda menjawab; "Apabila telah bermaharajalela bunyi-bunyian (muzik) dan penyanyi-penyanyi wanita" (H.R Ibnu Majah)

Cuba kita renung sejenak, betapa hiburan yang melalaikan dan penyanyi wanita di setiap corong radio dan televisyen. Kita tidak sedar bahawa itu adalah tanda-tanda kiamat dan menganggap itu sebagai teknologi dan perkembangan aktiviti masa kini.

6. Menghias masjid dan membanggakannya

"Di antara tanda-tanda telah dekatnya kiamat ialah manusia bermegah-megahan dalam mendirikan masjid" (H.R al-Nasai)

Di Malaysia, berapa banyak masjid yang dibangunkan tetapi lebih banyak tiang berbanding manusia di dalamnya. Masjid-masjid dihias cantik-cantik, dibangga-banggakan agar menjadi tarikan pelancong tetapi tidak diimarahkan dengan program-program yang bermanfaat dan tidak dipenuhi dengan manusia.

7. Munculnya kekejian, memutuskan kerabat dan hubungan dengan tetangga tidak baik

"Tidak akan datang kiamat sehingga banyak perbuatan dan perkataan keji, memutuskan hubungan silaturahim dan sikap yang buruk dalam tetangga." (H.R Ahmad dan Hakim)

8. Ramai orang soleh meninggal dunia

"Tidak akan datang hari kiamat sehingga Allah mengambil orang-orang yang baik dan ahli agama dimuka bumi, maka tiada yang tinggal padanya kecuali orang-orang yang hina dan buruk yang tidak mengetahui yang makruf dan tidak mengingkari kemungkaran" (H.R Ahmad)

9. Orang hina mendapat kedudukan terhormat

"Di antara tanda-tanda semakin dekatnya kiamat ialah dunia akan dikuasai oleh Luka' bin Luka'(orang yang bodoh dan hina). Maka orang yang paling baik ketika itu ialah orang yang beriman yang diapit oleh dua orang mulia" (H.R Thabrani)

10. Mengucapkan salam kepada orang yang dikenalnya sahaja

"Sesungguhnya di antara tanda-tanda telah dekatnya hari kiamat ialah manusia tidak mahu mengucapkan salam kepada orang lain kecuali yang dikenalnya saja." (H.R Ahmad)

11. Banyak wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. "Di antara tanda-tanda telah dekatnya hari kiamat ialah akan muncul pakaian-pakaian wanita dan apabila mereka memakainya keadaannya seperti telanjang."

12. Bulan sabit kelihatan besar

"Di antara tanda-tanda telah dekatnya hari kiamat ialah menggelembung (membesarnya) bulan sabit." (H.R Thabrani)

13. Banyak dusta dan tidak tepat dalam menyampaikan berita

"Pada akhir zaman akan muncul pembohong-pembohong besar yang datang kepadamu dengan membawa berita-berita yang belum pernah kamu dengar dan belum pernah didengar oleh bapa-bapa kamu sebelumnya, kerana itu jauhkanlah dirimu dari mereka agar mereka tidak menyesatkanmu dan memfitnahmu" (H.R Muslim)

14. Banyak saksi palsu dan menyimpan kesaksian yang benar

"Sesungguhnya sebelum datangnya hari kiamat akan banyak kesaksian palsu dan disembunyikan kesaksian yang benar" (H.R Ahmad)

15. Negara Arab menjadi padang rumput dan sungai

"Tidak akan datang hari kiamat sehingga negeri Arab kembali menjadi padang rumput dan sungai-sungai." (H.R Muslim)

16. Manusia mewarnai rambut di kepalanya dengan warna hitam supaya kelihatan muda

"Pada akhir zaman akan muncul suatu kaum yang mencelupi rambut mereka dengan warna hitam seperti 'bulu merpati' yang mereka itu tidak akan mencium bau syurga." (H.R Abu Daud & Nasai)

17. Lelaki dihormati bukan kerana budi dan kebaikan tetapi kerana takut akan kejahatannya

Dari Ali dan Abu Hurairah r.a.: "Apabila harta rampasan perang (milik umum) dikuasai segelintir orang sahaja, barang amanah menjadi rampasan, harta zakat menjadi hutang, seorang lelaki mentaati isterinya dan menderhakai ibunya, berbuat baik kepada temannya dan berbuat kasar kepada bapanya, suara-suara tinggi di masjid-masjid, yang menjadi pemimpin suatu kaum (bangsa) adalah orang yang hina (berkelakuan/bersifat keji) di antara mereka dan orang yang menjadi ketua suatu suku (kabilah) adalah orang fasik di antara mereka, seorang lelaki dihormati kerana takut jahatnya, arak biasa diminum, sutera biasa dipakai (oleh lelaki), munculnya penyanyi perempuan dan alat-alat muzik, orang yang di kalangan umat terkemudian akan melaknat (mengutuk) umat terdahulu, maka ketika itu hendaklah mereka menunggu kedatangan angin merah atau pembalikan bumi atau keburukan bentuk-bentuk atau tanda-tanda yang beriringan seperti tali yang putus maka jatuhlah biji secara berterusan". (H.R Tirmizi)

18. Munculnya gaya hidup mewah dan manja di kalangan umat Islam

"Apabila umatku berjalan dengan sombong dan yang melayan mereka adalah putera-puteri raja, putera-puteri Parsi dan Rom, maka orang yang paling buruk akan berkuasa terhadap orang yang paling baik (pilihannya)." (H.R Tirmizi)

19. Orang fasik dimuliakan sedangkan orang mulia dan terhormat direndahkan

"Sungguh hebat dia, sungguh jarang orang seperti dia dan sungguh pintar dia sedangkan di dalamnya tidak ada iman sedikitpun" (H.R Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Ibnu Majah)


20. Banyak orang berharap untuk mati kerana banyaknya kekacauan ataupun kesengsaraan

"Tidak akan berlaku kiamat sehingga apabila seorang lelaki melalui sebuah kubur maka ia akan berkata: 'Aduhai seandainya aku juga berada ditempatnya.'" (H.R Bukhari & Muslim)

21. Banyaknya berlaku pergaduhan dan pembunuhan

"Kiamat tidak akan berlaku kecuali apabila ilmu telah diangkat, banyaknya berlaku gempa bumi, timbulnya huru-hara dan banyak pergaduhan iaitu pembunuhan" (H.R Bukhari)

Artikel ini hanya menceritakan sedikit tanda-tanda kecil hari kiamat sahaja. Boleh dikatakan semua tanda-tanda kecil hari kiamat telah berlaku. Apabila kita lihat hari ini, manusia kebanyakannya leka dengan kehidupan dunia. Mereka mencari kekayaan dan kesenangan siang dan malam tanpa mengira waktu untuk beribadah. Di manakah iman kita? Di manakah Islam yang kita junjung itu? Bersiapakah kita dalam mempersiapkan diri berhadapan dengan hari kiamat?



DAJJAL

Oleh: Muhammad Saifudin Salihin Mazli

Ada baiknya kita mulai kisah ini dengan membahas hakikat Dajjal, kerana tidak semua tahu siapa Dajjal, sebahagian lagi menyangka Dajjal hanyalah sebuah simbol, atau sesuatu yang tidak berwujud dan tidak memiliki hakikat. Dajjal adalah seorang lelaki dari anak Adam yang memiliki sejumlah sifat sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadith-hadith sahih. Rasulullah s.a.w. banyak menyebutkan Dajjal beserta sifat-sifatnya agar manusia mengetahui dan berhati-hati dari makhluk ini, sehingga apabila kelak Dajjal muncul, kaum mukminin dapat mengenalnya serta tidak terfitnah olehnya. Bahkan kerana besarnya fitnah Dajjal. Rasulullah s.a.w. berwasiat untuk kita selalu berlinggung dari fitnah yang dibawa oleh Dajjal di setiap akhir solat sesudah tasyahhud akhir. Sabda Baginda s.a.w:

إذا فرغ أحدكم من التشهد (الأخر) فليستعذ بالله من أربع (يقول):

اللهم إني أعوذ بك من عذاب جهنم ومن عذاب القبر ومن فتنة المحيا والممات ومن شر (فتنة) المسيح الدجال ثم يدعو لنفسه بما بدا له

"Apabila salah seorang diantara kamu selesai dari tasyahhud akhir mintalah perlindungan dari empat perkara. Ucapkanlah: Ya Allah aku berlindung kepada-Mu dari azab neraka Jahannam, dan dari azab kubur dan dari fitnah kehidupan dan kematian dan dari fitnah Al-Masih Ad-Dajjal. Kemudian berdoalah untuk dirinya apa yang nampak baginya (untuk dia minta)." (H.R Muslim, Abu 'Awanah, An-Nasai dan Ibnul Jarud)

MAKNA DAJJAL DARI SEGI BAHASA

Al-Hafiz Abu Al-Khattab bin Dihyah dalam bukunya yang berjudul Maraj Al-Bahrain fi Fawaid Al-Masyriqain wa Al-Maghribain berkata: Para ulama mengatakan bahawa perkataan dajjal itu dari segi bahasa mengandungi sepuluh makna, iaitu:

1. Menurut Al-Khalil Ibrahim dan lainnya, dajjal adalah pendusta berasal daripada perkataan dajlah atau dajalah yang bermakna berdusta.
2. Al-Ashma'i berkata, "Perkataan dajjal diambil daripada perkataan dajal yang bermakna mengecat kuda dengan belaking. Dinamakan Dajjal kerana dia akan menutup kebenaran dengan sihir dan pembohongannya, ibarat seseorang menutup mata kudanya dengan sesuatu sehingga kudanya menjadi tenang".
3. Maknanya adalah menjelajahi suatu wilayah dengan berjalan kaki. Dinamakan Dajjal itu dengan nama sedemikian adalah kerana dia akan menjelajahi seluruh pelosok bumi dengan berjalan kaki, sesuai dengan makna perkataan dajal itu sendiri.
4. Perkataan dajjal diambil daripada perkataan dajal yang bermakna menutupi. Dinamakan Dajjal dengan nama demikian adalah kerana dia akan melingkari pelosok bumi serta menutupnya.
5. Perkataan dajjal diambil daripada perkataan dajallah yang bermakna melintasi. Dinamakan Dajjal dengan nama demikian adalah kerana dia akan melintasi seluruh pelosok bumi ini, kecuali Mekah dan Madinah.

6. Dinamakan Dajjal itu dengan nama demikian adalah kerana dia akan mengelirukan manusia dengan kejahatannya, sesuai dengan makna perkataan dajjal, iaitu mengelirukan.
7. Makna perkataan dajjal adalah mukhriq (orang yang melakukan pembohongan atau perkara yang luar biasa)
8. Dajjal adalah orang yang menyepuh sesuatu dengan emas.
9. Perkataan dajjal bermakna cecair emas yang disepuh pada sesuatu sehingga sesuatu itu menjadi indah. Dinamakan Dajjal dengan nama demikian adalah kerana dia akan memperindahkannya kebatilan, sehingga manusia tertarik kepadanya.

Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesiapa yang menghafal sepuluh ayat permulaan surah Al-Kahfi (dalam riwayat dinyatakan "pada akhir surah Al-Kahfi") akan selamat daripada kejahatan Dajjal". (H.R Muslim daripada Abu Darda)

KENAPA DAJJAL DIPANGGIL DENGAN GELARAN AL-MASIH?

Rasulullah s.a.w bersabda: "Ciri-ciri Dajjal adalah dahinya bercelak, mata kirinya buta dan tengkoraknya lebar serta bengkok". (H.R Abu Bakar bin Abu Syabihah)

Panggilan Al-Masih digunakan untuk dua orang, iaitu Dajjal dan Isa bin Maryam. Sedangkan Al-Masih dalam bahasa Arab bermakna 'yang menghapus,' 'yang terhapus' dan 'yang mengembara.' Isa bin Maryam dipanggil dengan Al-Masih, kerana dia menghapuskan penyakit manusia melalui tangannya dengan izin Allah. Dajjal dipanggil Al-Masih, kerana mata kanannya terhapus (tidak bercahaya) dan alis mata kanannya juga terhapus, atau dia akan mengembara ke seluruh penjuru dunia. Apabila kita bertujuan menyatakan Al-Masih merujuk kepada Dajjal, maka kita perlu menyatakan dengan Al-Masih Ad-Dajjal. Apabila kita hanya menyatakan perkataan Al-Masih tanpa ikatan majmuk, maka maksudnya adalah Isa Bin Maryam. Rasulullah bersabda, "Sesungguhnya menjelang berlakunya kiamat terdapat 30 dajjal pendusta". (H.R Ahmad daripada Ibnu Umar)

BAGAIMANAKAH RUPA BENTUK DAJJAL YANG SEBENARNYA?

Dajjal adalah fitnah yang amat besar sehingga Rasulullah sering membaca doa memohon perlindungan daripada Dajjal dalam setiap solatnya. Perkara ini berdasarkan pada hadith sahih, Daripada Aisyah Ummul Mukminin, bahawa Rasulullah s.a.w pada setiap solat (setelah tahiyat akhir) membaca:

اللهم إني أعوذ بك من عذاب القبر وأعوذ بك

من فتنة المسيح الدجال وأعوذ بك من فتنة المحيا والممات ،

اللهم إني أعوذ بك من المأثم والمغرم .

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung pada-Mu daripada azab kubur, aku berlindung pada-Mu daripada buruknya fitnah Al-Masih Ad-Dajjal, daripada fitnah hidup dan mati. Ya Allah aku berlindung pada-Mu daripada dosa serta hutang yang sukar untuk dibayar". (H.R Bukhari)

Disunnahkan membaca doa pada akhir solat sebelum memberi salam menurut hampir semua Ulama dan

bahkan ada ulama yang mewajibkan membacanya. Secara terperinci, ciri-ciri Dajjal dapat dilihat dalam beberapa hadis berikut:

1. "Tertulis di antara dua matanya perkataan kafir yang dieja oleh Rasulullah s.a.w kaf, fa', ra' yang dapat dibaca oleh setiap mukmin yang pandai membaca mahupun oleh mukmin yang buta huruf. Menurut kami, perkara ini tidak akan tersembunyi (meragukan) lagi bagi sesiapa sahaja".
2. "Ternyata dia seorang lelaki yang berbadan besar, merah, berambut kerinting dan bermata sebelah". (H.R Bukhari daripada Ibnu Umar)
3. Dalam hadith riwayat Thabrani daripada Abdullah Ibnu Mughaffal dinyatakan, "Dajjal berkulit coklat dan berambut kerinting".
4. "Sesungguhnya Al-Masih Ad-Dajjal adalah seorang lelaki yang pendek, hujung telapak kakinya berdekatan, sedangkan tumitnya berjauhan, berambut kerinting, bermata sebelah dengan mata yang terhapus". (H.R Abu Daud daripada Ubadah bin Shamit dan Ahmad)
5. "Sesungguhnya kepala Dajjal itu dari belakang kelihatan tebal dan berkelok-kelok" (H.R Ahmad daripada Hisyam bin 'Amir)
6. "Pada matanya yang sebelah kanan, seakan-seakan ia adalah satu biji anggur yang terapung" (H.R Bukhari daripada Ibnu Umar)
7. "Bukankah sesungguhnya dia itu bermata sebelah dan tertulis di antara kedua mata Dajjal itu perkataan kafir, yang dapat dibaca oleh setiap mukmin". (H.R Muttafaq 'Alaih, daripada Anas)
8. "Tertulis di antara dua matanya huruf kaf, fa' dan ra'" (H.R At-Tirmizi daripada Anas)
9. "Dajjal itu adalah mata kirinya buta rambutnya kasar, dia mempunyai syurga dan neraka yang syurganya itu sebenarnya adalah neraka, sedangkan nerakanya adalah syurga". (H.R Huzaifah)
10. "Sesungguhnya aku mengetahui sifat Dajjal itu dia mempunyai dua buah sungai, yang satu mengandungi air putih sedangkan yang lain mengandungi nyalaan api. Jika seseorang melihat sungai yang mengandungi nyalaan api itu, maka hendaklah dia menutup matanya dan mendekati ke arahnya, maka dia akan dapat meminum air sejuk darinya. Ciri-ciri Dajjal itu adalah mata kanannya buta, kukunya kasar dan di antara kedua matanya tertulis perkataan "kafir" yang dapat dibaca oleh semua orang mukmin yang melihatnya, baik yang boleh menulis membaca mahupun yang tidak". (H.R Muslim)



Ibnu Umar mengatakan bahawa suatu kali Rasulullah s.a.w. menceritakan mengenai Dajjal kepada kami lalu baginda berkata, "Sesungguhnya matanya buta sebelah, ketahuilah bahawa Dajjal itu buta mata kanannya".

Ibnu Umar juga mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Ketika aku tertidur di Kaabah, aku bermimpi seorang yang amat gagah rupanya, lurus rambutnya serta berminyak, sedang tawaf mengelilingi Kaabah. Maka aku pun bertanya kepada orang, "Siapakah orang itu?" Mereka menjawab, "Dia adalah Al-Masih bin Maryam (Nabi Isa as.)" Kemudian aku lihat lagi di belakangnya seorang yang amat buruk rupanya, buta mata kanannya dan kerinting rambutnya, juga sedang tawaf mengelilingi Kaabah. Maka aku pun bertanya kepada orang, "Siapakah orang itu?" Mereka menjawab, "Al-Masih Ad-Dajjal(Dajjal)".

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dajjal adalah seorang yang buta matanya sebelah, dahinya bercelak dan tengkoraknya lebar serta bengkok, mirip seperti Qathn bin Abdul Uzza". "Adakah dia akan dapat membahayakanmu, Wahai Rasulullah?" Tanya seseorang. Baginda s.a.w. menjawab, "Tidak, kerana kamu Muslim sedangkan dia kafir," (H.R Abu Daud Ath-Thayalisi daripada Abu Hurairah)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Salah satu mata Dajjal seperti kaca berwarna hijau dan berlingkunglah kamu daripada azab kubur." (H.R Ubay bin Ka'ab)

DI MANAKAH TEMPAT KELUARNYA DAJJAL?

Perlu kita ketahui dahulu mengenai hadith yang menceritakan Al-Jassasah yang diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab Sahihnya daripada Fatimah binti Qais, dia berkata: "Aku mendengar seruan daripada muazin Rasulullah untuk menunaikan solat berjemaah, maka aku pergi ke masjid dan solat bersama Rasulullah. Aku solat di saf para wanita, di belakang golongan lelaki. Ketika solat sudah selesai, Rasulullah duduk di atas mimbar, lalu sambil tersenyum baginda berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku mengumpulkan kamu semua bukan untuk suatu khabar gembira atau khabar buruk, tetapi aku mengumpulkan kamu semua kerana Tamim Ad-Dari yang dahulunya seorang lelaki penganut agama Nasrani, dia telah memeluk agama Islam dan memba'atku. Dia berkata kepadaku dengan suatu perkataan yang sudah pernah aku katakan kepada kamu semua mengenai Al-Masih Ad-Dajjal.

Dia menceritakan perjalanannya kepadaku, bahawa dia berlayar dengan sebuah kapal laut bersama 30 orang lelaki dari kabilah Lakhm dan Juadzam. Kemudian mereka terombang-ambing oleh ombak (badai) selama satu bulan. Sehingga terdampar di sebuah pulau di tengah laut di arah tempat matahari terbenam. Lalu mereka semua duduk (berehat) di suatu tempat yang terletak amat dekat dengan kapal. Setelah itu mereka masuk ke dalam pulau tersebut, lalu mereka bertemu dengan seekor binatang yang bebulu lebat, sehingga mereka tidak dapat mengagak yang mana ekornya dan yang mana kepalanya, kerana tertutup oleh bulunya yang terlalu banyak. Maka mereka berkata, "Celaka, dari jenis apakah kamu ini!" Dia menjawab, "Aku adalah Al-Jassasah: "Wahai orang, pergilah kamu semua kepada seorang lelaki yang berada di biara itu. Sesungguhnya dia amat ingin mendengar berita daripada kamu semua!"

Tamim Ad-Dari berkata, "Ketika dia telah menjelaskan kepada kami mengenai lelaki itu, kami pun terkejut kerana kami fikir bahawa dia adalah syaitan. Lalu kami segera pergi sehingga kami memasuki biara tersebut, tiba-tiba di sana terdapat seorang manusia yang paling besar (yang pernah kami lihat) dalam keadaan terikat amat kuat. Kedua tangannya terikat pada bahunya serta antara dua lutut dan mata kakinya terikat dengan besi. Kami berkata, "Celaka, siapakah kamu?" Dia menjawab, "Takdir sudah menentukan bahawa kamu semua akan menyampaikan khabar kepadaku, maka beritahulah kepadaku siapakah kamu semua?" Mereka menjawab, "Kami orang arab yang berlayar dengan sebuah kapal, tiba-tiba kami menghadapi laut yang sedang bergelora, lalu kami terombang-ambing di tengah laut selama satu bulan, maka terdamparlah kami dipulau ini. Lalu kami berada ditempat yang paling dekat dengan kapal, kemudian kami masuk ke pulau ini. Maka kami bertemu dengan seekor binatang yang amat banyak bulunya, yang tidak dapat diketahui mana ekor dan mana kepalanya, kerana banyak bulunya, maka kami berkata, 'Celaka, apakah kamu ini?' Dia menjawab, 'Aku adalah Al-Jassasah'. Lalu dia berkata 'Pergilah kamu semua kepada seorang lelaki yang berada di biara itu, kerana dia amat mahukan berita yang kamu semua bawa'. Lalu kami segera menuju ke tempat kamu ini, maka kami terkejut bercampur takut kerana fikir bahawa kamu ini adalah syaitan," Dia (lelaki besar yang terikat itu) berkata, "Beritahulah kepada aku mengenai pohon kurma yang ada di daerah Baisan." Kami berkata, "Mengenai apa yang kamu mahu tanya berkenaannya?" Dia berkata, "Aku bertanyakan adakah pohon kurma itu tetap berbuah?" Kami menjawab, "Ya" Dia berkata, "Adapun pohon kurma itu, maka ia (Sebentar lagi) hampir tidak akan berbuah lagi." Kemudian dia berkata lagi. "Beritahulah kepadaku mengenai danau Tiberia. "Mereka berkata, "Apa yang mahu kamu tanyakan perihalnya?" Dia bertanya, "Adakah ia tetap mengeluarkan air?" Kami menjawab, "Ya." Dia berkata, "Adapun airnya, akan ia (sebentar lagi) hampir akan habis." Kemudian dia berkata lagi, "Beritahulah kepada aku mengenai mata air Zugar." Mereka berkata, "Apa yang kamu mahu tanya perihalnya?" Dia bertanya, "Adakah disana masih ada air dan adakah disana masih bertani dengan menggunakan air dari mata air Zugar itu?" Kami katakan kepadanya, "Benar, ia mempunyai air yang banyak dan penduduknya bertani dengan mata air tersebut." Lalu dia berkata lagi, "Beritahulah kepada aku mengenai Nabi yang ummi, apa yang sudah dilakukan?" Mereka menjawab, "Dia telah keluar dari Mekah dan Madinah," Lalu dia bertanya, "Adakah dia diperangi oleh orang Arab?" Kami menjawab, "Ya" Dia bertanya, "Apakah yang dia lakukan terhadap mereka?" Maka kami memberitahu kepadanya, bahawa dia (Nabi itu) telah menundukkan orang Arab yang bersama dengannya dan mereka mentaatinya. Lalu dia berkata, "Adakah itu semua telah berlaku?" Kami menjawab, "Ya." Dia berkata, "Sesungguhnya lebih baik bagi mereka untuk mentaatinya dan sesungguhnya aku akan mengatakan kepada kamu semua tentang diriku. Aku adalah Al-Masih Ad-Dajjal dan sesungguhnya aku hampir diizinkan untuk keluar. Aku akan keluar dan berjalan di muka bumi dan tidak ada satu pun kampung (negeri) yang tidak aku masuki dalam masa 40 malam selain Mekah dan Thaibah-Madinah-Kedua negeri itu dilarang untukku. Setiap kali aku mahu memasukinya salah satu daripada kedua negeri itu, aku dihadap oleh malaikat yang pada tangannya ada pedang berkilauan dan amat tajam untuk menghalauku dari kedua negeri tersebut dan di setiap celahnya terdapat malaikat yang menjaganya."

Dia (Fatimah perawi hadis) berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda sambil menghentakkan tongkatnya di atas mimbar, "Inilah Thaibah, inilah Thaibah, inilah Thaibah (maksudnya kota madinah). Bukankah aku sudah menyampaikan kepada kamu semua tentang perkara itu?" Orang (para sahabat) menjawab, "Benar." Baginda s.a.w. berkata, "Aku tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Tamim Ad-Dari, kerana ia bersesuaian dengan apa yang pernah aku sampaikan kepada kamu semua tentang Madinah dan Mekah. Bukankah dia (tempat Dajjal) terletak di laut Syam atau laut Yaman?" Rasulullah mengisytiharkan tangannya ke arah Timur. Dia (Fatimah) berkata, "Perkara ini aku hafal daripada Rasulullah s.a.w." (HR. Muslim, Ahmad, Ibnu Majah dan Abu Daud)

Diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. berkata kepada Umar, "Jika dia adalah Dajjal itu, maka kamu tidak akan berkuasa terhadapnya. Jika dia bukan Dajjal, maka tidak ada baiknya bagi kamu untuk membunuhnya." (H.R. Muslim)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dajjal akan keluar dari sebuah negeri di Timur yang bernama Khurasan." (HR. At-Tirmizi dan Hakim)

Dalam Hadis lain, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dajjal akan diikuti oleh 70,000 orang Yahudi Isfahan yang memakai jubah besar berwarna hijau." (H.R Ahmad dan Muslim daripada Anas)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya Dajjal akan keluar dari arah sebelah Timur yang bernama Khurasan; dia akan diikuti oleh ramai orang kerana wajahnya seolah-olah seperti perisai yang berlapis-lapis." (HR. Ibnu Majah daripada Abu Bakar As-Siddiq)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Akan ada tujuh puluh ribu daripada kalangan umatku yang mengikut Dajjal, yang memakai jubah berwarna hijau." (H.R Abdul Razzaq daripada Abu Sa'id Al-Khudri)

"Sesungguhnya Dajjal akan keluar kerana suatu kemarahan." (HR. Muslim dan Ahmad)

"Sesungguhnya sebelum keluarnya Dajjal, adalah ada tempoh masa tiga tahun yang amat sukar, yang pada masa itu manusia akan ditimpa kebuluran yang teramat. Allah S.W.T akan memerintahkan kepada langit pada tahun yang pertama darinya agar menahan sepertiga hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan sepertiga tanamannya. Kemudian Allah S.W.T memerintahkan kepada langit pada tahun yang kedua untuk menahan dua pertiga hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan dua pertiga tumbuhannya. Kemudian pada tahun yang ketiga Allah S.W.T memerintahkan pada langit untuk menahan semua air hujannya lalu ia tidak menitiskan setitik air pun dan Allah S.W.T memerintahkan kepada bumi untuk menahan semua tanamannya, maka setelah itu tidak akan tumbuh satu tanaman hijau pun dan semua binatang berkuku akan mati, kecuali yang tidak dikehendaki oleh Allah S.W.T" Kemudian para sahabat bertanya, "Dengan apakah manusia akan hidup pada masa itu?" Baginda s.a.w. menjawab, "Tahlil, takbir dan tahmid akan sama maknanya bagi mereka dengan makanan." (H.R Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan Al-Hakim Umamah)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Apabila salah seorang daripada kamu sudah selesai membaca tasyahhud dalam solatnya, maka hendaklah dia berlindung kepada Allah S.W.T daripada empat perkara, iaitu dengan membaca: Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung pada-Mu daripada azab Neraka Jahanam dan daripada azab kubur, daripada fitnah hidup dan mati, serta daripada fitnah Al-Masih Ad-Dajjal." (HR. Muslim daripada Abi Hurairah)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya aku benar-benar akan memperingatkanmu akan bahayanya (Dajjal). Tidak ada satu Nabi pun, kecuali dia memperingatkan kaumnya (akan fitnahnya) dan Nuh juga telah memperingatkan kaumnya, akan tetapi aku akan mengatakan kepada kamu semua suatu perkataan yang belum pernah dikatakan oleh para Nabi sebelum aku kepada kaum mereka, sesungguhnya dia bermata sebelah dan Allah bukanlah bermata sebelah (bermata satu)". (H.R Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan At-Tirmizi daripada Ibnu Umar)

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, An-Nuwas bin Sam'an berkata, "Rasulullah menyatakan bahawa Dajjal itu pada suatu pagi, maka baginda kadangkala menurunkannya dan kadangkala baginda mengangkatnya sehingga seakan-seakan kami fikir bahawa dia telah berada di dalam kumpulan pohon kurma". (H.R Muslim)

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Semenjak Adam diciptakan sehingga berdirinya kiamat tidak ada perkara (cubaan) yang lebih besar daripada Dajjal". (H.R Muslim)

Dalam riwayat lain baginda s.a.w. bersabda, "Tidak ada makhluk yang lebih besar daripada Dajjal."

Dalam riwayat lain juga baginda s.a.w. bersabda, "Tidak ada fitnah yang lebih besar daripada fitnah Dajjal." (H.R Ahmad)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya, orang akan lari ke gunung-ganang untuk menjauhkan diri daripada fitnah Dajjal." (H.R Muslim, Ahmad dan At-Tirmizi)

Rasulullah s.a.w telah memperingatkan kita (khususnya orang yang tidak mempunyai iman yang kuat) agar berdiri di depan Dajjal sambil berkata, "Sesiapa mendengar nama Dajjal hendaklah dia berpaling daripadanya, kerana sesungguhnya apabila dia menemuinya dan dia fikir bahawa dirinya adalah seorang mukmin, maka dia akan mengikutnya (Dajjal tersebut) dengan segala syubhat (kebatilan) yang di bawa." (H.R Ahmad, Abu Daud dan Al-Hakim)

"Kemudian Dajjal berangkat menuju ke Madinah, maka dia menemui di setiap celah masuk ke kota itu malaikat yang menghunus pedang tajam yang berkilauan, lalu dia berhenti di sebuah tanah tandus di lereng bukit dan mendirikan khemah, kemudian bergegarlah kota madinah tiga kali gegaran, setelah tidak ada seorang pun orang munafik lelaki, munafik perempuan, orang fasik lelaki dan orang fasik perempuan kecuali dia pergi bergabung dengannya (Dajjal). Itulah Hari pembebasan." (H.R Ahmad)

Telah bersabda Rasulullah s.a.w. "...dan diantara fitnahnya adalah bahawa dia akan memerintahkan langit untuk menurunkan hujan, maka turunlah hujan dan dia memerintahkan bumi untuk tumbuh, maka tumbuhlah ia.

Diantara fitnahnya adalah bahawa ketika dia melalui sebuah negeri, kemudian penduduk negeri itu mendustakannya, maka tidak ada satu haiwan ternakan pun yang tidak musnah di situ. Diantara fitnahnya adalah bahawa dia melalui sebuah negeri, kemudian mereka membenarkan (dakwaannya, maka dia pun memerintahkan langit agar menurunkan hujan, maka turunlah hujan dan dia memerintahkan bumi untuk tumbuh, maka tumbuhlah ia, sehingga sejak hari itu binatang menjadi paling gemuk dan paling besar daripada masa yang berlalu, paling besar perutnya dan paling melimpah susunya. Sesungguhnya tidak ada satu negeri pun di muka bumi yang tidak dimasuki dan dikalahkan oleh Dajjal, kecuali Mekah dan Madinah, dia tidak akan dapat memasukinya dari setiap celah masuknya kerana di situ ada malaikat yang menjaga dengan pedang tajam dan berkilat, sehingga dia pergi di sebuah tempat perkhemahan di persimpangan sebuah tanah kosong yang belum pernah diusahakan. Maka bergegarlah Kota Madinah dengan tiga kali gejeran, sehingga tidak ada yang tinggal di sana seorang pun munafik lelaki atau pun munafik perempuan kecuali dia keluar kepada Dajjal, maka terhapuslah orang keji (kotor) dari Madinah sebagaimana ububan (alat penghembus besi) membuang segala kotoran besi dan dipanggillah hari itu dengan Hati Pembersihan." Para sahabat bertanya, "Di manakah orang Arab pada masa itu?" Baginda s.a.w menjawab, "Mereka pada hari itu sedikit, mereka dipimpin oleh seorang lelaki yang soleh, maka ketika pemimpin mereka sudah maju ke depan untuk mengimamkan mereka dalam solat subuh, tiba-tiba turunlah Isa bin Maryam, maka berundurlah Imam mereka ke belakang agar Isa maju untuk mengimamkan solat dan Isa pun meletakkan tangannya di antara dua bahunya (pemimpin orang muslim) lalu berkata, 'Majulah kamu dan pimpinlah solat, kerana sesungguhnya ia diiqamatkan untuk kamu.' Pemimpin mereka pun mengimamkan solat mereka dan ketika solat sudah selesai Isa berkata, 'Bukalah pintu.' Mereka pun membuka pintu di belakangnya telah berada Dajjal bersama 70,000 orang Yahudi, masing-masing mempunyai pedang berhias dengan emas dan berjubah besar berwarna hijau, maka ketika dia (Isa) memandang kepada Dajjal, Dajjal itu pun meleleh (Musnah) seperti garam yang meleleh di dalam air, kemudian dia lari dan dihadang oleh Isa di pintu Timur Kota Lud (di Palestin), kemudian Isa membunuhnya, maka Allah S.W.T. menjadikan kekalahan untuk orang Yahudi, yang tidak ada satu makhluk pun yang diciptakan Allah S.W.T yang boleh dijadikan sebagai perlindungan oleh orang Yahudi. Allah S.W.T menjadikan segala sesuatu dapat bercakap, mulai dari batu, pohon, dinding, haiwan ternakan kecuali pohon Ghardaqah, kerana ia adalah pohon (orang Yahudi) yang tidak mahu bercakap. Semua makhluk tersebut (selain Ghardaqah) berkata, 'Wahai hamba Allah yang muslim, di sini ada Yahudi, ke marilah dan bunuhlah dia'. (H.R Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah)

Dalam riwayat lain dalam kitab Sahih Muslim termaktub, "Mereka bertanya, 'Wahai Rasulullah, berapa lama dia (Dajjal) berada di bumi?' Baginda menjawab, "Empat puluh hari, satu hari daripadanya sama dengan satu tahun, satu hari lagi sama dengan satu bulan dan satu hari lagi sama dengan satu minggu, sedangkan baki hari tersebut sama dengan hari biasa mereka." Mereka bertanya, "Wahai Rasulullah, pada suatu hari yang sama lamanya dengan satu tahun tersebut, adakah cukup bagi kami untuk solat sehari (lima waktu sahaja)?" Baginda s.a.w. menjawab, "Tidak, kamu anggarkanlah pada beberapa hari tersebut."

Kedua, cara menyembunyikan diri daripada Dajjal. Segala puji bagi Allah S.W.T yang sentiasa memberi ubat kepada setiap penyakit, yang diketahui oleh setiap orang yang berilmu dan tidak diketahui oleh orang yang jahil, maka sesiapa tidak mengetahui hendaklah dia tidak mencela sesiapa pun kecuali dirinya sendiri, kerana dia telah lalai dalam menuntut ilmu. Walaupun fitnah dan bahaya Dajjal begitu besar dan berat, namun dia kecil di sisi Allah. Dajjal tidak berkuasa terhadap orang muslim.

Oleh kerana itu, ketika Al-Mughirah bin Syu'bah berkata, "Tidak seorang pun yang bertanya lebih mengenai Dajjal daripadaku, "maka Rasulullah berkata kepadanya, "Apakah yang menjadikan kamu gelisah dengannya? Sesungguhnya dia tidak akan membahayakanmu." Al-Mughirah berkata, "Wahai Rasulullah mereka mengatakan bahawa Dajjal mempunyai makanan dan minuman." Baginda s.a.w. bersabda, "Bagi Allah itu hanya soal kecil". (H.R Bukhari dan Muslim)

Telah bersabda Rasulullah s.a.w., "Sesiapa menghafal 10 ayat awal Surah Al-Kahfi, maka dia akan terpelihara daripada fitnah Dajjal." (H.R. Muslim, Ahmad, Abu Daud dan At-Tirmizi)

Dalam hadis lain termaktub, "Sesiapa ditakdirkan Allah S.W.T untuk melihat Dajjal hendaklah dia meludahi mukanya seakan-akan dia adalah Khinzib, iaitu syaitan pengganggu solat. Dan hendaklah dia membaca beberapa ayat awal atau akhir Surah Al-Kahfi, semoga Allah s.w.t. menyelamatkan daripada Dajjal."

Sedangkan dalam satu hadis marfu' yang disahihkan oleh At-Tirmizi daripada Abi Hurairah, dia berkata, "Tiga perkara yang apabila dia keluar maka tidak akan bermanfaat (tidak akan dapat membantu) iman seseorang yang belum pernah beriman sebelumnya iaitu: Dajjal, binatang bumi dan terbitnya matahari dari tempat terbernamnya".

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Ketahuilah, adakah Isa adalah seorang lelaki yang telah sampai kepadanya kata-kataku? Akan tetapi, kelak dia akan meletakkan tangannya di atas kerusinya sambil berkata, "Petunjuk di antara kami dan kamu adalah kitabullah. Apa sahaja yang kami temui halal di dalamnya, maka kami akan menghalalkannya. Apa sahaja yang kami temui haram di dalamnya, maka kami akan mengharamkannya. Sesungguhnya apa yang diharamkan oleh Rasulullah s.a.w adalah seperti yang diharamkan oleh Allah S.W.T." (HR. At-Tirmizi dan Ad-Darimi)

BILAKAH KEMUSNAHAN DAJJAL DAN PENGIKUTNYA? ADAKAH DAJJAL KEKAL HIDUP DAN BERKUASA DI ATAS MUKA BUMI INI?

Semasa Dajjal memasuki seluruh penjuru dunia dengan berjalan cepat, iaitu untuk menyesatkan manusia dengan kesesatan yang dibawanya dan dia menyakiti mereka dengan fitnah jahatnya, sehingga mereka lari daripadanya ke gunung-ganang, sedangkan Al-Mahdi dan orang muslim yang bersamanya sudah terkepung di Damsyik (Syam), mereka sudah ditimpa kemarau, kesusahan dan kelaparan, maka tiba-tiba pintu keluar terbuka dan pertolongan Allah S.W.T datang kepada orang yang dikasihaniya serta para walinya, di mana tiba-tiba Isa bin Maryam dengan izin Allah S.W.T. turun dari langit ke bumi buat kedua kalinya (setelah

dahulunya diangkat ke langit). Dia turun ke tempat Al-Mahdi dan orang muslim yang bersama dengan dia di Al-Mannarah Al-Baidha' (menara putih) di Timur Damsyik (Damaskus). Ketika itu, iqamat untuk solat Subuh telah berkumandang. Maka Al-Mahdi mengimamkan orang muslim dan Isa bin Maryam. Apabila mereka selesai memberi salam (ketika sudah selesai solat), berkatalah Isa, "Keluarlah kamu semua bersama kami untuk menghadapi musuh Allah S.W.T iaitu Dajjal".

Lalu mereka pun keluar, kemudian Dia (Isa) dilihat oleh Dajjal si laknat yang baru sahaja mendakwa kepada manusia bahawa dia adalah raja yang mendapat petunjuk dan pemimpin yang cerdas dan bijaksana (hebat), bahkan dia mengaku sebagai Tuhan Yang Maha Tinggi. Apabila Isa dilihat oleh Dajjal, dia pun meleleh (musnah) seperti garam yang meleleh di dalam air. Kemudian dia melarikan diri, akan tetapi dia dihadang oleh Isa di pintu Kota Lud di Palestin. Sekiranya Isa membiarkan sahaja dengan sedemikian, maka dia akan musnah seperti garam dalam air, akan tetapi Isa berkata kepadanya, "Sesungguhnya aku berhak memukulmu dengan satu pukulan."

Lalu Isa melemparkan tombaknya dan membunuhnya, maka Isa a.s. memperlihatkan kepada mereka semua darahnya pada tombaknya. Maka di sini taulah dan sedarlah para pengikut Dajjal yang terdiri daripada orang Yahudi, bahawa dia bukanlah Allah S.W.T. Jika bukan demikian, maka dia tidak akan dapat dibunuh oleh Isa. Dengan demikian jelaslah kekalahan kaum Yahudi yang laknat, maka mereka pun melarikan diri lalu bersembunyi dari Isa, Al-Mahdi dan orang muslimin, akan tetapi apa sahaja yang dijadikan sebagai perlindungan oleh kaum Yahudi, maka ia dengan izin Allah S.W.T. dapat bercakap untuk menunjukkan tempat persembunyian orang Yahudi tersebut. Dengan izin Allah S.W.T terbunuhlah mereka semua dan bumi ini pun menjadi suci daripada mereka yang kotor dan najis yang sentiasa bermaharajalela dengan berbagai kerosakan di bumi.

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya tiga tahun sebelum Dajjal dikeluarkan, langit tidak akan menurunkan sepertiga hujannya pada tahun pertamanya dan bumi pun tidak akan menumbuhkan sepertiga tumbuhannya. Pada tahun keduanya, langit tidak akan menurunkan hujan dua pertiga hujannya dan bumi tidak akan menumbuhkan dua pertiga tumbuhannya. Adapun pada tahun ketiganya, langit tidak akan menurunkan seluruh tumbuhannya. Maka tidak ada binatang melata pun yang hidup di bumi ini melainkan akan mati semuanya." (H.R Qatadah)

Dalam riwayat lain ditambah, "Pada tahun ketiga, langit tidak akan menurunkan seluruh hujannya dan bumi tidak akan menumbuhkan seluruh tumbuhannya sehingga bumi ini akan seperti tembaga dan langit akan menjadi seperti kaca sehingga seorang demi seorang manusia akan mati kelaparan. Manusia akan menjadi saling berbunuhan sesama mereka dan bala bencana pun meliputi seluruh bumi ini. Semasa itulah Dajjal datang dari arah Ashbahan, sebuah negeri orang Yahudi, dengan menunggang keldai besar yang buntung ekornya, yang jarak antara kedua telinganya adalah empat puluh hasta. Dajjal itu berbadan kuat dan tinggi, rambutnya kerinting, mata kanannya buta, sedangkan matanya yang satu lagi bercampur dengan darah. Di antara kedua matanya tertulis "kafir" yang dapat dibaca dengan jelas bagi setiap orang mukmin; jika dia telah keluar, maka

dia akan menjerit sebanyak tiga kali yang jeritnya itu dapat didengar oleh seluruh makhluk."

Diriwayatkan juga bahawa jika telah akhir zaman, maka keluarlah seorang wanita yang cantik jelita dari laut yang akan mengajak manusia untuk melakukan perbuatan jahat dengan dirinya. Wanita itu akan berjalan menelusuri bumi ini dan sesiapa yang memenuhi keinginannya, maka kafirlah dia dengan Allah S.W.T. Pada masa itulah Dajjal akan keluar dan diantara tanda akan keluarnya adalah ditaklukinya negeri Constantinople.

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya tidak ada seorang Nabi pun melainkan dia akan memperingatkan mengenai Dajjal kepada kaumnya. Ketahuilah setelah Dajjal itu keluar, maka dia akan berkata kepada manusia, 'Bukankah aku ini tuhan kamu semua? Akulah yang menghidupkan dan mematikan.'" Dajjal itu akan ditemani oleh dua orang yang keduanya menyerupai Nabi. Aku tahu benar nama kedua orang itu dan nama ibu bapa keduanya. Orang yang pertama akan berdiri di sebelah kanannya sedangkan orang yang kedua di sebelah kirinya. Ketika Dajjal berkata kepada orang, "Bukankah aku ini tuhan kamu semua?" Maka berkatalah orang yang disebelah kanannya akan berkata, "Sesungguhnya kamu telah berdusta," sehingga setiap yang mendengarnya akan menjadi pihak kepada orang tersebut. Akan tetapi, orang kedua membantahnya dan mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Dajjal itu adalah benar, sehingga orang pun menjadi terpengaruh kerananya. Kemudian Dajjal pergi ke Madinah namun, tidak diizinkan oleh penduduknya untuk memasukinya sehingga dia beralih ke negeri Syam. Di sanalah dia akan dimusnahkan oleh Allah S.W.T." (H.R Abu Daud Ath-Thayalisi)

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Ciri-ciri Dajjal adalah berbadan lebar, berambut kerinting dan bermata rosak, di mana matanya itu melorot dan tidak cekung. Jika kamu semua berjumpa dengannya, maka ingatlah bahawa Allah S.W.T tidak buta sepertinya." (H.R Abu Daud)



Melalui beberapa hadis di atas, jelaslah bahawa Dajjal tersebut mempunyai fizikal yang cacat dan perangai yang amat tercela. Walaupun demikian, masih ada orang yang mempercayainya, bahkan bersedia menjadi pengikutnya. Kata-kata Rasulullah s.a.w. yang berikut "Sesungguhnya Dajjal itu bermata buta sebelah sedangkan Allah S.W.T tidak," menegaskan kepada kita bahawa orang yang mempunyai kekurangan pada zatnya dan tidak berkemampuan untuk membuang kekurangan dan kelemahannya itu. Sesiapa tidak berkemampuan untuk membuang kekurangannya, maka dia tidak akan mampu memberi manfaat kepada orang lain ataupun memberi mudarat. Oleh yang demikian, bagaimana dakwaan Dajjal - bahawa dirinya adalah tuhan - akan dapat diterima?

Sekarang yang menjadi masalah, menurut satu riwayat, yang cacat mata Dajjal itu adalah mata kanannya, sementara menurut riwayat yang lain adalah mata kirinya. Bagaimanakah yang sebenarnya? Abu Umar bin Abdul Barr berkata, "Hadis yang diriwayatkan oleh Samurah bin Jundub mengatakan bahawa yang cacat mata Dajjal itu adalah mata kirinya, sedangkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Malik adalah mata kirinya. Hanya Allah S.W.T yang lebih tahu mana yang benar, cuma yang diriwayatkan oleh Malik sanadnya lebih kuat".

Abu Umar bin Abdul Barr hanya mengatakan demikian, tidak lebih. Abu Al-Khattab bin Dihyah mengulas kata-kata ini dengan berkata, "Sebenarnya bukan sedemikian, akan tetapi kedua hadis tersebut sanadnya sama kuat." Sedangkan Ahmad bin Umar dalam bukunya yang berjudul Al-Mufhim berkata, "Sungguh sukar menggabungkan kedua riwayat yang bertentangan ini."

Walaupun demikian, Qadhi bin Iyadh cuba menggabungkannya dengan berkata, "Menurut pandanganku adalah tidak salah menggabungkan kedua riwayat yang bertentangan ini. Sebabnya, mata Dajjal kedua-duanya memang rosak; mata yang satu rosak kerana buta sejak awal sedangkan yang satu lagi rosak kemudian, sehingga tidak dapat melihat lagi." Kata-kata Qadhi bin Iyadh ini benar, kerana kecacatan yang terdapat pada kedua mata Dajjal itu tidak sama jenisnya, sebagaimana dinyatakan dalam beberapa riwayat yang lalu. Beberapa riwayat tersebut menyatakan bahawa salah satu mata Dajjal itu cacat pada zatnya (sudah sejak awal buta) sedangkan kecacatan mata yang satu lagi rosak kerana bercampur dengan darah. Ini adalah kecacatan yang amat besar apalagi ditambah dengan tebalnya kulit selaput mata yang boleh menutup seluruh bahagian matanya, sehingga tidak dapat lagi digunakan untuk melihat sesuatu.

Oleh kerana itu, kedua mata Dajjal tersebut mempunyai kerosakkan sehingga wajar jika terdapat dua kumpulan riwayat yang berlawanan mengenai mata mana yang rosak berkenaan dengan mata Dajjal; menurut riwayat yang satu, yang cacat itu adalah mata kanannya, sementara menurut riwayat yang lain adalah mata kirinya. Boleh jadi bahawa kedua-duanya sama-sama cacat, kerana hadis Huzaifah menyatakan, "Dengan demikian, tidak ada lagi yang perlu diperlu diperselisihkan berkenaan beberapa hadis tersebut. Ada juga yang mengatakan bahawa perkataan Zhafrah di dalam hadis tersebut maksudnya adalah daging yang tumbuh di dalam saluran selaput mata, seperti segumpal daging.

اونيور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Rujukan:

1. Kitab Riyadhus Shalihin Bab 370/muka surat 923/Syaikh Muhammad Bin Shalih Al-Utsaimin.
2. Kitab An-Nihayah fil Fitn wal Malahim/bencana & peperangan akhir zaman/muka surat 143/Ibnu Katsir.
3. Kitab Rahsia Kematian Alam Akhirat Dan Kiamat/Imam Al-Qurtubi/muka surat 1043-1055.
4. <https://www.facebook.com/drzulmuftiwp/posts/605301796276470:0>



GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

13. MAJLIS IFTAR BERSAMA TYT CANSELOR UTEm / 14 JUN 2017



14. QURAN HOUR / 19 JUN 2017



15. PEMBERIAN SUMBANGAN RAYA KEPADA STAF-STAF PUSAT ISLAM / 22 JUN 2017



16. JAMUAN HARI RAYA PENGARAH PUSAT ISLAM PADA / 14 JULAI 2017



17. MAHABBAH AIDIL FITRI / 17 JULAI 2017



18. KEMBARA PERSAUDARAAN ISLAM UTeM KEMBOJA / 31 OGOS - 5 SEPTEMBER 2017




19. BENGKEL FAIL MEJA DAN HARI KELUARGA PUSAT ISLAM / 29 SEPTEMBER - 1 OKTOBER 2017



20. SEMINAR PEMANTAPAN AKIDAH ANTARA 2 JALAN BENAR & SESAT / 4 OKTOBER 2017



21. TRAINING OF TRAINER K.P.I BADAR / 7 OKTOBER 2017



APAKAH NABI ISA MASIH HIDUP?

Oleh: Ustaz Mohamad Shazni Khir Bahari

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِيهِ لَفِي شَكٍّ مِنْهُ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا اتِّبَاعَ الظَّنِّ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًا (157) بَلْ رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا (158)

Maksudnya: "Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al Masih, 'Isa putra Maryam, Rasul Allah", padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan 'Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih paham tentang (pembunuhan) 'Isa, benar-benar dalam keragu-raguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah 'Isa. Tetapi (yang sebenarnya), Allah telah mengangkat 'Isa kepada-Nya. Dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. "

(Surah An Nisa': 157-158)

Allah Ta'ala juga berfirman di dalam surah Ali Imran ayat 55 yang bermaksud: "(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu dengan sempurna, dan akan mengangkatmu ke sisiKu, dan akan membersihkanmu dari orang-orang kafir, dan juga akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang kafir (yang tidak beriman kepadamu), hingga ke hari kiamat. Kemudian kepada Akulah tempat kembalinya kamu, lalu Aku menghukum (memberi keputusan) tentang apa yang kamu perselisihkan". (Surah Ali Imran: 55)

Dalam ayat di atas diceritakan oleh Allah bahawa Nabi 'Isa tidaklah dibunuh oleh orang-orang Yahudi. Orang Yahudi mendakwa telah membunuhnya dan hal ini pun dibenarkan oleh orang Nasrani. Namun yang sebenarnya dibunuh adalah orang yang diserupakan dengannya. Sedangkan Isa sendiri diangkat oleh Allah ke langit.

Syaikh As Sa'di ketika menjelaskan surah Ali Imran ayat 55, beliau mengatakan, "Allah mengangkat hamba dan Rasul-Nya iaitu 'Isa 'alaih salam kepada-Nya. Kemudian Allah menyerupakan 'Isa dengan yang lainnya. Kemudian orang yang diserupakan dengan Nabi 'Isa ditangkap, dibunuh dan disalib. Mereka pun terjerumus dalam dosa kerana niat mereka adalah membunuh utusan Allah."

Nabi 'Isa belumlah mati sebagaimana hal ini dikuatkan lagi dengan ayat-ayat dan hadis yang menceritakan bahawa beliau akan turun di akhir zaman. Ringkasnya, 'Isa bin Maryam belum mati. Namun beliau diangkat ke langit dan akan turun di akhir zaman sebagai tanda datangnya kiamat kubro (kiamat besar).

SIAPAKAH YANG DISERUPAKAN DENGAN NABI ISA?

Yang sebenarnya diserupakan dengan Nabi 'Isa adalah murid beliau yang masih berusia muda dan setia padanya.

Bukti dari hal ini adalah sebuah cerita yang dibawakan oleh Ibnu 'Abbas radhiyallahu 'anhuma. Beliau mengatakan :

"Ketika Allah ingin mengangkat Isa 'alaih salam ke langit, beliau pun keluar menuju para sahabatnya dan ketika itu dalam rumah terdapat 12 orang sahabat al-Hawariyyun. Beliau keluar menuju mereka dan kepala beliau terus menitiskan air. Lalu 'Isa mengatakan, "Sesungguhnya di antara kalian ada yang mengkufuriku sebanyak 12 kali setelah ia beriman padaku." Kemudian Isa berkata lagi, "Ada di antara kalian yang akan diserupakan denganku. Ia akan dibunuh kerana kedudukanku. Dia pun akan menjadi teman dekatku." Kemudian di antara para sahabat beliau tadi yang masih muda berdiri, lantas 'Isa mengatakan, "Duduklah engkau." Kemudian 'Isa kembali lagi pada mereka, pemuda tadi pun berdiri kembali. 'Isa pun mengatakan, "Duduklah engkau." Kemudian 'Isa datang lagi ketiga kalinya dan pemuda tadi masih tetap berdiri dan ia mengatakan, "Aku, wahai 'Isa." "Betulkah engkau yang ingin diserupakan denganku?" ujar Nabi 'Isa. Kemudian pemuda tadi diserupakan dengan Nabi 'Isa. 'Isa pun diangkat melalui lubang tembok di rumah tersebut menuju langit. Kemudian datanglah rombongan orang Yahudi. Kemudian mereka membawa pemuda yang diserupakan dengan Nabi Isa tadi. Mereka membunuhnya dan mensalibnya. Melihat kejaiban yang berlaku kepada Nabi 'Isa golongan Al - Hawariyyun ini terpecah menjadi tiga golongan.

1. Kelompok pertama mengatakan, "Allah berada di tengah-tengah kita sesuai kehendak-Nya kemudian Dia naik ke langit." Mereka inilah Ya'qubiyah.
2. Kelompok kedua mengatakan, "Di tengah-tengah kita ada anak Allah sesuai kehendak-Nya kemudian ia naik ke langit." Mereka inilah Nasthuriyah.
3. Kelompok ketiga mengatakan, "Di tengah-tengah kita ada hamba Allah dan Rasul-Nya sesuai kehendak-Nya kemudian ia naik ke langit." Merekalah kaum Muslimin.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim (4/1110), An Nasa-i dalam tafsirnya (611), dan Ath Thobari (34066). Syaikh Musthofa Al 'Adawi dalam Shahih Tafsir Ibn Katsir (1/559) mengatakan bahawa sanad riwayat ini hasan.

Dari riwayat ini ada beberapa perkara yang dapat kita simpulkan :

1. Setelah 'Isa diangkat ke langit, ada sebahagian murid 'Isa (Al Hawariyyun) yang beriman dan sebahagian lainnya kufur pada beliau.
2. Nabi 'Isa tidak mati dan tidak disalib, namun beliau diangkat ke langit. Yang mati dan disalib adalah orang yang diserupakan dengan beliau.
3. Yang dibunuh dan disalib adalah orang yang diserupakan dengan Nabi 'Isa, iaitu murid beliau yang setia pada beliau dan bukan murid 'Isa yang pengkhianat. Namun yang tersebar di tengah-tengah kaum muslimin bahawa yang diserupakan dengan 'Isa adalah muridnya yang pengkhianat. Kami tidak mengetahui manakah dalil yang menunjukkan hal ini. Riwayat di atas jelas-jelas berkata lain.
4. Murid-murid 'Isa terpecah menjadi tiga golongan. Satu golongan beriman iaitu meyakini bahawa 'Isa adalah hamba dan utusan Allah. Sedangkan dua golongan lain kufur. Sebahagian meyakini bahawa 'Isa adalah Allah. Dan sebahagian lainnya meyakini bahawa 'Isa adalah anak Allah. Yang menang ketika itu adalah dua golongan yang kafir sedangkan golongan yang beriman musnah sampai diutusnya Nabi Muhammad s.a.w.

TURUNNYA NABI ISA DI AKHIR ZAMAN

Firman Allah Ta'ala,

وَأَنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

"Tidak ada seorangpun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya ('Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari kiamat nanti 'Isa itu akan menjadi saksi terhadap mereka."

(Surah An Nisa': 159)

HADIS TURUNNYA 'ISA BIN MARYAM

((وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَيُوشِكَنَّ أَنْ يَنْزَلَ فِيكُمْ ابْنُ مَرْيَمَ حَكْمًا عَدْلًا ، فَيَكْسِرَ الصَّلِيبَ ، وَيَقْتُلَ الْخَنزِيرَ ، وَيَضَعُ الْجُزْيَةَ ، وَيَقْبِضَ الْمَالَ حَتَّى لَا يَقْبَلَهُ أَحَدٌ ، حَتَّى تَكُونَ السَّجْدَةُ الْوَاحِدَةَ خَيْرًا مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا . ثُمَّ يَقُولُ أَبُو هُرَيْرَةَ وَأَقْرَأُوا إِنَّ شِئْتُمْ (وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا))

Maksudnya: "Demi jiwaku yang berada di tangan-Nya. Sebentar lagi 'Isa bin Maryam akan turun di tengah-tengah kalian sebagai hakim yang adil. Beliau akan menghancurkan salib, membunuh babi, menghapus jizyah (cukai), harta semakin banyak dan semakin berkat sampai seseorang tidak ada yang menerima harta itu lagi (sebagai sedekah), dan sujud seseorang lebih disukai daripada dunia dan seisinya." Abu Hurairah lalu mengatakan, "Bacalah jika kalian suka:

وَأَنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ
وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

Maksudnya: "Tidak ada seorangpun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya ('Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari kiamat nanti 'Isa itu akan menjadi saksi terhadap mereka." (Surah An Nisa': 159)"

(H.R Bukhari no. 3448 dan Muslim no. 155)

CIRI-CIRI NABI 'ISA 'ALAIHIS SALAM

Ciri-ciri 'Isa bin Maryam telah disebutkan oleh Nabi s.a.w dalam hadits-hadits berikut ini.

1. Dari Ibnu 'Abbas radhiyallahu 'anhuma, ia berkata, Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda,

رَأَيْتُ عِيسَى وَمُوسَى وَإِبْرَاهِيمَ ، فَأَمَّا عِيسَى فَأَحْمَرُ جَعْدًا عَرِيضُ الصَّدْرِ ، وَأَمَّا مُوسَى فَأَدَمُ جَسِيمٌ سَبَطٌ كَأَنَّهُ مِنْ رِجَالِ الزُّطِّ

Maksudnya: "(Saat aku diisra'kan), aku melihat 'Isa dan Musa serta Ibrahim 'alaihis salam. Adapun 'Isa, dia adalah lelaki-lelaki yang kulitnya kemerahan, tegap dan dadanya bidang sedangkan Musa adalah orang yang kurus (tinggi) seperti kebanyakan lelaki-lelaki dari Sudan (Afrika)". (H.R. Bukhari no. 3438)

2. Dari Abu Hurairah, ia berkata, Nabi s.a.w bersabda,

لَيْسَ بِنَبِيٍّ وَبَيْنَهُ نَبِيٌّ - يَعْنِي عِيسَى - وَإِنَّهُ نَازِلٌ فِإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَعْرِفُوهُ رَجُلٌ مَرْبُوعٌ إِلَى الْحُمْرَةِ وَالْبَيَاضِ بَيْنَ مُمْصَرَّتَيْنِ كَأَنَّ رَأْسَهُ يَقْطُرُ وَإِنْ لَمْ يُصْبَهُ بَلَلٌ فَيَقَاتِلِ النَّاسَ عَلَى الْإِسْلَامِ فَيَدُقُّ الصَّلِيبَ وَيَقْتُلُ الْخَنزِيرَ وَيَضَعُ الْجُزْيَةَ وَيُهْلِكُ اللَّهُ فِي زَمَانِهِ الْمَمْلَكَ كُلَّهَا إِلَّا الْإِسْلَامَ وَيُهْلِكُ الْمَسِيحَ الدَّجَالَ فَيَمُوتُ فِي الْأَرْضِ أَرْبَعِينَ سَنَةً ثُمَّ يَتَوَفَّى فَيُصَلَّى عَلَيْهِ الْمُسْلِمُونَ

Maksudnya: "Tidak ada nabi (yang hidup) antara masaku dan 'Isa. Sungguh, kelak ia akan turun, jika kalian melihatnya maka kenalilah. Dia adalah seorang laki-laki yang sedang (tidak tinggi dan tidak terlalu pendek), berkulit merah keputih-putihan, beliau memakai di antara dua kain berwarna sedikit kuning.

Seakan rambut kepala beliau menetes meski tidak basah. Beliau akan memerangi manusia hingga mereka masuk ke dalam Islam, beliau akan menghancurkan salib, membunuh babi dan menghapus jizyah (cukai). Pada masa beliau, Allah akan membinasakan semua agama selain Islam, 'Isa akan membunuh Dajjal, dan beliau akan tinggal di muka bumi selama empat puluh tahun. Setelah itu ia meninggal dan kaum muslimin mensolatnya."
(H.R. Abu Daud no. 4324 dan Ahmad 2/437)

BILAKAH NABI 'ISA TURUN KE MUKA BUMI?

Nabi Isa turun di saat kaum muslimin akan memerangi Dajjal di saat solat Subuh. Dari Abu Umamah Al Bahili, Rasulullah s.a.w bersabda :

وَأَمَامَهُمْ رَجُلٌ صَالِحٌ فَبَيْنَمَا إِمَامُهُمْ قَدْ تَقَدَّمَ يُصَلِّي بِهِمُ الصُّبْحَ إِذْ نَزَلَ عَلَيْهِمْ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ الصُّبْحَ فَرَجَعَ ذَلِكَ
 الْإِمَامُ يَنْكُصُ بِمَشْيِ الْفَهْقَرَى لِيَتَقَدَّمَ عِيسَى يُصَلِّي بِالنَّاسِ فَيَضَعُ عِيسَى يَدَهُ بَيْنَ كَتِفَيْهِ ثُمَّ يَقُولُ لَهُ تَقَدَّمَ فَصَلِّ
 فَإِنَّهَا لَكَ أُفِيْمَتْ. فَيُصَلِّي بِهِمْ إِمَامُهُمْ فَإِذَا انْصَرَفَ قَالَ عِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ افْتَحُوا الْبَابَ.

Maksudnya: "Imam mereka adalah seorang laki-laki yang soleh. Ketika pemimpin mereka hendak maju ke depan untuk mengimami dalam solat Subuh, tiba-tiba turunlah 'Isa bin Maryam, maka mundurlah imam mereka ke belakang supaya 'Isa maju untuk mengimami solat. 'Isa lalu meletakkan tangannya di antara dua bahunya (pemimpin mereka) sambil berkata, 'Majulah engkau dan pimpinlah solat, kerana sesungguhnya ia ditegakkan untuk kalian.' Akhirnya pemimpin mereka pun mengimami mereka solat, dan ketika solat telah usai, 'Isa berkata, 'Bukalah pintu.'" **(H.R. Ibnu Majah no. 4067.)**

TEMPAT TURUNNYA NABI 'ISA 'ALAIHIS SALAM

Dari An Nawwas bin Sam'an berkata, "Pada suatu pagi, Rasulullah s.a.w menyebut Dajjal, beliau menegaskan hingga kami menyangka berada di sekelompok pohon kurma.

فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ بَعَثَ اللَّهُ الْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ فَيَنْزِلُ عِنْدَ الْمَنَارَةِ الْبَيْضَاءِ شَرْقِيَّ دِمَشْقَ بَيْنَ مَهْرُودَتَيْنِ وَاضِعًا
 كَفَّيْهِ عَلَى أَجْنِحَةِ مَلَكَئِنِ إِذَا طَاطَأَ رَأْسَهُ قَطَرَ وَإِذَا رَفَعَهُ تَحَدَّرَ مِنْهُ جُمَانٌ كَاللُّؤْلُؤِ فَلَا يَجِلُّ لِكَافِرٍ يَجِدُ رِيحَ نَفْسِهِ إِلَّا
 مَاتَ وَنَفْسُهُ يَنْتَهِي حَيْثُ يَنْتَهِي طَرْفُهُ فَيَطْلُبُهُ حَتَّى يُدْرِكَهُ بِبَابٍ لُدٍّ فَيَقْتُلُهُ ثُمَّ يَأْتِي عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ قَوْمٌ قَدْ
 عَصَمَهُمُ اللَّهُ مِنْهُ فَيَمْسَحُ عَنْ وُجُوهِهِمْ وَيُحَدِّثُهُمْ بِدَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya: "Saat Dajjal seperti itu, tiba-tiba 'Isa putera Maryam turun di sebelah timur Damaskus di menara putih dengan berpakaian dua baju (yang dicelup wars dan za'faran) seraya meletakkan kedua tangannya di atas sayap dua malaikat, bila ia menundukkan kepala, air pun menitis. Bila ia mengangkat kepala, air pun bercucuran seperti mutiara. Tidaklah orang kafir mencium bau dirinya melainkan ia akan mati. Sungguh bau nafasnya sejauh mata memandang. Isa mencari Dajjal hingga menemuinya di pintu Ludd lalu membunuhnya. Setelah itu Isa bin Maryam mendatangi suatu kaum yang dijaga oleh Allah dari Dajjal. Ia mengusap wajah-wajah mereka dan menceritakan tingkat-tingkat mereka di syurga" **(H.R Muslim no. 2937)**

Yang dimaksud menara putih sebagaimana diterangkan oleh Ibnu Katsir rahimahullah. Beliau berkata, "Aku telah melihat di beberapa kitab bahawa sebenarnya turun Isa bin Maryam adalah di menara putih yang terletak di sebelah timur Jaami' Damaskus. Inilah riwayat yang benar dan lebih kuat.

MISI LAIN ISA BIN MARYAM MEMUSNAHKAN YA'JUJ DAN MA'JUJ

Sebagaimana nanti dijelaskan tersendiri bahawa di antara misi Nabi Isa 'alaih salam ketika turun di muka bumi adalah memusnahkan Ya'juj dan Ma'juj. Beliau bersama sahabatnya akan memusnahkan Ya'juj dan Ma'juj, kaum yang jumlahnya amat banyak dan terkenal amat rakus. Disebutkan dalam hadis Nawwas bin Sam'an yang amat panjang, Rasulullah s.a.w bersabda,

وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ فَيَمُرُّ أَوَائِلَهُمْ عَلَى بُحَيْرَةِ طَبْرِيَّةَ فَيَشْرَبُونَ مَا فِيهَا وَيَمُرُّ آخِرُهُمْ فَيَقُولُونَ لَقَدْ كَانَ بَهْدِهِ مَرَّةً مَاءً. وَيُخَصَّرُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ حَتَّى يَكُونَ رَأْسُ الثَّوْرِ لِأَحَدِهِمْ خَيْرًا مِنْ مِائَةِ دِينَارٍ لِأَحَدِكُمْ الْيَوْمَ فَيَرْغَبُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ فَيُرْسِلُ اللَّهُ عَلَيْهِمُ النَّعْفَ فِي رِقَابِهِمْ فَيُضْبِحُونَ فَرَسَى كَمَوْتِ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ يَهْبِطُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ إِلَى الْأَرْضِ فَلَا يَجِدُونَ فِي الْأَرْضِ مَوْضِعَ شِبْرٍ إِلَّا مَلَأَهُ زَهْمُهُمْ وَنَتْنُهُمْ فَيَرْغَبُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ إِلَى اللَّهِ فَيُرْسِلُ اللَّهُ طَيْرًا كَأَعْنَاقِ الْبُنْحِ فَتَحْمِلُهُمْ فَتَطْرُقُهُمْ حَيْثُ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ مَطَرًا لَا يَكُنُّ مِنْهُ بَيْتٌ مَدْرٍ وَلَا وَبَرٍ فَيَغْسِلُ الْأَرْضَ حَتَّى يَشْرَكَّهَا كَالزَّلْفَةِ ثُمَّ يُقَالُ لِلْأَرْضِ أَنْتِ تَمَرْتِكِ وَرُدِّي بَرَكَتِكِ.

فَيَوْمَئِذٍ تَأْكُلُ الْعِصَابَةُ مِنَ الرُّمَانَةِ وَيَسْتَظِلُّونَ بِقِحْفِهَا وَيُبَارِكُ فِي الرُّسْلِ حَتَّى أَنْ اللَّفْحَةَ مِنَ الْإِبِلِ لَتَكْفِي الْفِقَامَ مِنَ النَّاسِ وَاللَّفْحَةَ مِنَ الْبَقَرِ لَتَكْفِي الْقَبِيلَةَ مِنَ النَّاسِ وَاللَّفْحَةَ مِنَ الْعَنَمِ لَتَكْفِي الْفَحْدَ مِنَ النَّاسِ فَبَيْنَمَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ بَعَثَ اللَّهُ رِيحًا طَيِّبَةً فَتَأْخُذُهُمْ تَحْتَ آبَاتِهِمْ فَتَقْبِضُ رُوحَ كُلِّ مُؤْمِنٍ وَكُلِّ مُسْلِمٍ وَيَبْقَى شِرَارُ النَّاسِ يَتَهَارَجُونَ فِيهَا تَهَارِجِ الْحُمُرِ فَعَلَيْهِمْ تَقْوَمُ السَّاعَةُ.»

"Allah mengirim Ya'juj dan Ma'juj, 'Dari segala penjuru mereka datang dengan cepat.' (Al Anbiya': 96) Lalu yang terdepan melintasi danau Thabari dan minum kemudian yang belakang melintasi, mereka berkata: 'Tadi disini ada airnya.' Nabi Allah Isa dan para sahabatnya dikepung hingga kepala kerbau milik salah seorang dari mereka lebih baik dari seratus dinar milik salah seorang dari kalian saat ini, lalu nabi Allah 'Isa dan para sahabatnya menginginkan Allah mengiriskan cacing di leher mereka lalu mereka mati seperti matinya satu jiwa, lalu 'Isa dan para sahabatnya datang, tidak ada satu sejengkal tempat pun melainkan telah dipenuhi oleh bangkai dan bau busuk darah mereka. Lalu 'Isa dan para sahabatnya berdoa kepada Allah lalu Allah mengirim burung seperti leher unta. Burung itu membawa mereka dan melemparkan mereka seperti yang dikehendaki

Allah, lalu Allah mengirim hujan kepada mereka, tidak ada rumah dari bulu atau rumah dari tanah yang menghalangi turunnya hujan, hujan itu membasahi bumi dan meninggalkan genangan di mana-mana. Allah memberkati kesuburannya hingga sekelompok manusia cukup dengan unta perahan, satu kabilah cukup dengan lembu perahan dan beberapa kerabat mencukupkan diri dengan kambing perahan. Saat mereka seperti itu, tiba-tiba Allah mengirim angin sepoi-sepoi lalu mencabut nyawa setiap orang mu'min dan Muslim di bawah ketiak mereka, dan orang-orang yang tersisa adalah manusia-manusia buruk, mereka melakukan hubungan badan secara terang-terangan seperti keldai kahwin. Maka atas mereka itulah kiamat terjadi." (H.R Muslim no. 2937)

LIMA HIKMAH TURUNNYA NABI 'ISA DI AKHIR ZAMAN

1. Sebagai bantahan bagi Yahudi yang mendakwa bahawa mereka telah membunuh 'Isa bin Maryam. Sungguh Allah akan mengungkap kedustaan mereka. 'Isa nantinya yang akan membunuh mereka dan membunuh pemimpin mereka, iaitu Dajjal.
2. 'Isa bin Maryam telah menemukan dalam Injil mengenai keutamaan umat Muhammad s.a.w sebagaimana disebutkan dalam firman Allah,

وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ

"Dan sifat-sifat mereka (para sahabat Nabi s.a.w) dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya" (Surah Al Fath: 29).

Dari sini, Nabi Isa memohon kepada Allah agar menjadi sebahagian dari mereka (para sahabat). Allah pun mengabulkan doanya. Allah membiarkan beliau hidup hingga akhir zaman. Beliau pun akan menjadi pengikut Muhammad s.a.w. Ketika Dajjal muncul, beliau pun yang menumpasnya.

3. Turunnya 'Isa dari langit semakin dekat dengan ajal beliau. Beliau pun akan dimakamkan di muka bumi. Oleh kerana itu, ini menunjukkan bahawa tidak ada makhluk yang terbuat dari tanah yang mati di tempat lain selain bumi.
4. Turunnya Nabi 'Isa juga adalah untuk menyanggah orang Nasrani. Sungguh Allah akan membinasakan semua agama di masa 'Isa turun kecuali satu agama saja yang tersisa iaitu Islam. 'Isa pun akan menghancurkan salib-salib, membunuh babi dan menghapuskan jizyah.
5. Nabi s.a.w pernah bersabda,

أَنَا أَوْلَى النَّاسِ بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، وَالْأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ لِعَلَّاتٍ ، أُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى ، وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ

"Aku orang yang paling dekat dengan 'Isa bin Maryam' alaihis salam di dunia dan akhirat, dan para Nabi adalah bersaudara (dari keturunan) satu ayah dengan ibu yang berbeza, sedangkan agama mereka satu"

(H.R Bukhari no. 3443 dan Muslim no. 2365, dari Abu Hurairah).

Rasulullah s.a.w adalah yang paling istimewa dan yang paling dekat dengan beliau. 'Isa bin Maryam sendiri telah memberi khabar gembira bahawa Rasulullah s.a.w akan datang setelah beliau. Beliau pun mengajak umatnya untuk membenarkan dan beriman terhadap hal itu. Sebagaimana Allah Ta'ala berfirman:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ

"Dan (ingatlah) ketika Isa ibnu Maryam berkata: "Hai Bani Israil, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab sebelumku, iaitu Taurat, dan memberi khabar gembira dengan (datangnya) seorang Rasul yang akan datang sesudahku, yang namanya Ahmad (Muhammad)."

(Surah Ash Shaff: 6)



BERTAUBATLAH!

SEBELUM PINTU TAUBAT TERTUTUP

Oleh: Ustaz Aswanzie Abbyd Zainal Abidin

Manusia biasa seperti kita, takkan terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa. Kesilapan yang dilakukan mungkin tidak berdosa, tetapi dosa itu pasti adalah satu kesilapan. Betapa banyaknya dosa-dosa yang manusia lakukan, sehingga tak terjangkau banyaknya. Firman Allah S.W.T di dalam hadith Qudsi:

يقول الله - عز وجل -: من جاء بالحسنة فله عشر أمثالها أو أزيد، ومن جاء بالسيئة فجزاء سيئة سيئة مثلها أو أغفر، ومن تقرب مني شبراً تقربت منه ذراعاً، ومن تقرب مني ذراعاً تقربت منه باعاً، ومن أتاني يمشي أتيته هرولة، ومن لقيني بقراب الأرض خطيئة لا يشرك بي شيئاً لقيته بمثلها مغفرة، رواه مسلم

Ertinya: "Rasulullah s.a.w bersabda, Allah S.W.T berfirman: "Sesiapa yang melakukan kebaikan, maka baginya 10 kali ganjaran yang serupa, dan Aku menambahnya lagi - Dalam Riwayat lain di sisinya (Muslim)... atau aku menambahnya lagi. Sesiapa yang melakukan kejahatan, maka balasannya adalah kejahatan yang serupa dengannya atau Aku mengampuninya. Sesiapa yang mendekati diri kepadaKu sebanyak sejengkal, maka aku mendekati kepadanya sebanyak sehasta, Sesiapa yang mendekati dirinya kepadaku sebanyak sehasta, maka Aku mendekati dirinya sebanyak sedepa. Sesiapa yang datang kepadaKu dalam keadaan berjalan, maka aku datang kepadanya dalam keadaan berjalan cepat. **Sesiapa yang bertemuKu dengan kejahatan sepenuh Bumi tanpa mensyirikkanku dengan sesuatu, maka Aku bertemuinya dengan keampunan sebanyak jumlah yang sama" (H.R Muslim)**

Lihatlah bagaimana Allah Yang Maha Pengampun begitu pemurah memberi keampunan walaupun dosa-dosa yang kita lakukan itu sebanyak bumi dan isinya. Oleh itu, artikel pada kali ini akan menyentuh tentang taubat.

Saudaraku yang dikasihi, Taubat atau dalam Bahasa Arabnya juga تَوْبَةٌ (taubah) berasal dari perkataan تَوَبَّ (tawaba) yang dari segi bahasa bermaksud kembali. Seseorang itu dikatakan تَابَّ (taaba - telah bertaubat) sekiranya dia telah kembali dari melakukan dosa atau telah meninggalkan dosa itu.

Adapun dari sudut istilah, apabila dikatakan seseorang itu telah bertaubat maksudnya dia telah kembali dari melakukan maksiat atau dosa terhadap Allah untuk dia mentaati Allah. Jadi jelas kaitan di antara maksud taubat menurut bahasa dan juga istilah syaraknya.

Kenapa kita perlu bertaubat? Sebagai hamba Allah S.W.T, kita telah diperintahkan untuk melakukan taubat segera, agar kita sentiasa ingat bahawa Allah S.W.T mengetahui apa yang kita lakukan. Adapun tentang bagaimana perintah Syarak kepada kita sebagai manusia untuk bertaubat, hal ini memang jelas dan banyak disebutkan dalam nas-nas Al-Quran dan juga Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman semoga kamu berjaya." (Surah Al-Nur: 31)

Dalam Surah Al-Zumar ayat ke-53 Allah S.W.T berfirman:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوفُ الرَّحِيمُ

"Katakanlah wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas ke atas diri mereka; janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa-dosa. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani." (Surah Al-Zumar: 53)

Dalam ayat ini Allah memberi peringatan kepada hamba-hambaNya yang melampaui batas ke atas diri mereka; melampaui batas iaitu dengan melakukan dosa-dosa dan maksiat. Juga firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat ke-135:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ دَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ اللَّهُ إِلَّا اللَّهُ وَمَن يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ

"Dan mereka (orang-orang beriman) apabila melakukan perbuatan keji atau menzalimi diri mereka sendiri, mereka segera ingat akan Allah lalu meminta keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampunkan dosa selain Allah? Dan mereka tidak terus menerus dalam perbuatan dosanya itu, sedang mereka mengetahui (kesalahan dan akibat dari dosa itu)."

(Surah Ali Imran: 135)

Jika dalam ayat sebelum ini Allah memilih perkataan mereka yang 'melampaui batas', dalam ayat ini pula Allah mengatakan mereka yang telah 'menzalimi diri mereka'. Mungkin kita tidak perasan; apakah maksud orang yang menzalimi diri mereka? Orang yang menzalimi diri mereka adalah orang yang melakukan dosa dan maksiat. Bagaimana dia menzalimi dirinya?

Dia menzalimi diri sendiri kadangkala tanpa kita sangka. Barangkali ketika melakukan perbuatan maksiat itu dia bersuka ria dan berseronok dengannya. Tetapi realitinya dia menzalimi diri sendiri kerana perbuatan itu menambahkan dosanya dan paling tidaknya di Akhirat nanti dia mendapat balasan buruk iaitu Api Neraka. Perbuatannya akhirnya membawa mudarat dan binasa kepada dirinya. Itu yang dimaksudkan menzalimi diri.

Tiga ayat ini sudah memadai di mana faedah yang dapat diambil dari ketiga-tiga ayat ini cukup banyak. Antara faedah yang dapat kita sebutkan;

1. Kewajipan taubat. Seperti mana firman Allah, **وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا** (dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah). Sepertimana sedia maklum, para Ulama menjelaskan bahawa sekiranya ada perintah dari Syarak sama ada dari Al-Quran atau Hadis, bererti hukumnya adalah wajib. Jadi apabila Allah mengatakan bertaubatlah kamu sekalian, itu merupakan satu perintah dan perintah membawa makna wajib. Maka hukum bertaubat adalah wajib.

2. Taubat menjadi kunci kejayaan. Seperti mana Allah berfirman **لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ** (semoga kamu berjaya). Jadi sesiapa yang ingin tahu apa kunci kejayaan untuk hidupnya di dunia apatah lagi di Akhirat, jawapannya antara lain adalah dengan bertaubat.

3. Jangan berputus harapan dari rahmat Allah walau sebanyak dan sebesar mana pun dosa yang pernah dilakukan. Walau apapun maksiat yang kita lakukan, dari sekecil-kecilnya hinggalah sebesar-besarnya, baik perkara-perkara maksiat, bidaah, khurafat yang mungkin selama ini kita amalkan dan kita percaya, jangan berputus harapan bahawa pintu taubat terus terbuka.

Bahkan walaupun perkara-perkara kufur atau syirik sekalipun, misalnya orang kafir yang menyembah selain Allah, mensyirikkan Allah, tentu sahaja dia juga boleh bertaubat. Ini kerana Allah berfirman, **إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا** (Sesungguhnya Allah mengampunkan kesemua jenis dosa-dosa). Tidak ada dosa yang dikecualikan dari pengampunan Allah. Jadi janganlah berputus harapan dari mendapat keampunan daripada Allah S.W.T.

4. Sifat orang beriman adalah sentiasa mengawasi dirinya, memerhatikan tindak tanduknya, atau secara ringkasnya sentiasa bermuhasabah. Firman Allah, maksudnya: "Dan mereka yang apabila melakukan perbuatan keji atau menzalimi diri mereka, mereka ingat kepada Allah." Ingat kepada Allah maknanya sentiasa muhasabah.

Dia tidak sibuk tentang orang lain, dia lebih pentingkan dirinya kerana dia bertanggungjawab ke atas dirinya dulu sebelum orang lain. Dia sentiasa muhasabah kerana dia mengetahui, yakin dan percaya bahawa sehebat mana pun dirinya pasti dia ada kesalahan dan kesilapan seperti mana disebut dalam hadith Nabi s.a.w:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

"Setiap anak Adam melakukan kesalahan dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan adalah orang-orang yang bertaubat." (H.R Ahmad)

Ini adalah sifat orang yang beriman kerana orang yang sesat lagi menyimpang sifatnya terbalik sama sekali. Kita perhatikan apa sifat orang menyimpang, semoga kita tidak tergolong dalam orang yang mempunyai sifat ini. Firman Allah dalam Surah Al-Kahf ayat ke-103 hingga 104:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا

"Mahukah kalian kami ceritakan tentang mereka yang telah rugi di dalam amal perbuatan mereka? Iaitu mereka yang telah sesat lagi menyimpang dalam usaha mereka semasa hidup mereka di dunia sedang mereka menyangka apa yang mereka lakukan itu adalah baik." (Surah Al-Kahfi: 103-104)

Ini sifat orang-orang sesat. Adakah orang sesat lagi menyimpang mengaku bahawa mereka sesat? Bahkan terbalik, semua orang yang sesat lagi menyimpang mengatakan bahawa apa yang mereka buat adalah betul. Bahkan mereka mengatakan apa yang mereka buat itu baik. Ini biasa kita dengar.

Sedangkan realitinya ia tidak baik kerana ia menyalahi Syariat Allah S.W.T. Ini adalah sifat orang yang tidak sedar diri, tidak sedar akan kesalahan dan dosa yang mereka lakukan. Kalau tidak sedar, adakah harapan untuk dia bertaubat? Jauh sekali kerana dia merasakan apa yang dia buat itu betul. Inilah yang dapat kita lihat pada pelaku bidaah secara khasnya. Mereka menyangka apa yang mereka lakukan adalah baik-baik belaka.

5. Orang yang beriman antara sifatnya apabila melakukan salah silap, dia akan cepat ingat kepada Allah dan bertaubat kepada Allah. Ini kerana orang yang beriman mengetahui bahawa salah silap yang dilakukan itu perlu kepada taubat dan taubat yang dilakukan itu tidak lain dan tidak bukan hanya kepada Allah SWT. Dia hanya bertaubat kepada Allah dan sama sekali dia tidak akan kembali kepada selain Allah.

Dia tidak akan meminta keampunan daripada mana-mana Syaikh atau wali, dia tidak akan meminta keampunan daripada mana-mana orang yang telah mati, nenek moyang atau sesiapa. Dia tidak akan mendatangi mana-mana perkuburan untuk meminta keampunan. Dia berserah sepenuhnya kepada

Allah SWT untuk mengampuni, merahmati dan membebaskannya daripada azab api neraka.

TAUBAT SEBELUM MATAHARI TERBIT DARI BARAT

Diriwayatkan dari Abu Musa r.a. dari Nabi s.a.w, beliau bersabda, "Sesungguhnya, Allah 'Azza wa Jalla membuka tangan-Nya pada malam hari agar orang yang berdosa pada siang harinya bertaubat. Dan Allah membuka tangan-Nya pada siang hari agar orang yang berdosa pada malam harinya dapat bertaubat, sebelum matahari terbit dari arah barat." (H.R. Muslim)

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Rasulullah s.a.w bersabda, "Barang siapa bertaubat sebelum matahari terbit dari arah barat, Allah menerima taubatnya." (H.R Muslim)

MALAM SEBELUM MATAHARI TERBIT DARI BARAT

Hudzaifah pernah bertanya kepada Rasulullah, "Apa tanda matahari terbit dari Barat?" Rasulullah menjawab, "Malam menjadi panjang hingga sepanjang dua malam." (HR. Ibnu Mardawih)

Abdullah bin Umar menuturkan bahawa Rasulullah bersabda, "Malam itu menjadi panjang hingga sepanjang dua atau tiga malam. Orang takut kepada Rabbnya bangun, solat, dan bekerja sebagaimana biasanya dan tidak menyedari bahawa bintang telah berada pada tempatnya. Kemudian mereka tidur lalu bangun dan menunaikan solat dan malam seakan tidak berakhir. Mereka tidur kembali sampai mereka bangun dan malam masih tetap gelap. Malam terasa panjang bagi mereka. Ketika mereka menyedari mereka takut jang-jangan peristiwa besar akan segera terjadi. Manusia cemas dan berkumpul sambil berkata, "Apa yang terjadi?" Lalu mereka berkumpul di masjid. Ketika pagi hari matahari pun tak kunjung terbit. Saat mereka menunggu-nunggu matahari terbit dari timur, ternyata matahari terbit dari barat. Seketika itu manusia berteriak sekeras-kerasnya hingga matahari sampai di tengah langit ia kembali lagi, maka ia berputar dari tempat terbitnya." (H.R. Baihaqi)

SAAT AMAL DAN TAUBAT TAK LAGI DITERIMA

Peristiwa terbitnya matahari dari barat merupakan batas akhir diterimanya keimanan dan taubat seseorang. Saat itu tidak diterima lagi keimanan seseorang yang belum beriman sebelumnya. Demikian juga taubatnya orang-orang yang berbuat maksiat.

Para ulama, sebagaimana disampaikan oleh Al-Qurtubi, menjelaskan bahawa keimanan seseorang tidaklah bermanfaat ketika matahari telah terbit dari arah barat kerana pada saat itu perasaan takut menghujam pada hati sehingga mematikan segala syahwat jiwa, serta kekuatan seluruh tubuh menjadi lemah. Seluruh manusia saat itu menjadi seperti orang-orang yang dekat dengan kematian (sakaratul maut) padanya dalam hal terputusnya segala ajakan untuk berbuat maksiat dan sia-sianya apa yang ada pada tubuh/diri mereka.

"Barangsiapa yang bertaubat dalam keadaan seperti ini (ketika matahari telah terbit dari barat), maka tidak diterima taubatnya sebagaimana tidak diterima taubat orang-orang yang sakaratul-maut." (At-Tadzkirah: 706)

Ibnu Katsir menjelaskan, "Apabila orang kafir baru mulai beriman pada hari itu, maka tidak diterima. Adapun orang-orang yang telah beriman sebelumnya, apabila ia melakukan amal soleh, maka ia berada dalam kebaikan yang sangat besar. Adapun jika ia seorang yang bergelumang dengan kemaksiatan dan baru bertaubat setelah itu maka taubatnya tidak diterima." (Tafsir Ibnu Katsir: III/371)

Orang yang mengaku sebagai seorang muslim namun banyak melakukan maksiat dan meninggalkan ibadah tak akan lagi diterima taubatnya. Tak berguna lagi amalan yang dilakukan setelahnya sementara ia tinggalkan hal tersebut di masa-masa luangnya. Aisyah berkata, "Apabila telah keluar tanda-tanda hari kiamat pertama, maka pena-pena (pencatat amal) dilemparkan, para (malaikat) penjaga ditahan, dan jasad manusia dijadikan saksi atas segala amalnya." (Tafsir At-Thabari)

Abu Musa juga menuturkan bahawa Rasulullah bersabda, "Sesungguhnya Allah membentangkan tangan-Nya di waktu malam untuk mengampuni orang-orang yang bersalah di waktu siang, dan membentangkan tangan-Nya di waktu siang untuk mengampuni orang-orang yang bersalah di waktu malam, hingga terbitnya matahari dari arah barat." (H.R. Muslim)

SETELAH MATAHARI TERBIT DARI BARAT

Cara terbitnya matahari yang keluar dari kebiasaannya ini hanya akan terjadi selama satu hari. Gerakan matahari akan kembali seperti sedia kala. Ia akan kembali dari timur sampai terjadinya kiamat.

Dalam hadits Ibnu Abbas disebutkan bahawa Ubai bin Ka'ab bertanya kepada Rasulullah bagaimana jadinya matahari dan manusia setelah itu? Beliau menjawab, "Matahari akan tetap menyinari cahayanya dan akan terbit sebagaimana terbit sebelumnya, dan orang-orang akan menghadapi dunia mereka. Apabila kuda melahirkan anaknya maka ia tidak akan dapat menunggang kuda tersebut sampai terjadinya kiamat." (Fathul Bari)

Sebelum masa itu tiba, pintu taubat selalu terbuka lebar, oleh kerana itu tak seharusnya kita leka (santai) atau bahkan meremehkan untuk menunda-nunda taubat. Kerana tak ada satu makhluk Allah pun yang tahu bilakah kematian datang dan tanda kiamat (matahari terbit dari barat) itu terjadi. Hanya Allah Ta'ala yang mengetahui dan mempunyai keputusan untuk menentukan itu semua. Mari segera memperbaiki diri untuk tidak mengulangi perbuatan maksiat kepada Allah.

Semoga kita menginsafi diri, bertaubat daripada melakukan maksiat dan kembali kepada Allah SWT sebelum terlambat. Ingatlah kisah Firaun yang tidak diterima taubat saat sakaratul maut sudah menghampiri. Janganlah kita menjadi sebahagian daripada orang-orang yang rugi, kerana tatkala sudah terlambat, tiada yang akan terselamat. Wallahua'lam.



GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

22. SIRI TAFALAH IBRAH ALQURAN / 26 OKTOBER 2017



23. HARI TERBUKA TADIKA AWLAD IMTIYAZ / 27 OKTOBER 2017



24. GOTONG ROYONG MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR UTaM / 30 OKTOBER 2017



25. PROGRAM SOLAT HAJAT, BACAAN YAASIN & TAHLIL PERDANA
ANJURAN BAKUTeM DAN PUSAT ISLAM UTeM / 16 NOVEMBER 2017



26. PROGRAM SIRI TAFALAH IBRAH ALQURAN / 23 NOVEMBER 2017



27. LAWATAN KERJA DAN MENJALIN HUBUNGAN PERSAUDARAAN ISLAM UTeM DAN SINGAPURA
24 - 25 NOVEMBER 2017



Kelahiran Imam Mahdi adalah satu petanda menunjukkan dunia ini berada di hujung asianya. Ia merupakan salah satu petanda hampirnya kedatangan hari Kiamat. Sebagai seorang Muslim yang beriman dengan ajaran Rasulullah s.a.w., kita diwajibkan beriman dengan perkhayaban yang dibawa oleh baginda tentang datangnya seorang lelaki di akhir zaman bernama al-Mahdi ini. Persoalan yang timbul di sini, siapakah Imam al-Mahdi ini? Persoalan ini penting untuk diutarakan kerana mutakhir ini, kerap didengari individu-individu tertentu mengaku sebagai Imam al-Mahdi. Sejarah juga merakam beberapa kes pengakuan Imam al-Mahdi dilakukan semenjak kurun ketiga hijrah.

Akhir-akhir ini, seorang lelaki warganegara Indonesia bernama Muhammad Zubir Amir Abdullah telah mendakwa bahawa dirinya adalah Imam al-Mahdi. Dirinya dikatakan telah dibaiah oleh para pengikutnya dalam satu upacara di Makkah. Dalam usaha memberi penjelasan kepada masyarakat umum, artikel ini akan memfokuskan dengan lebih khusus berkenaan hakikat sebenar Imam Mahdi menurut sudut pandang Ahli Sunnah wal Jamaah.

HADIS-HADIS BERKAITAN AL-MAHDI

Al-Syaikh Abd al-Muhsin bin Hamad al-Abbad hafizahullah berkata: "Aku telah meneliti kebanyakan hadis-hadis berkaitan al-Mahdi dan aku telah mendapatinya sebagaimana yang telah dikatakan oleh al-Syaukani, Ibn al-Qayyim dan selainnya: Padanya hadis-hadis yang sahih, hasan, hadis dhaif yang boleh dikuatkan, dan terdapat juga hadis-hadis palsu berkaitannya (Al-Mahdi). Memadailah bagi kita hadis-hadis yang elok sanadnya. Sama ada ia sahih lizaatih atau sahih lighayrih. Begitu juga sama ada ia hasan lizaatih atau hasan lighayrih dan demikian jugalah hadis-hadis dhaif yang apabila ia digabungkan akan menguatkan antara satu sama lain maka ia juga turut menjadi hujah di sisi para ulama. Kebenarannya, sesungguhnya majoriti ahli ilmu bahkan ia adalah satu kesepakatan bahawa sabitnya khabar berkenaan al-Mahdi bahkan dia adalah benar dan akan keluar pada akhir zaman. Adapun, mereka yang syaz dari kalangan ahli ilmu dalam hal ini maka tidak diberi perhatian pada pendapatnya dalam hal tersebut." (al-Radd 'Ala Man Kazaba Bil Ahaadith Al-Waaridah Fil Mahdi)

Berikut dinyatakan beberapa hadis-hadis sahih yang menceritakan tentang kemunculan al-Mahdi dan kekhalfahannya:

1. Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a beliau berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لَا تَذْهَبُ الدُّنْيَا حَتَّى يَمْلِكَ الْعَرَبَ رَجُلٌ
مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي

SIAPAKAH AL-MAHDI YANG DITUNGGU?

Oleh: Ustaz Muhammad Asyraf Sulaiman

Maksudnya: Dunia tidak akan berlalu pergi sehinggalah bangsa Arab akan dikuasai oleh seorang lelaki dari kalangan ahli baitku yang namanya bersamaan dengan namaku. (Riwayat al-Tirmizi (2230) Beliau berkata: Hasan Sahih)

2. Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a beliau berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لَوْ لَمْ يَبْقَ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا يَوْمٌ لَطَوَّلَ اللَّهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ
حَتَّى يَبْعَثَ فِيهِ رَجُلًا مِنِّي أَوْ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي
يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي وَاسْمُ أَبِيهِ اسْمُ أَبِي يَمْلَأُ الْأَرْضَ
قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ ظُلْمًا وَجَوْرًا

Maksudnya: Sekiranya tidak berbaki daripada dunia itu melainkan hanya satu hari nescaya Allah akan memanjangkan hari tersebut sehinggalah Dia mengutuskan seorang lelaki pada hari tersebut yang mana lelaki itu dari kalangan aku - atau dari ahli baitku - Namanya berbetulan dengan namaku dan nama bapanya berbetulan dengan nama bapaku. Dia akan memenuhi bumi dengan penuh adil dan saksama sebagaimana ia (bumi) dahulunya dipenuhi oleh kegelapan dan kezaliman. (Riwayat Abu Dawud : 4282)

3. Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a beliau berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الْمَهْدِيُّ مِنِّي أَحْلَى الْجَبْهَةِ أَقْنَى الْأَنْفِ يَمْلَأُ الْأَرْضَ
قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ حَوْرًا وَظَلَمًا يَمْلِكُ سَبْعَ سِنِينَ

Maksudnya: Al-Mahdi dariku. Dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dahulunya dipenuhi dengan kezaliman dan dia akan menguasai selama tujuh tahun. (Riwayat Abu Dawud: 4285)

4. Dari Ummu Salamah r.a berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الْمَهْدِيُّ مِنْ عِشْرَتِي مِنْ وَدِدِ فَاطِمَةَ

Maksudnya: Al-Mahdi dari itrah (keturunan) ku dari anak Fathimah. (Riwayat Abu Dawud: 4284)

5. Dari Saidina Ali bin Abi Thalib r.a beliau berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الْمَهْدِيُّ مِنَّا أَهْلَ الْبَيْتِ يُصَلِّحُهُ اللَّهُ فِي لَيْلَةٍ

Maksudnya: Al-Mahdi dari kalangan kami - ahli bait - yang Allah perbaiki dirinya pada satu malam. (Riwayat Ibn Majah :4085)

Kata al-Imam Ibn Kathir Rahimahullah: Iaitu Allah mengampunkannya dan memberi taufiq kepadanya serta Allah memberi ilham dan petunjuk kepadanya sedangkan dia tidak diberikan perkara tersebut sebelumnya. (Al-Nihayah fil Fitan wal Malahim (1/29).

6. Diriwatikan daripada Thauban r.a beliau berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّيَّاتِ السُّودِ قَدْ جَاءَتْ مِنْ قِبَلِ
خُرَّاسَانَ فَأَتَوْهَا، فَإِنَّ فِيهَا خَلِيفَةَ اللَّهِ الْمَهْدِي

Maksudnya: Apabila kalian melihat panji-panji hitam telah datang dari arah Khurasan maka datangilah ia. Kerana sesungguhnya padanya terdapat Khalifah Allah al-Mahdi. (Riwayat al-Hakim dalam al-Mustadrak (4/502)

Demikianlah hadis-hadis di atas merupakan antara hadis-hadis sahih yang diriwatikan berkaitan dengan al-Mahdi dan kemunculannya. Hadis-hadis tersebut telah disepakati dan dikuatkan kesahihannya oleh majoriti para ulama Islam. Pada keseluruhan hadis di atas, ia merupakan tanda penguat dari Rasulullah s.a.w bahawa al-Mahdi akan keluar di akhir zaman dan tidak ada syak lagi padanya. Beliau akan keluar dan menguasai keseluruhan bangsa Arab serta akan memenuhi bumi dengan keadilan dan

saksama. Kekuasaannya juga selama tempoh tujuh tahun sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hadis.

Kata Samahah al-Syaikh Abd Al-Aziz bin Abd Allah bin Baaz Rahimahullah: Isu al-Mahdi adalah perkara yang diketahui. Hadis-hadis yang berkaitan dengannya sangat banyak bahkan ia mutawatir yang saling menguatkan. Kebanyakan ulama telah menyatakan bahawa ia sampai ke tahap mutawatir dan mutawatirnya ia adalah mutawatir maknawi disebabkan banyaknya jalan periwayatannya. Hadis-hadis ini jelas menunjukkan bahawa individu yang dijanjikan ini akan benar-benar muncul pada akhir zaman kelak. Beliau adalah **Muhammad bin Abdullah al-Alawi al-Hasani dari zuriat al-Hasan bin Ali bin Abi Thalib Radhiallahu anhum**. Imam ini (al-Mahdi) adalah di antara rahmat Allah kepada umat yang keluar pada akhir zaman lalu dia akan menegakkan keadilan dan kebenaran serta menghalang kezaliman dan kejahatan. Allah akan menaburkan dengannya panji kebaikan ke atas umat serta menjadi hidayah dan taufiq serta memberi petunjuk kepada sekalian manusia. (Asyrath al-Sa'ah, Maher Ahmad al-Sufi, halaman 30)

KELAHIRAN AL-MAHDI

Para Ulama telah berbeza pendapat tentang tempat kelahiran Imam Mahdi kepada beberapa pendapat. Di dalam kitab al-Tazkirah, al-Imam al-Qurthubi menyebut bahawa kelahiran Imam al-Mahdi adalah di negara Maghribi. Sebahagian pula berkata bahawa al-Mahdi dilahirkan di Andalus. Adapun pendapat yang paling tepat dan sahih ialah pendapat yang diriwatikan dari Abu Nu'aim dari Hammad dari Ali bin Abi Thalib r.a bahawa **al-Mahdi dilahirkan di Madinah**. (Asyrath al-Sa'ah, Maher Ahmad al-Sufi, halaman 36)

TANDA-TANDA AL-MAHDI

Berikut merupakan beberapa ciri-ciri yang terdapat pada diri al-Imam al-Mahdi [4]:

- Di bahagian bahunya ada tanda yang sama pada bahu Nabi s.a.w.
- Beliau akan berkumpul bersama Nabi Isa a.s dan Nabi Isa akan bersolat di belakangnya.
- Penduduk bumi akan merasa cukup pada zaman kekuasaannya dan banyaknya keberkatan dari bumi akan keluar.
- Beliau akan menanam satu batang kayu di atas tanah yang kering lalu ia akan menjadi hijau dan berdaun.

SIFAT-SIFAT KEPERIBADIAN IMAM AL-MAHDI

Di antara sifat-sifat keperibadian al-Imam al-Mahdi a.s adalah seperti berikut :

- Beliau merupakan seorang anak Adam.
- Dahinya luas dan hidungnya mancung.
- Kedua-dua matanya bercelak.
- Wajahnya bercahaya seakan-akan beliau adalah bintang yang menyinar.
- Di bahagian bahunya ada tanda seperti yang terdapat pada Rasulullah s.a.w.
- Warna kulitnya adalah warna orang Arab dan tubuh badannya seperti tubuh orang Israel.

- Umurnya 40 tahun dan dalam sebahagian riwayat 30 hingga 40 tahun.
- Akhlak beliau menyerupai akhlak Nabi s.a.w.

(Tanda-tanda ini diriwayatkan oleh Abu Nuaim Al-Asfahani di dalam kitab al-Sa'ah Li Asyrath al-Sa'ah. halaman. 85)

WAKTU KELUARNYA IMAM AL-MAHDI

Di dalam kitab al-Fitan wal- Malahim, al-Imam al-Hafiz Ibn Kathir Rahimahullah berkata: *Aku menyangka bahawa keluarnya al-Mahdi berlaku ketika turunnya Nabi Isa A.S.*

Ini berasaskan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah Radhiallahu anhu beliau berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

فَيَنْزِلُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَقُولُ
 أَمِيرُهُمْ تَعَالَ صَلِّ لَنَا . فَيَقُولُ لَا .
 إِنَّ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ أُمَرَاءُ . تَكْرِمَةَ اللَّهِ هَذِهِ الْأُمَّةَ

Maksudnya: *Isa bin Maryam s.a.w turun lalu berkata pemimpin mereka (Al-Mahdi): Marilah, solat bersama kami. Lalu Isa berkata: Tidak, sesungguhnya sebahagian kalian menjadi pemimpin atas sebahagian yang lain. Kemuliaan Allah kepada umat ini. (Riwayat Muslim (247)*

BEBERAPA PENDAPAT TENTANG IMAM MAHDI

Di dalam membicarakan berkenaan kemunculan Imam al-Mahdi, para ilmuan terbahagi kepada beberapa pendapat:

1. Ahlus Sunnah wal Jamaah tidak ada khilaf (perselisihan pendapat) sesama mereka dalam isu al-Mahdi. Akidah mereka sama dan bertepatan dengan hadis-hadis sahih yang telah kita nyatakan. Di sisi Ahli Sunnah, Imam al-Mahdi adalah seorang pemimpin soleh yang Allah utuskan untuk memenuhkan bumi dengan keadilan sebagaimana ia telah dipenuhi dengan kezaliman. Beliau menjadi seorang *mujaddid* (tokoh pembaharuan) untuk agama ini.

Berkata al-Allamah Ibn Khaldun: Ketahuilah bahawa pendapat yang masyhur di sisi umat Islam keseluruhannya, bahawa tidak boleh tidak di akhir zaman kelak akan kemunculan seorang lelaki dari kalangan ahli bait yang akan menguatkan agama, menzahirkan keadilan, dan diikuti oleh kaum muslimin, dan beliau akan menguasai ke atas kerajaan-kerajaan Islam. Beliau dinamakan sebagai al Mahdi. Sesungguhnya Isa akan datang selepasnya dan membunuh Dajjal atau Isa turun bersama-samanya (al Mahdi) lalu dia membantunya untuk membunuh Dajjal dan Nabi Isa menjadi makmum kepada al-Mahdi semasa solatnya. (Muqaddimah Ibn Khaldun, halaman 555)

2. Terdapat juga golongan yang menisbahkan diri mereka kepada Ahli Sunnah akan tetapi mereka tidak mempunyai tangan yang panjang (keluasan ilmu) dalam mentahqiqkan nas-nas serta mengetahui selok

beloknya dengan baik. Justeru, mereka menolak kewujudan al-Mahdi dan menafikan kemunculannya pada akhir zaman.

BEBERAPA CONTOH INDIVIDU YANG PERNAH MENDAKWA MEREKA ADALAH AL-MAHDI

Dalam sejarah Islam, telah terlalu banyak golongan pembohong yang mendakwa mereka adalah Al-Mahdi al-Munthazar (yang dinantikan). Justeru, tidak pelik jika terdapat mana-mana individu dari seberang atau dari negara kita sendiri yang mengeluarkan dakwaan seperti ini. Di antara individu yang membuat dakwaan batil tersebut adalah:

1. **Ubaidullah bin Maimun al-Qaddah.** Lahir pada tahun 259 H dan meninggal pada tahun 322 H. Datuknya merupakan seorang Yahudi yang dinisbahkan kepada keluarga Majusi. Dinisbahkan secara palsu dan jahat bahawa mereka dari keturunan Rasulullah s.a.w Mereka adalah pembesar Rafidhah al-Qaramithah al-Bathiniyah yang memusuhi agama yang berselindung di sebalik penisbahan kepada keluarga Rasulullah. Dia juga merupakan pengasas Daulah Fathimiyah. (Minhaj al-Sunnah, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah. (Juz.49 No.318)
2. **Muhammad bin Tumart.** Lahir pada tahun 485 H dan meninggal dunia pada tahun 524 H. Seorang lelaki munafik lagi pembohong. Dia membuat dakwaan jahat lagi dusta bahawa dirinya adalah al-Mahdi al-Muntazhar. Dia juga merupakan seorang yang sangat zalim. (Bahas tulisan Fadhilat al-Syeikh Hamud bin Abd Allah al-Tuwajiri edaran Idarah al-Buhuuth al-Ilmiyyah)
3. **Mahdi kelompok Kaisan.** Mereka menyangka bahawa al-Mahdi adalah Muhammad bin al-Hanafiah. Dia dikatakan sedang hidup dan bermukim di bukit Radhwa. Dia juga dikatakan berada di tengah-tengah dua ekor singa yang menjaganya. (Al-Manar al-Munif, Ibn Qayyim al-Jauziyyah. Hlm. 153) Malangnya, ada juga umat Islam di nusantara ini yang mengaku sebagai Imam Mahdi.

FATWA INSTITUSI AGAMA DI MALAYSIA TENTANG DAKWAAN SEBAGAI IMAM MAHDI

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-81 pada 19 April 2012 telah membincangkan dan memutuskan bahawa ciri-ciri ajaran sesat yang disenaraikan di bawah ini adalah merupakan amalan, upacara dan adat istiadat yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Ia adalah sesat dan menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar serta haram dilakukan. Antaranya ialah : Mendakwa sebagai Imam Mahdi.
2. Di Malaysia, setiap individu yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi telah difatwakan sebagai ajaran sesat. Ini boleh dilihat dalam kes pengharaman ajaran sesat Qadiani, Al-Arqam atau Rufaqa, dan juga kelompok Syiah yang mengatakan Muhammad bin Hasan al-Askari sebagai Imam Mahdi. (rujuk: <http://www.e-fatwa.gov.my>).

TANDA KIAMAT: KELUARNYA ASAP (AD DUKHAN)

Oleh: Ustaz Mohd Fauzee Mohamed

Asap atau kabut dalam bahasa Arab dinyatakan dengan ad-Dukhan [الدخان]. Keterangan asap sebagai tanda kiamat, Allah menyebutkannya dalam al-Quran. Allah berfirman:

فَارْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُحَانٍ مُّبِينٍ .
يَعْشَى النَّاسَ هَذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ .
رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabut yang nyata yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih(Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, lenyapkanlah dari kami azab itu. Sesungguhnya kami akan beriman. (Surah ad-Dukhan: 10 - 12)

Juga disebutkan dalam hadis dari Abu Hurairah ra, Nabi saw bersabda:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ سِتًّا طُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ
مَغْرِبِهَا أَوْ الدُّحَانَ أَوْ الدَّجَالَ أَوْ الدَّابَّةَ
أَوْ خَاصَّةَ أَحَدِكُمْ أَوْ أَمْرَ الْعَامَّةِ

Maksudnya: "Bersegeralah untuk melakukan amal soleh sebelum datang 6 hal: matahari terbit dari barat, munculnya dajjal, keluarnya Dabbah (haiwan yang boleh berkata-kata), kematian kalian, atau perkara cemas yang meluas di masyarakat." (H.R Ahmad 8670, Muslim 7584).

BEZA PENDAPAT TENTANG DUKHAN

Ulama berbeza pendapat dalam memahami makna ad-Dukhan pada ayat di atas:

1. Dukhan yang dimaksud adalah keadaan kelaparan yang dialami masyarakat Quraisy, kerana kering yang berpanjangan. Dan ini terjadi setelah Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah dan tersangat keringnya tanah, hingga debu-debu sangat mudah beterbangan ketika ada angin. Dan orang arab menyebut debu beterbangan dengan Dukhan. Demikian keterangan Ibnu Qutaibah, seperti yang disebutkan Ibnu Ayura dalam tafsirnya. (at-Tahrir wa at-Tanwir, 25/315).

Diantara Ulama' yang menyatakan bahwa Dukhan adalah kekeringan yang menimpa orang Quraisy adalah sahabat Ibnu Mas'ud ra dan diikuti beberapa ulama salaf. Masruq - murid Ibn Mas'ud - pernah menceritakan, ada seseorang yang bercerita di Kindah, bahawa akan datang Dukhan di hari kiamat, lalu menyambar telinga dan penglihatan orang munafik. Mendengar ini, kami sangat risau. Lalu kami bertemu dengan Ibnu Mas'ud yang ketika itu sedang berehat. Beliau pun marah dan mengatakan, "Siapa diantara kamu yang mempunyai ilmu, silalah terangkan. Siapa yang tidak ada ilmu, ucapkanlah Allahu a'lam. Lalu Ibnu Mas'ud menceritakan makna Dukhan:

إِنَّ قُرَيْشًا أَبْطَقُوا عَنِ الْإِسْلَامِ فَدَعَا عَلَيْهِمُ النَّبِيُّ - ﷺ -
فَقَالَ «اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَيْهِمْ بِسَبْعِ كَسْبَعٍ
يُوسُفَ ، فَأَخَذَتْهُمُ سَنَةٌ حَتَّى هَلَكُوا فِيهَا ،
وَأَكَلُوا الْمَيْتَةَ وَالْعِظَامَ وَيَرَى الرَّجُلُ مَا بَيْنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ كَهَيْئَةِ الدُّحَانِ

Maksudnya: "Ketika orang kafir Quraisy tidak mahu masuk Islam, Nabi s.a.w mendoakan keburukan untuk mereka. Baginda berdoa, "Ya Allah, timpakanlah kekeringan kepada mereka, seperti kekeringan di zaman Yusuf." Lalu mereka mengalami kekeringan, sampai banyak yang meninggal, lalu mereka makan bangkai dan tulang. Sementara orang melihat di antara langit dan bumi (udara) seperti asap." (H.R Ahmad 4186 dan Bukhari 4774)

Ibnu Mas'ud ra juga pernah mengatakan:

خَمْسٌ قَدْ مَضَيْنَ اللَّزَامَ وَالرُّومَ وَالْبَطْشَةَ وَالْقَمَرُ وَالِدُّحَانَ

"Ada 5 tanda kiamat yang sudah terjadi: peristiwa al-Lizam, peristiwa perang Romawi, al-Bathsyah, terbelahnya bulan, dan Dukhan." (H.R Bukhari 4825).

MAKNA HADIS

- al-Lizam: semua hukuman yang Allah timpakan bagi orang kafir
- al-Bathsyah: kekalahan orang kafir di perang Badar.

Pendapat ini dinilai kuat oleh Ibnu Asyura. Dalam tafsirnya, beliau mengatakan,

والأصح أن هذا الدخان عُني به ما أصاب المشركين
من سبني القحط بمكة بعد هجرة النبي صلى الله عليه
وسلم إلى المدينة

"Pendapat yang sahih, Dukhan yang dimaksudkan ini adalah musim kering yang dialami kaum musyrikin di Mekah, setelah Nabi saw hijrah ke Madinah". (at-Tahrir wa at-Tanwir, 25/315).

2. Dukhan ini hanya akan muncul di akhir zaman, ia akan dilihat oleh semua manusia. Ini pendapat Ali bin Abi Thalib, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, dan diikuti kebanyakan ulama, termasuk yang dinilai kuat oleh Ibnu Katsir. Dalam tafsirnya, Ibnu Katsir menyebutkan beberapa riwayat keterangan sahabat. Diantaranya, Ali bin Abi Thalib mengatakan:

لم تمض آية الدخان بعد، يأخذ المؤمن كهيفة الزكام،
وتنفخ الكافر حتى ينفذ

"Dukhan belum terjadi, orang mukmin akan menjadi seperti orang demam. Lalu asap ini menghembus orang kafir, sampai binasa." (Tafsir Ibn Katsir, 7/249)

Demikian pula keterangan Ibnu Umar ra, yang mengatakan:

يخرج الدخان، فيأخذ المؤمن كهيفة الزكمة،
ويدخل في مسامع الكافر والمنافق، حتى يكون كالرأس الحنيد

"Akan keluar Dukhan, lalu orang mukmin terkena imbasnya, hingga seperti orang kena demam. Lalu asap ini masuk ke telinga orang kafir dan munafik, sehingga kepala mereka seperti kepala haiwan panggang." (Tafsir at-Thabari, 22/17).

Setelah Ibnu Katsir menyebutkan riwayat yang mendukung tentang keberadaan Dukhan di masa akan datang, lalu beliau mengatakan:

وهكذا قول من وافقه من الصحابة والتابعين أجمعين،
مع الأحاديث المرفوعة من الصحاح والحسان وغيرهما، التي
أوردناها مما فيه مقنع ودلالة ظاهرة على أن الدخان
من الآيات المنتظرة، مع أنه ظاهر القرآن

"Demikian pendapat masalah dukhan, dari kalangan sahabat, dan tabiin, disertai hadis marfu', yang shahih, hasan, maupun yang lainnya, yang kami sebutkan, merupakan dalil yang jelas bahawa Dukhan termasuk tanda kiamat yang masih ditunggu (belum datang), disamping itu sesuai dengan makna teks al-Quran." (Tafsir Ibn Katsir, 7/249)

Lalu Ibnu Katsir menjelaskan pendapat pertama, yang disampaikan Ibnu Mas'ud ra, bahawa Dukhan yang beliau ceritakan hanya dilihat orang musyrikin sahaja, dan itu hakikatnya hanyalah khayalan mereka kerana keadaan cuaca panas yang sangat parah, yang mereka alami.

- Gabungan dari dua keterangan di atas. Ertinya, Dukhan ada 2: yang telah terjadi, seperti yang diceritakan Ibnu Mas'ud, dan yang belum terjadi. Akan muncul di masa hadapan. Pendapat ini dipilih an-Nawawi dan dinyatakan al-Qurthubi. Al-Qurthubi mengatakan:

قال مجاهد : كان ابن مسعود يقول:
هما دخانان قد مضى أحدهما ،

والذي بقي يملأ ما بين السماء والأرض، ولا

يجد المؤمن منه إلا كالزكمة، وأما الكافر فتتقب مسامعه
"Mujahid mengatakan, bahawa Ibnu Mas'ud berpendapat, ada dua Dukhan. Salah satu telah terjadi. Sementara yang satu lagi, akan memenuhi langit dan bumi. Setiap mukmin mengalami demam. Sementara orang kafir, telinganya dilubangi." (at-Tadzkirah, hlm. 738)

Jika kita mengambil pendapat Ibnu Mas'ud, bencana asap yang pernah berlaku di Negara jiran kita, jelas bukan Dukhan yang dimaksud. Kita beralih ke

pendapat kedua, dukhan yang menjadi tanda akhir zaman. Keterangan dalam pendapat ini, Dukhan itu sifatnya menyeluruh, dialami semua manusia. Dalam ayat di surah ad-Dukhan, Allah mengatakan,

يَغْشَى النَّاسَ هَذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

"Yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih"
(Surah al-Dukhan: 11)

Dan dalam hadis ada dinyatakan, bahawa Hudzaifah pernah bertanya kepada Nabi s.a.w tentang Dukhan. Lalu baginda membaca surat ad-Dukhan di atas, kemudian beliau bersabda:

يملأ ما بين المشرق والمغرب، يمكث أربعين يوماً وليلة،
أما المؤمن فيصيبه منه كهيفة الزكمة، وأما الكافر فيكون بمنزلة
السكران

"Dukhan itu memenuhi timur dan barat. Tinggal selama 40 hari. Untuk orang mukmin, mereka terkena paparan sehingga seperti orang demam. Sementara orang kafir, seperti orang mabuk." (Tafsir at-Thabari, 25/68)

Dengan demikian, kita tidak boleh menyebutkan apa yang berlaku di Indonesia sebagai perwujudan 'Dukhan' yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis, sebagai tanda kiamat.

KETIKA MUSLIM DALAM MUSIBAH

Allah Ta'ala berfirman:

وَتَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْحَرِّ فَتَنَةً وَإِنَّا نُرْجِعُونَ

"Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya), dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan." (QS. al-Anbiya: 35)

Imam Ibnu Katsir menjelaskan,
"Makna ayat ini) yaitu, Kami menguji kamu (wahai manusia), terkadang dengan bencana dan terkadang dengan kesenangan, agar Kami melihat siapa yang bersyukur dan siapa yang ingkar, serta siapa yang bersabar dan siapa yang berputus asa." (Tafsir Ibnu Katsir, 5/342).

Allah mengajarkan kepada kita keyakinan, bahawa apapun musibah yang menimpa kita, sebabnya adalah kerana dosa yang pernah kita lakukan. Allah berfirman:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي

النَّاسِ لِيَذِقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

"Telah nampak kerosakan di daratan dan di lautan, disebabkan perbuatan tangan-tangan manusia. Agar Allah merasakan sebahagian dari perbuatan yang mereka lakukan, supaya mereka kembali." (Surah Ar-Rum: 41)

At-Thabari menyebutkan keterangan dari Al-Hasan Al-Basri ketika menafsirkan ayat ini,

أفسدهم الله بذنوبهم، في بحر الأرض وبرها بأعمالهم الخبيثة

"Allah menghancurkan mereka disebabkan dosa mereka, berupa kerosakan di daratan maupun dilautan, disebabkan perbuatan buruk mereka." (Tafsir At-Thabari, 20/108)



GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

28. MAJLIS IHTIFAL KE 6 TASKA AWLAD IMTIYAZ / 26 NOVEMBER 2017



29. PERARAKAN MAULIDUR RASUL / 1 DISEMBER 2017



30. MANIFESTASI CINTA RASUL ANTARA REALITI DAN FANTASI / 5 DISEMBER 2017




31. KULIAH USTAZ SHAUQI / 5 DISEMBER 2017



32. FANTASTIC 4 / 8 - 10 DISEMBER 2017



33. PROGRAM SUPER AULAD / 11 - 15 DISEMBER 2017



YA'JUJ DAN MA'JUJ, SIAPAKAH MEREKA?

Oleh: Ustaz Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid

Apabila disebutkan Ya'juj dan Ma'juj pasti kita semua akan terfikir akan hari kiamat. Dan kita akan memikirkan satu perasaan yang gerun apabila memikirkan jika mereka ini keluar dari tempat mereka di kurung. Ini merupakan sangkaan kita yang selama ini kita tidak mengetahui tentang maklumat mereka yang lebih lanjut. Oleh itu pada tulisan saya pada kali ini, saya akan membincangkan tajuk berkaitan dengan dua makhluk yang diceritakan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Kahfi dan melalui lisan Baginda Rasulullah s.a.w yang mulia.

SIAPAKAH BANGSA YA'JUJ DAN MA'JUJ DAN CIRI-CIRI MEREKA

Dalam perkara ini, banyak isu dan perbincangan di kalangan para ulama yang membahaskan siapakah Ya'juj dan Ma'juj. Bahkan kita di era modenisasi ini juga terdapat ramai di kalangan para ilmuan untuk merungkap dan memadamkan Ya'juj dan Ma'juj dengan kecanggihan teknologi yang terkini. Akan tetapi, apabila kita ingin membicarakan dalam konteks pendapat para ulama, hendaklah ia bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.

Dari perkataan Ya'juj dan Ma'juj, Imam Al-Alusi, Ibnu Manzur dan Al-Hafiz Ibnu Hajar berpendapat bahawa perkataan Ya'juj dan Ma'juj berasal dari bahasa asing (bukan bahasa Arab). Sesetengah ulama lain mengatakan ia berasal dari bahasa Arab. Abul Kalam Azad pula menyatakan bahawa perkataan Ya'juj dan Ma'juj berasal daripada bahasa Ibrani, dan pada asalnya ia adalah bahasa asing. Masyarakat Yunan menyebutnya sebagai Gog dan Magog.

Berbagai pendapat telah dikemukakan mengenai asal-usul kaum Ya'juj dan Ma'juj. Menurut Imam Al-Alusi, Wahab bin Munabbih, dan ramai ulama termasuk pada masa kini, Ya'juj dan Ma'juj berasal dari kalangan anak-anak Yafith bin Nuh a.s. Al-Kisai dan dikatakan dalam kitab Al-Ara'is bahawa Yafith ada lima anak iaitu Jumar, Banras, Asyar, Askuwail dan Mayasheikh, dan Ya'juj dan Ma'juj berasal dari keturunan Asyar. Hadis dari Ibnu Abi Hatim dan Hakim melalui Abu Hurairah menyatakan bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah dari keturunan Yafith bin Nuh a.s. Sesetengah ulama berpendapat bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah dari keturunan Yafith iaitu bapa kepada bangsa Turki, dan mereka menamakannya sebagai bangsa Turki kerana Ya'juj dan Ma'juj itu "terpisah atau tinggal" pada satu arah di belakang tembok. Ada juga yang berpendapat bahawa Yakjuj berasal dari Turki sementara Makjuj pula berasal dari Al-Gel dan Ad-Dailam.

Antara ciri-ciri mereka adalah seperti mana yang telah dinyatakan dalam hadis-hadis melalui lisan Rasulullah s.a.w yang mencirikan mereka sebagai rupa mereka seakan-akan bangsa Turki, bukan orang Arab dan tidak fasih percakapannya dan bangsa Mongol iaitu matanya sepet, hidungnya mancung, rambutnya berwarna perang, berdahi

lebar, wajah mereka keras. Berdasarkan kepada Hadis Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

إِنَّكُمْ تَقُولُونَ لَا عَدُوَّ،
وَإِنَّكُمْ لَا تَزَالُونَ تُقَاتِلُونَ عَدُوًّا حَتَّى يَأْتِيَنِي يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ،
عِرَاضُ الرُّجُومِ، صِعَاژُ الْعِيُونِ، شَهْبُ الشَّعَافِ،
مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ، كَأَنَّ وُجُوهُهُمُ الْمَجَانُّ الْمَطْرُوقَةُ.

"Sesungguhnya kalian berkata tidak ada musuh sementara kalian senantiasa memerangi musuh hingga datang Ya'juj dan Ma'juj; bermuka lebar, bermata sepet, berambut perang, mereka datang dari setiap arah, wajah-wajah mereka seperti perisai yang dilapisi kulit." (H.R Ahmad)

Berapa ramaikah bilangan Ya'juj dan Ma'juj? Ada yang berpendapat bahawa jika dirujuk pada Surah al-Anbiya' ayat 96, ternyata bahawa Ya'juj dan Ma'juj turun dalam keadaan laju dari tempat yang tinggi dan keadaan mereka (kelajuannya) adalah seperti serigala berjalan. Dan jelas bahawa ayat itu menunjukkan jumlah mereka adalah ramai. Dirwayatkan oleh Al-Hakim dan Ibnu Mardhawayyah melalui Abdullah bin Amru, juga dirwayatkan oleh Abdu bin Hamid melalui sanad sahih daripada Abdullah bin Salam: "Sesungguhnya (Ya'juj dan Ma'juj) daripada zuriat Adam dan di belakang mereka ada tiga umat, tidak mati di kalangan mereka melainkan meninggalkan lebih daripada seribu zuriat".

Dari Tabrani dan Ibnu Mardhawayyah dan al-Baihaqi dan Abdu bin Hamid daripada Ibnu Umar: "Dinamakan (Ya'juj dan Ma'juj) kepada tiga umat: Tawil, Taris dan Mansik".

Imam al-Alusi berpendapat bahawa Ya'juj dan Ma'juj mempunyai umur yang paling panjang. Ibnu Kathir telah berkata bahawa bilangan mereka tidak dapat ditetapkan, tetapi pasti jumlah mereka sangat ramai.

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani berpendapat dalam Fathul Bari, "Pendapat yang mengatakan bahawa Ya'juj dan Ma'juj merupakan keturunan Adam dan bukan Hawa tidaklah pernah dikatakan oleh seorang salaf pun selain dari Ka'ab al-Ahbar. Sudah terbantahkan dari hadith marfu' (yang sampai Nabi s.a.w) yang mengatakan bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah

dari keturunan Nuh, sedangkan Nuh merupakan keturunan dari Hawa." Ya'juj dan Ma'juj merupakan keturunan dari Yafits Abi At Turk. Sedangkan Yafits merupakan keturunan anak Nuh 'alaihis salam. Lihat An Nihayah, Al Fitn wal Malahim 1: 153. Daripada Abu Said Al-Khudri, Nabi s.a.w bersabda:

يقول الله تعالى: يا آدم، فيقول:
 ليك وسعديك والخير في يدك. فيقول تعالى:
 أخرج بعث النار. قال: وما بعث النار؟ قال: من كل ألف
 تسعمائة وتسعة وتسعين. فعنده يشيب الصغير
 (وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمَلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَارَى وَمَا هُمْ
 بِسُكَارَى وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ) قالوا: يا رسول الله وأينا
 ذلك الواحد؟ قال: أبشروا فإن منكم رجلا ومن يأجوج
 ومأجوج ألف.

Allah berfirman, "Wahai Adam. Ia pun menjawab, "Ya, aku memenuhi panggilan-Mu, dan kebaikan ada di tangan-Mu. Allah berfirman, "Keluarkanlah ba'tsun nar!" Ia bertanya, "Apakah ba'tsun nar itu?" Allah berfirman, "Dari setiap 1000 orang, 999 orang sebagai Ba'tsun nar (penghuni neraka). Saat itulah anak kecil menjadi tua. "Dan gugurlah segala kandungan wanita yang hamil dan kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk. Akan tetapi azab Allah itu sangat keras". (Surah Al Hajj: 2)

Mereka bertanya, "Siapakah di antara kami yang termasuk satu orang (yang satu) itu?" Beliau bersabda, "Bergembiralah! Sesungguhnya dari kalian satu orang dan dari Ya'juj dan Ma'juj seribu orang". (H.R Bukhari no. 6530)

Hadis di atas menunjukkan bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah keturunan Adam dan bukanlah daripada makhluk yang lain apatah lagi teknologi pada zaman kini. Jumlahnya seperti yang dimaklumkan oleh Baginda Nabi s.a.w adalah banyak bahkan mereka akan menjadi penghuni neraka. Hadis yang lain menceritakan tentang perihal Ya'juj dan Ma'juj adalah:

وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَابْنُ مَرْذُوقٍ مِنْ طَرِيقِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو
 " أَنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مِنْ ذُرِّيَّةِ آدَمَ ، وَوَرَاءَهُمْ ثَلَاثَ أُمَمٍ
 ، وَلَنْ يَمُوتَ مِنْهُمْ رَجُلٌ إِلَّا تَرَكَ مِنْ ذُرِّيَّتِهِ أَلْفًا فَصَاعِدًا
 " وَأَخْرَجَ عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ
 سَلَامٍ مِثْلَهُ

"Dikeluarkan oleh Al Hakim dan Ibnu Mardawaih dari jalur 'Abdullah bin 'Amr bahwa Ya'juj dan Ma'juj dari keturunan Adam. Di belakangnya adalah tiga umat. Tidaklah di antara mereka mati melainkan mereka tinggalkan 1000 keturunan berikutnya. Hadits ini dikeluarkan pula oleh 'Abd bin Humaid dengan sanad shahih dari 'Abdullah bin Salaam semisalnya." (Fathul Bari, 13: 107)

Hadis ini menunjukkan bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah daripada keturunan adam dan jumlahnya yang teramat banyak.

Sebahagian ulama' berpendapat bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah orang Mongol. Syed Qutub seorang pengkaji Islam yang masyhur berpendapat bahawa ada kemungkinan Ya'juj dan Ma'juj adalah orang Mongol, kerana itulah orang Mongol dan Tartar mengganas serta membuat kebinasaan di Timur. Doktor Abdul Halim berpendapat bahawa Tartar adalah nama bagi bangsa yang berlainan petunjuk dengan sebab berlainan masa, tapi Thomson berpendapat bahawa Tartar merupakan nama yang digelar ke atas bangsa Mongol atau satu puak daripada mereka, dan bukan ke atas bangsa Turki. Thomson juga berkata bahawa orang-orang Turki telah keluar dari Mongolia sebagai jalan penyelesaian, dan tempat mereka diganti oleh orang-orang Mongol. Setengah dari kaum Tartar telah berpakat dengan puak Turki ketika keluar dari Mongolia dan berpindah bersama dari Asia Tengah menuju ke arah barat. Ibnu Al-Athir menggelarkan "at-Taiman" terhadap nenek-moyang Genghis Khan, dan mereka ini dianggap nenek-moyang bangsa Tartar. Ternyata bahawa bangsa yang asalnya berketurunan Mongol dan bertutur bahasa Mongolia adalah Tartar. Nama Mongol dan Mongolia mula digunakan secara rasmi oleh Genghis Khan. Imam Al-Qasimi juga berpendapat bahawa mereka adalah orang Mongol dan Tartar.

Apa pun pendapat yang dilontarkan oleh sebahagian ulama tidak perlu untuk kita menyalahkan antara satu sama lain dan ia adalah pendapat yang dikeluarkan mengikut kepada tafsiran masing-masing berdasarkan kepada pemerhatian dan kefahaman hadis mereka. Oleh itu, Kita perlu untuk menguatkan akidah kita dan mendalami pengertian iman dalam diri kita agar kita bersedia untuk berhadapan dengan apa jua cabaran dan fitnah yang akan dibawa oleh Dajjal dan Ya'juj serta Ma'juj.

HADIS-HADIS BERKAITAN DENGAN YA'JUJ DAN MA'JUJ

Diriwayatkan daripada Huzaifah bin As'ad Al-Ghifari r.a dia berkata: Rasulullah s.a.w menghampiri kami ketika kami sedang membicarakan sesuatu, beliau bertanya : "Apa yang kamu ceritakan?" Kami menjawab: "Kami menceritakan hal kiamat." Baginda bersabda: "Tidak akan terjadi kiamat hingga keluarnya Ya'juj dan Ma'juj." (H.R Muslim)

Diriwayatkan daripada Zainab Binti Jahsy, dia berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا يَوْمًا فَرَعَا
 يَقُولُ " لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَنِلَّ لِلْعَرَبِ مِنْ شَرِّ قَدِ افْتَرَبَ
 فُتِحَ الْيَوْمَ مِنْ رَدْمِ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مِثْلُ هَذِهِ ".
 وَحَلَّقَ بِإِصْبَعَيْهِ الْإِبْهَامَ وَالَّتِي تَلِيهَا. قَالَتْ زَيْنَبُ ابْنَةُ جَحْشِ
 فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْتَنُوكَ وَفِينَا الصَّالِحُونَ قَالَ
 " نَعَمْ إِذَا كَثُرَ الْحَيْبُ "

"Nabi s.a.w bangun daripada tidur dan Baginda mengucapkan: " Laa Ilaaha Illallah, Celakalah bangsa Arab kerana keburukan yang semakin hampir, ketika ini benteng penghalang Ya'juj dan Ma'juj telah terbuka seperti ini. "Nabi

s.a.w melingkarkan jari telunjuk dan ibu jarinya. Aku (Zainab) bertanya: "Wahai Rasulullah. Apakah kita akan dibinasakan sementara di tengah-tengah kami ada orang yang soleh?" Beliau menjawab: "Ya, bila kemaksiatan telah bermaharajalela (tersebar)." (H.R Bukhari)

YA'JUJ DAN MA'JUJ KELUAR DAN MEMBAWA KEROSAKAN KEPADA SELURUH ALAM

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ (96) وَاقْتَرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ فَإِذَا هِيَ شَاخِصَةٌ أَبْصَارُ
الَّذِينَ كَفَرُوا يَا وَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِي غَفْلَةٍ مِنْ هَذَا بَلْ كُنَّا ظَالِمِينَ (97)


"(Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya'juj dan Ma'juj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi. Dan hampirlah datangnya janji hari Kiamat yang benar, maka dengan serta-merta pandangan mata orang-orang yang kafur ingkar terbeliak (sambil berkata dengan cemas): "Aduhai celakanya Kami. Sesungguhnya kami telah tinggal dalam keadaan yang melalaikan kami daripada memikirkan perkara ini, bahkan kami telah menjadi orang-orang yang menganiaya diri sendiri." (Surah al-Anbiya':96-97)

Apakah jenis kerosakan yang dilakukan oleh Ya'juj dan Ma'juj? Sesetengah ulama berpendapat bahawa mereka ini melakukan kerosakan dan keganasan dengan menerkam ke atas mangsanya seperti binatang yang merangkak, liar dan ganas. Mereka juga memakan ular, kala jengking dan semua yang bernyawa. Al-Kalbi berpendapat: "Mereka ini keluar ke bumi pada musim bunga dan memakan semua yang dijumpainya sama ada yang hijau atau yang kering. Mereka juga membawanya masuk ke dalam bumi. Dan sesiapa yang berjumpa dengan mereka nescaya akan disiksa dan dibunuh." Sesetengah ulama lain berpendapat bahawa mereka memakan manusia dan merosakkan apa yang ada di bumi setelah mereka keluar.

ثُمَّ اتَّبَعَ سَبَبًا - 92 حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ السَّدَّيْنِ وَجَدَ مِنْ دُونِهِمَا قَوْمًا لَّا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا - 93 قَالُوا يَا دَا
الْقُرْتَبَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا - 94
قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا - 95 أَتُوبِي زُبَيْرُ الْحَدِيدِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ
بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ انْفُخُوا ۖ حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ آتُونِي أُفْرِغَ عَلَيْهِ قَطْرًا - 96 فَمَا اسْتَطَاعُوا أَنْ يَظْهَرُوهُ وَمَا
اسْتَطَاعُوا لَهُ نَقْبًا - 97 قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّنْ رَبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا - 98
وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ ۖ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَجَمَعْنَاهُمْ جَمْعًا - 99

"Kemudian dia menempuh suatu jalan (yang lain lagi). Hingga apabila dia telah sampai di antara dua buah gunung, dia mendapati di hadapan kedua bukit itu suatu kaum yang hampir tidak mengerti pembicaraan. Mereka berkata: "Hai Dzulkarnain, sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj itu orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka dapatkah kami memberikan sesuatu pembayaran kepadamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dan mereka?" Dzulkarnain berkata: "Apa yang telah dikuasakan oleh Tuhanku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, maka tolonglah aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar aku membuatkan dinding antara kamu dan mereka, berilah aku potongan-potongan besi." Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua (puncak) gunung itu, berkatalah Dzulkarnain:

"Tiuplah (api itu)." Hingga apabila besi itu sudah menjadi (merah seperti) api, dia pun berkata: "Berilah aku tembaga (yang mendidih) agar aku tuangkan ke atas besi panas itu." Maka mereka tidak dapat mendakinya dan mereka tidak (pula) menembusinya. Dzulkarnain berkata: "Ini (dinding) adalah rahmat dari Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhanku itu adalah benar." Kami biarkan mereka di hari itu bercampur aduk antara satu dengan yang lain, kemudian ditiup lagi sangkakala, lalu Kami kumpulkan mereka itu semuanya." (Surah al-Kahfi : 92-99)



"Setiap hari mereka (Ya'juj dan Ma'juj) menggalinya, sehingga ketika dinding itu hampir mereka tembusnya, pemimpin mereka mengatakan: "Sekarang pulanglah kalian, kerana esok hari kalian pasti boleh menembusnya!" Akan tetapi Allah mengembalikannya (dinding) seperti asal semula. Dan keesokan harinya, ketika Allah berkehendak untuk mengutus mereka kepada manusia, pemimpin mereka berkata: "Sekarang pulanglah kalian, kerana esok hari kalian akan merobohkannya jika Allah menghendaki", dia mengucapkan 'insya Allah'. Pulanglah mereka dan esoknya mereka mendapatinya (dinding) seperti keadaan yang mereka tinggalkan (semalam), lalu mereka merobohkannya dan menyerang orang-orang, lalu mereka meminum air dan berlari orang-orang menghindari mereka, mereka pun melepaskan anak panah ke langit dan seketika itu juga panah tersebut berlumuran darah. Lantas mereka berkata: "Kita telah menakluk penduduk bumi dan menguasai yang berada di langit secara paksa." Lalu Allah mengirim ulat pada tengkuk mereka, demi Zat yang jiwaku ada dalam tangannya, sesungguhnya haiwan-haiwan bumi menjadi gemuk dan sangat berterima kasih kerana daging-daging mereka." (H.R Tirmizi)


"Setelah membunuh Dajjal, Nabi Isa putera Maryam mendatangi suatu kaum yang dijaga oleh Allah dari Dajjal. Dia mengusap wajah-wajah mereka dan menceritakan tingkatan-tingkatan mereka di syurga. Saat mereka seperti itu, Allah mewahyukan padanya: "Sesungguhnya Aku telah mengeluarkan hamba-hamba-Ku, tidak ada yang dapat memerangi mereka, kerana itu bentengilah hamba-hambaKu ke Thur." Allah mengirim Ya'juj dan Ma'juj, lalu (kumpulan) yang paling depan melintasi Danau Thabari dan minum kemudian (kumpulan) yang belakang melintasi, mereka berkata: "Tadi di sini ada airnya."

Nabi Allah Isa dan para sahabatnya dikepung hingga diumpamakan kepala kerbau milik salah seorang dari mereka lebih baik dari seratus dinar milik salah seorang dari mereka ketika ini (ketiadaan makanan), lalu Nabi Allah Isa dan para sahabatnya berdoa agar Allah mengirim ulat ke leher mereka (Ya'juj dan Ma'juj), lalu mereka mati seperti matinya jasad, lalu Nabi Isa dan para sahabatnya datang (dan melihat), tidak ada sejengkal tempat pun melainkan telah dipenuhi oleh bangkai dan bau busuk darah mereka. Lalu Nabi Isa dan para sahabatnya berdoa (lagi) kepada Allah, lalu Allah mengirim burung seperti leher unta. Burung itu membawa mereka dan melemparkan mereka (ke tempat) seperti yang dikehendaki Allah. Lalu Allah mengirim hujan kepada mereka, tidak ada rumah dari bulu atau rumah dari tanah yang menghalangi turunnya hujan, hujan itu membasahi bumi hingga meninggalkan takungan air di mana-mana.

Allah memberkati kesuburannya hingga sekelompok manusia cukup dengan satu perahan susu unta, satu kabilah cukup dengan satu perahan susu lembu dan beberapa kerabat mencukupkan diri dengan satu perahan susu kambing. Ketika mereka seperti itu, tiba-tiba Allah mengirim angin sepoi-sepoi lalu mencabut nyawa setiap orang Mukmin dan Muslim melalui bawah ketiak mereka, dan orang-orang yang masih hidup adalah manusia-manusia buruk, mereka melakukan hubungan badan secara tenang-terangan seperti keldai kahwin. Maka ke atas mereka itulah Kiamat terjadi." (H.R Bukhari)

KESIMPULAN

Banyak perbincangan mengenai Ya'juj dan Ma'juj yang telah dibahaskan oleh para ulama kita akan tetapi ia tetap menjadi perkara yang wajib kita imani kerana bersangkutan paut dengan beriman kepada perkara ghaib. Lebih-lebih lagi ia telah diterangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Sama ada ia telah terjadi atau belum terjadi, pastinya kita perlu untuk membuat persediaan yang rapi sebelum tibanya fitnah-fitnah yang besar dan buruk kepada kita. Kerana ia merupakan satu musibah kepada umat Islam apabila telah terjadi dan tersebar kerosakan dalam aqidah umat Islam pada ketika itu.



TIUPAN SANGKAKALA BUKAN SEKADAR PERINGATAN BIASA

Oleh: Muhammad Ridhwan Mohd Danian

Hari Kiamat, Hari Akhirat, Hari Kebangkitan, Hari Kehancuran dan banyak lagi istilah yang dikaitkan dengan hari yang sekalian alam akan musnah dan makhluk yang ditaklifikkan di atas mukabumi ini iaitu manusia akan dihisab dan ditentukan sama ada kehidupan mereka berkesudahan dengan kesudahan yang baik atau sebaliknya dan ia meliputi keseluruhan sifat Allah S.W.T Yang Maha Penyayang Lagi Maha Mengasihani. Persoalan-persoalan tentang ini telah lama dipersoalkan dan telah dijawab oleh Allah S.W.T melalui firman-firmaNya dan sabda-sabda Rasulullah s.a.w, seperti:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ۗ
قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي ۗ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ۗ
ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ
يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ خَفِيٌّ عَنْهَا ۗ
قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

"Mereka bertanya kepadamu tentang Kiamat: 'Bilakah terjadinya.' Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan tentang hari Kiamat itu adalah pada sisi Tuhanmu tidak seorang pun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya(Kiamat) selain Dia. Kiamat itu amat berat (huru-harannya bagi makhluk) di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba. Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan tentang hari Kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi ke-banyakan manusia tidak mengetahuinya.'" (Surah al-A'raf: 187)

Juga firmanNya:

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ ۗ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ ۗ
وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا

"Manusia bertanya kepadamu tentang hari kebangkitan. Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kebangkitan itu hanya di sisi Allah.' Dan tahukah kamu wahai (Muhammad), boleh jadi hari kebangkitan itu sudah dekat waktunya." (Surah al-Ahzab: 63)

Juga ketika Malaikat Jibril a.s. mendatangi Nabi Muhammad s.a.w dalam sebuah hadis yang masyhur dan bertanya:

فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ؟...

"Beritahu kepadaku, bila terjadinya Kiamat?"

Kemudian Nabi s.a.w menjawab:

مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ

"Tidaklah orang yang ditanya lebih mengetahui daripada orang yang bertanya." (H.R Muslim)

Meskipun waktu terjadinya hari Kiamat tidak ada yang siapa mengetahuinya, akan tetapi Allah S.W.T telah memberitahu kepada Rasulullah s.a.w beberapa tanda-tanda Kiamat tersebut. Kemudian Baginda menyampaikan kepada umatnya tentang tanda-tanda Kiamat. Para ulamak telah membahagikannya kepada dua:

1. Tanda-tanda kecil
2. Tanda-tanda besar.

Tanda-tanda kecil sangat banyak dan telah berlaku sejak zaman dahulu dan akan terus terjadi sehingga hari ini, di antaranya adalah apabila wafatnya Rasulullah s.a.w, munculnya banyak fitnah, munculnya fitnah dari arah timur (Iraq), timbulnya Golongan Khawarij, munculnya orang yang mengaku sebagai Nabi, hilangnya amanah, diangkatnya ilmu dan bermaharajalelanya kebodohan, banyaknya perzinaan, banyak orang yang minum arak dan merebaknya perjudian, masjid-masjid dihias, banyak bangunan yang tinggi, banyaknya pembunuhan, banyaknya kesyirikan, banyaknya orang yang memutuskan silaturrahim, banyaknya orang yang bakhil, matinya para ulamak dan orang-orang soleh, banyaknya wanita yang berpakaian tetapi telanjang. (HR Bukhari & Muslim)

Kita boleh lihat banyaknya tanda-tanda ini melalui hadis-hadis nabi antaranya ialah:

أَعْدُدْ سِتًّا بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ: مَوْتِي، ثُمَّ فَتْحُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ،
ثُمَّ مَوْتَانِ يَأْخُذُ فِيكُمْ كَقَمَاصِ الْعَنَمِ، ثُمَّ اسْتِفَاضَةُ الْمَالِ
حَتَّى يُعْطَى الرَّجُلُ مِائَةَ دِينَارٍ فَيَطْلُقُ سَاحِطًا، ثُمَّ فِتْنَةٌ لَأَنْ
يَبْقَى بَيْتٌ مِنَ الْعَرَبِ إِلَّا دَخَلْتَهُ، ثُمَّ هُدْنَةٌ تَكُونُ بَيْنَكُمْ
وَبَيْنَ بَنِي الْأَصْفَرِ، فَيَعْدِرُونَ فَيَأْتُونَكُمْ تَحْتَ ثَمَانِينَ غَايَةً،
تَحْتَ كُلِّ غَايَةٍ إِنْنَا عَشْرَ أَلْفَا

"Perhatikanlah enam tanda-tanda hari Kiamat: (1) kematianku (2) penaklukan Baitul Maqdis, (3) kematian(besar-besaran) yang menyerang kamu seperti wabak penyakit qu'ash yang menyerang kambing, (4) melimpahnya harta hingga seseorang yang diberikan kepadanya 100 dinar tetapi dia tidak mahu menerimanya, (5) timbulnya fitnah yang tidak meninggalkan satu rumah orang Arab pun melainkan ianya pasti memasukinya, dan (6) terjadinya perdamaian antara kalian dengan bani Asfar (bangsa Romawi), namun mereka melanggarnya dan mendatangi kalian dengan 80 kelompok besar pasukan. Setiap kelompok itu terdiri dari 12 ribu orang." (H.R Bukhari)

Juga sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ، وَيَثْبُتَ الْجَهْلُ،
وَيُشْرَبَ الْحَمْرُ، وَيَظْهَرَ الزُّنَا

"Sesungguhnya di antara tanda-tanda hari Kiamat adalah: diangkatnya ilmu, tersebarnya kebodohan, arak diminum, dan banyaknya penzinaan." (H.R Muslim)

Kemudian munculnya tanda-tanda yang kedua, iaitu tanda-tanda Kiamat yang besar sebagai tanda telah dekatnya hari Kiamat. Penulis mengkhususkan pembahasan tentang sebahagian tanda-tanda Kiamat yang besar yang hanya disepakati oleh para ulamak terutamanya para ulamak yang telah membahaskan permasalahan ini di dalam kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadith, dan kitab-kitab 'aqidah mereka. Allah S.W.T berfirman:

يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ
آيَاتِ رَبِّكَ ۚ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا
إِيمَانُهَا لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا خَيْرًا ۗ
قُلْ انْتَظِرُوا إِنَّا مُنْتَظِرُونَ

"Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan Malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka), atau kedatangan Tuhanmu atau kedatangan sebahagian tanda-tanda Tuhanmu tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang bagi dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: 'Tunggulah olehmu sesungguhnya kami pun menunggu'"

(Surah Al-An'aam: 158)

Sabda Rasulullah s.a.w :

إِنَّ السَّاعَةَ لَا تَكُونُ حَتَّى تَكُونَ عَشْرُ آيَاتٍ:
خَسَفٌ بِالشَّرْقِ، وَخَسَفٌ بِالمَغْرِبِ، وَخَسَفٌ فِي جَزِيرَةِ العَرَبِ،
وَالدُّخَانُ، وَالدَّجَالُ، وَدَابَّةٌ، وَيَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ، وَطُلُوعُ
الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا، وَنَارٌ تُخْرِجُ مِنْ قَعْرِ عَدْنٍ تَرْحَلُ النَّاسَ،
وَنُزُولُ عِيسَى بْنِ مَرْيَمَ

"Hari Kiamat tidak akan terjadi sehingga kalian melihat sepuluh tanda: Tenggelamnya permukaan bumi di timur, Tenggelamnya permukaan bumi di barat, Tenggelamnya permukaan bumi di Jazirah Arab, Keluarnya asap, Keluarnya Dajjal, Keluarnya binatang besar, Keluarnya Ya'juj dan Ma'juj,

Terbitnya matahari dari barat, Api yang keluar dari dasar bumi 'Adn yang mengiring manusia, serta Turunnya 'Isa bin Mariam a.s." (H.R Muslim)

Dan termasuk keimanan terhadap hari akhirat adalah beriman dengan ditiupnya sangkakala pada hari kiamat. Ini adalah peristiwa yang sangat menakutkan, iaitu peristiwa pertama kali yang terjadi pada hari kiamat. Malaikat Israfil akan meniup sangkakala pada hari kiamat seperti yang diperintah Allah Ta'ala. Di antara permasalahan yang menjadi perselisihan para ulama adalah berapa kali sangkakala ditiup pada hari kiamat kelak. Berikut penulis nukilkan beberapa pendapat para ulama dan perselisihan yang berlaku.

SANGKAKALA AKAN DITIUP PADA HARI KIAMAT

Terdapat banyak dalil dari al-Quran yang menunjukkan bahawa sangkakala akan ditiup pada awal terjadinya hari kiamat. Diantaranya, Firman Allah:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا
مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ

"Ditiuplah sangkakala, maka matilah siapa yang di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (hisab)" (Surau al-Zumar: 68)

Demikian pula firman Allah,

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ

"Dan ditiuplah sangkakala, maka tiba-tiba mereka ke luar dengan segera dari kuburnya (menuju) kepada Tuhan mereka." (Surah Yasin: 51)

Dalam hadis yang panjang, Rasulullah s.a.w menyebutkan,

ثُمَّ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَلَا يَسْمَعُهُ أَحَدٌ إِلَّا أَصْعَى لِيَتَّ وَرَفَعَ لِيَتَّ
ثُمَّ لَا يَبْقَى أَحَدٌ إِلَّا صَعِقَ ثُمَّ يُنْزَلُ اللَّهُ مَطَرًا كَأَنَّهُ الطَّلُّ
أَوْ الظَّلُّ - شَكَّ الراوي - فَتَثْبُتُ مِنْهُ أَجْسَادُ النَّاسِ
ثُمَّ يُنْفَخُ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ

"Kemudian ditiuplah sangkakala, tidak ada seorangpun yang mendengarnya kecuali akan mengarahkan pendengarannya dan menjulurkan lehernya (memerhatikannya). Lalu, tidak tersisa seorangpun kecuali dia mati. Kemudian Allah menurunkan hujan seperti gerimis. Kemudian tumbuhlah jasad-jasad manusia setelah disirami. Lalu ditiuplah sangkakala untuk kali berikutnya, tiba-tiba mereka bangkit dari kuburnya dalam keadaan menanti (hisab)."

(H.R Muslim)

Kita boleh perhatikan beberapa dalil di atas, bahawa yang terjadi ketika sangkakala itu ditiup ada dua keadaan:

1. Semua makhluk di langit dan di bumi akan mati kecuali yang dikehendaki oleh Allah S.W.T
2. Terjadinya kebangkitan dari alam kubur setelah mereka dihancurkan. Ini terjadi setelah tiupan kedua.

PENDAPAT YANG MENGATAKAN TIUPAN SANGKAKALA SEBANYAK TIGA KALI

Di antara ulama yang berpendapat demikian adalah Ibnul 'Arabi, Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah, dan Al-Syaukani r.h.

Tiupan pertama, disebut dengan *nafkhotul faza'*, iaitu tiupan yang menyebabkan ketakutan, kerisauan, atau terperanjatnya seluruh makhluk di atas mukabumi ini. Tiupan ini juga menyebabkan perubahan dan rosaknya alam ini. Tiupan pertama ini ditunjukkan melalui firman Allah SWT:

وَيَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَفَزِعَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَاخِرِينَ

"Dan (ingatlah) hari (ketika) ditiup sangkakala, maka terkejutlah segala yang di langit dan segala yang di bumi, kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Dan mereka semua datang menghadapNya dengan merendahkan diri." (Surah an-Naml: 87)

Tiupan kedua, disebut dengan *nafkhotu al-sha'qi*, iaitu tiupan yang menyebabkan kematian seluruh makhluk.

Tiupan ketiga, disebut dengan *nafkhotul ba'tsi wan nusuuur*, iaitu tiupan dibangkitkannya seluruh makhluk.

Tiupan kedua dan ketiga ini ditunjukkan melalui firman Allah S.W.T:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ

"Dan ditiuplah sangkakala, maka matilah siapa yang di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi, maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (untuk dihisab)." (Surah al-Zumar: 68)

Tiupan ke tiga juga ditunjukkan melalui firman Allah SWT:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ

"Dan ditiuplah sangkalala, maka tiba-tiba mereka keluar dengan segera dari kuburnya (menuju) kepada Tuhan mereka." (Surah Yasin: 51)

PENDAPAT YANG MENGATAKAN SANGKAKALA DITIUP SEBANYAK DUA KALI

Di antara ulama yang berpendapat demikian adalah Ibnu 'Abbas, Al-Hasan Al-Basri, Qatadah, Al-Qurtubi dan Ibnu Hajar r.h.

Tiupan sangkakala yang pertama disebut dengan *nafkhotul faza' wa al-sha'qi*, iaitu tiupan yang menyebabkan terkejutnya seluruh makhluk sehingga menyebabkan

kematian mereka. Menurut ulamak yang berpendapat tiupan sebanyak dua kali, *nafkhotul faza'* dan *nafkhotu al-sha'qi* ini dua hal yang terjadi dalam satu waktu (satu tiupan), bukan dua tiupan yang terpisah. Artinya, mereka terkejut dan kemudian mati kerananya. Para ulamak yang berpendapat dua kali, mereka berdalil dengan firman Allah Ta'ala,

يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ تَتْبَعُهَا الرَّادِفَةُ

"(Sesungguhnya kamu akan dibangkitkan) pada hari ketika tiupan pertama menggoncang alam. Tiupan pertama itu diiringi oleh tiupan ke dua." (Surah al-Nazi'at :6-7)

Ketika menjelaskan ayat di atas, Ibnu Katsir r.h berkata,

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: هُمَا النَّفْخَتَانِ الْأُولَىٰ وَالثَّانِيَةُ، وَهَكَذَا قَالَ مُجَاهِدٌ وَالْحَسَنُ وَقَتَادَةُ وَالضَّحَّاكُ وَغَيْرُ وَاحِدٍ

"Ibnu 'Abbas berkata, 'Keduanya adalah tiupan pertama dan ke dua.' Dan demikian pula yang dikatakan oleh Mujahid, Al-Hasan, Qatadah, Adh-Dhahhak, dan yang lainnya." (Tafsir Ibnu Katsir)

Mereka juga berdalil dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a,

مَا بَيْنَ النَّفْخَتَيْنِ أَرْبَعُونَ

"(Jarak) antara dua tiupan adalah empat puluh." (H.R Bukhari)

PENDAPAT YANG KUAT MENGENAI TIUPAN SANGKAKALA

Di antara dua pendapat tersebut, yang lebih tepat adalah pendapat yang ke dua, bahawa sangkakala ditiup sebanyak dua kali pada hari kiamat. Hal ini berdasarkan hadith dari Abdullah bin 'Amr r.a, dalam sebuah hadith yang panjang di dalamnya diceritakan,

...ثُمَّ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ، فَلَا يَسْمَعُهُ أَحَدٌ إِلَّا أَصْعَىٰ لَيْتًا وَرَفَعَ لَيْتًا، قَالَ: وَأَوَّلُ مَنْ يَسْمَعُهُ رَجُلٌ يَلُوطُ حَوْضَ إِبِلِهِ، قَالَ: فَيَصْعَقُ، وَيَصْعَقُ النَّاسُ، ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ - أَوْ قَالَ يُنْزِلُ اللَّهُ - مَطَرًا كَأَنَّهُ الطَّلُّ أَوْ الظَّلُّ - نُعْمَانُ الشَّائِكُ - فَتَنْبُتُ مِنْهُ أَجْسَادُ النَّاسِ، ثُمَّ يُنْفَخُ فِيهِ أُخْرَى، فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ...

"... Kemudian ditiuplah sangkakala. Tidak ada seorang pun yang mendengarnya kecuali dia memasang pendengarannya dan menjulurkan lehernya. Beliau bersabda, Maka orang yang pertama kali mendengarnya adalah seseorang yang memperbaiki telaga untuk untanya.' Beliau berkata, Dia pun mati, dan orang-orang pun mati. Kemudian Allah mengirim - atau beliau berkata, 'Menurunkan'- hujan gerimis atau naungan -Nu'man (salah seorang perawi) ragu-ragu- yang darinya Allah menumbuhkan (membangkitkan) jasad-jasad manusia. Kemudian ditiuplah sangkakala yang ke dua, maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (putusannya masing-masing)..." (H.R. Muslim)

Maka di dalam hadith tersebut dijelaskan bahwa ketika sangkakala ditiup pertama kali dan didengar manusia, maka mereka pun mati. Kemudian ditiuplah sangkakala kedua kalinya, maka bangkitlah manusia dari kuburnya dan menunggu penghisaban masing-masing. Dua tiupan ini juga ditunjukkan melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a di atas.

JARAK ANTARA DUA TIUPAN

Abu Hurairah r.a berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

مَا بَيْنَ النَّفْخَتَيْنِ أَرْبَعُونَ «قَالُوا: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَرْبَعُونَ يَوْمًا؟ قَالَ: أَيْبُتُ، قَالُوا: أَرْبَعُونَ شَهْرًا؟ قَالَ: أَيْبُتُ، قَالُوا: أَرْبَعُونَ سَنَةً؟ قَالَ: أَيْبُتُ

"(Jarak) antara dua tiupan adalah empat puluh." Para sahabat bertanya, "Wahai Abu Hurairah, apakah empat puluh hari?" Abu Hurairah menjawab, "Aku tidak dapat beritahu." Mereka bertanya lagi, "Empat puluh bulan?" Abu Hurairah menjawab, "Aku tidak dapat beritahu." Mereka bertanya lagi, "Empat puluh tahun?" Abu Hurairah menjawab, "Aku tidak dapat beritahu." (H.R Bukhari)

Maksudnya, Abu Hurairah r.a enggan untuk menegaskan atau memastikan apakah empat puluh hari, empat puluh bulan, atau empat puluh tahun. Tetapi yang pasti adalah bahawa jaraknya empat puluh. Dikatakan juga bahawa jarak dua tiupan ini adalah di antara perkara yang tidak diketahui kecuali Allah Ta'ala.

Ibnu Hajar al-Asqalani r.h mengatakan,

ومعناه امتنعت من تبينه لأني لا أعلمه فلا أخوض فيه بالرأي

"Maksudnya, aku tidak boleh menjelaskan, kerana aku tidak mengetahuinya. Maka aku tidak berbincang tentang hal itu hanya berdasarkan pendapat aku sendiri." (Kitab Fathul Baari)

Hadis dari Abdullah bin Amr r.a, beliau menceritakan,

قَالَ أُعْرَابِيٌّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الصُّورُ؟ قَالَ: قَرْنٌ يُنْفَخُ فِيهِ

Ada orang arab badwi bertanya, "Ya Rasulullah, apa itu al-Sur (sangkakala)?" Baginda menjawab, "Tanduk yang akan ditiup." (H.R Ahmad dan dishahihkan Syauib al-Arnauth)

Juga disebutkan dalam hadis Abu Saïd al-Khudri r.a., Rasulullah s.a.w bersabda,

كَيْفَ أَنْعَمُ وَصَاحِبُ الْقَرْنِ قَدْ التَّمَّ الْقَرْنَ وَاسْتَمَعَ الْإِذْنَ مَتَى يُؤْمَرُ بِالنَّفْخِ فَيَنْفَخُ

"Bagaimana aku akan selesa hidup di dunia, sedangkan pemegang sangkakala telah memasukkannya ke mulutnya. Dia sedang bersedia pendengarannya menunggu diizinkan (meniupnya). Bila dia diperintah meniupnya maka dia akan meniupnya." (H.R Tirmizi)

KESIMPULAN

Walau apa pun perbincangan yang dilakukan oleh penulis berkaitan isu peniupan sangkakala ini sama ada berkaitan jumlah tiupan, atau pada waktu bila akan ditiup dan lain-lain lagi, apa yang paling penting ialah perkara tersebut sudah pasti akan berlaku. Kerana mempercayai terjadinya hari kiamat ini merupakan salah satu daripada Rukun Iman seperti firman Allah SWT :

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

"Sesungguhnya orang-orang mukmin, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Sabi'in, siapa saja di antara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah, hari akhir dan beramal salih, mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka, tidak ada kekhawatiran terhadap mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati" (Surah al-Baqarah: 62)

Sabda Rasulullah s.a.w :

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

"Iaitu engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan hari akhirat, dan engkau beriman kepada takdir, yang baik mahupun yang buruk" (H.R Bukhari & Muslim)

Berdasarkan dalil-dalil ini jelas menunjukkan bahawa Hari Akhirat perlulah diimani dan diyakini akan berlakunya dalam kehidupan kita.



GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM

34. TAFAOQUH IBRAH ALQURAN SIRI 3 ETIKA DAN ADAB MENUNTUT ILMU / 14 DISEMBER 2017



35. MAJLIS PERPISAHAN PUAN SALIZA DAN SAMBUTAN HARI LAHIR / 28 DISEMBER 2017



36. ZIARAH MAHABBAH STAF PUSAT ISLAM / 29 DISEMBER 2017



TERIMA KASIH ATAS PERKHIDMATAN!



EN. ZUHAIMI ALIAS
28 JANUARI 2013 - 1 JANUARI 2018



USTAZ MOHAMAD SHAZNI KHIR BAHARI
6 JULAI 2015 - 18 JUN 2018

SELAMAT DATANG WARGA BARU PUSAT ISLAM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PN. SHARNIZA ZAINUDIN
17 OKTOBER 2016 - SEKARANG



EN. GAFAR OTHMAN
1 DISEMBER 2016 - SEKARANG



EN. MOHD AZRIN ISMAIL
3 JULAI 2017 - SEKARANG



EN. MOHD RUSDI ISOHOD
4 OKTOBER 2016 - SEKARANG



USTAZ IZHAM ABD RAZAK
18 DISEMBER 2017 - SEKARANG



PN. RAFEDAH SAJADI
2 JANUARI 2018 - SEKARANG



UTeM

جامعة ملایسيا تکنیکال

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PUSAT ISLAM UTeM